

**MOKHTAR PETAH**

PERJUANGAN YANG BELUM SELESAI

**DR MAHATHIR**

**MENANGIS DEMI  
BANGSANYA**



**SIMFONI GEMILANG SDN. BHD.**

11, Jalan 1/11, Seksyen 11, Taman Miharja, Kuala Lumpur  
Tel: 03-2061 8888  
Fax: 03-2061 8889  
E-mail: info@simfoni.com.my



**SIMFONI GEMILANG SDN. BHD.**

25, JALAN ABDULLAH  
OFF JALAN BANGSAR  
59000 KUALA LUMPUR.

© MOKHTAR PETAH  
- Hak Pengarang Terpelihara -

Perunding Penerbitan :  
BRITS Advertising Sdn Bhd

Dicetak di Malaysia.

1 3 5 7 9 10 8 6 4 2

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun, sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan--dalam--Penerbitan

Mokhtar Petah, Dato', 1934-

Perjuangan yang belum selesai : Dr. Mahathir menangis demi bangsanya / Mokhtar Petah.

ISBN 983-2076-60-5

1. Mahathir bin Mohamad, Dato' Seri, - --Appreciation.
2. Prime minister--Malaysia. 3. Malaysia--Politics and government.
4. Malaysia--Economic conditions. 5. --Malaysia--Social conditions.
1. Judul.

320.9595

ISBN 983-2076-60-5 (KULIT NIPIS)

ISBN 983-2076-01-3 (KULIT KERAS)

m  
320.9595  
mok

APB 951232/

NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

18 JUN 1999

*“Jangan kita fikir  
sekali merdeka maka  
selama-lamanya kita  
akan merdeka”*

Dr Mahathir Mohamad

# Kandungan

• Kata-kata Aluan .....	ix
• Prakata .....	xi
• Warkah Dr. Mahathir Mohamad .....	1
• Perjuangan Yang Belum Selesai .....	3
• Sajak Dan Tangis .....	7
• Anak Lelaki .....	13
• Manusia Tawakal .....	19
• Kelemahan Sistem Demokrasi .....	25
• Titik Peluh Kita .....	49
Anak Watan .....	50
Banyak Nikmat .....	51
Melupakan Sejarah .....	52



	Sikap Rasional .....	53
	Orang Asing .....	54
	Kita Boleh .....	55
•	Maruah Bangsa .....	57
	Sistem Politik .....	58
	Negara Maju .....	59
	Anggur Masam .....	59
	Cara Negatif .....	60
	Melepas Geram .....	61
	Kurang Tahan .....	62
	Tidak Tenggelam .....	63
	Kaji Selidik .....	63
	Tulus Ikhlas .....	64
	Ilmu Dukun .....	65
	Merosot Prestasi .....	66
	Tahan Lasak .....	67
	Orang Islam .....	68
	Menebus Maruah .....	68
	Mencapai Matlamat .....	69
	Arus Ekonomi .....	70
	Disokong Rakyat .....	71
	Tidak Efisien .....	72
	Melayan Nafsu .....	73
	Bahasa Sendiri .....	74
	Menguasai Ilmu .....	75
	Negara Islam .....	76
•	Kekuatan Negara .....	77
	Tidak cekap .....	79
	Mencetuskan Kegelisahan .....	81
	Dibeli Balik .....	83
	Pengaruh .....	85
	Syarikat Tempatan .....	86
	Terus Mati .....	89
	Dilindungi .....	91
	Cuba Musnahkan .....	92
	Mencetuskan Kegawatan .....	95
•	Kata-kata Amanah .....	105

## KANDUNGAN

- Gembira Yang Sederhana ..... 107
- Penyalahgunaan Kuasa ..... 117
- Rasa Sedikit Penderitaan ..... 121
- Penutup..... 127

DR. MAHATHIR MENANGIS DEMI BANGSANYA

# Kata-kata Aluan

*"What lies behind us and what lies before us are  
tiny matters compared to what lies within us"*

*– Ralph Waldo Emerson*

Tidak lama lagi kita akan melangkah ke alaf baru. Namun permasalahan kejatuhan matawang, krisis politik dan kegawatan ekonomi masih mencengkam hidup. Kegawatan dan krisis tersebut telah menyebabkan teras keyakinan sebahagian besar masyarakat kita tergugat serta berada dalam keadaan dilema. Oleh itu kami memilih buku ini untuk diketengahkan dalam masyarakat supaya kita dapat menyelam hati budi Dr Mahathir Mohamad, memahami isi hatinya serta dapat menilai semula perjuangannya dalam perspektif yang jitu.

Kami berharap pembaca dapat menghayati buku ini supaya dengan cara itu kita akan dapat memahami dari dekat

wawasan serta cita-cita, tangis dan tawanya seorang insan yang bernama Dr Mahathir Mohamad yang mencintai pembangunan tamadun bangsa dan negaranya lebih dari segala-galanya.

Untuk pengetahuan pembaca, kita patut merasa bangga kerana banyak skrip ucapan dan puisi Dr Mahathir Mohamad telah diterjemahkan dalam bahasa Russia untuk dikaji kerana peranan Dr Mahathir Mohamad di arena antarabangsa terutama keberanian beliau dalam mengemukakan isu-isu semasa dengan jelas dan lantang walaupun berhadapan dengan negara-negara berkuasa besar, telah menjadi perhatian umum terutama negara-negara membangun.

Seorang pemimpin adalah seperti manusia biasa yang boleh melakukan kesilapan tetapi kesilapan yang dilakukan boleh dimaafkan jika dilakukan secara ikhlas dan bukan kesilapan yang sengaja dirancangan. Begitu juga dalam proses mencari penyelesaian krisis ini tidak ada formula yang boleh diperolehi melalui buku-buku akademik. Ianya merupakan satu cabaran baru. Oleh itu kita tidak sepatutnya cepat mengkritik dan membidas jika cara penyelesaian atau formula yang dilakukan oleh Dr Mahathir Mohamad tidak tepat atau kurang berjaya. Kita sepatutnya sama-sama mencari jalan keluar dan memberi kritik positif yang membina.

Adalah menjadi harapan kami buku ini dapat serba sedikit menjelaskan kekuatan dan kelemahan bangsa kita. Sebagai satu bangsa jika kita dapat mengakui, mempelajari dan memperbaiki kelemahan yang ada, percayalah kita akan menjadi bangsa yang kuat dan berdaulat.

Kami percaya buku ini dapat memaparkan harapan, kepercayaan dan wawasan seorang negarawan, pemimpin dan pejuang yang sukar dicari dalam abad ini. Kami juga merasa bangga dan bertuah berpeluang menerbit buku yang bersejarah ini. Justeru itu, buku ini perlulah dimiliki oleh setiap individu yang berteduh di bawah lambang bendera Malaysia. Selamat membaca.

Penerbit

**SIMFONI GEMILANG SDN. BHD.**

# Prakata

"PM menangis..." seorang penonton wanita membisikkan ke telinga kanan suaminya sebaik-baik sahaja dia melihat diklamator sajak — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menangis menitiskan air matanya.

Empat belas rangkap sajak *'Perjuangan Yang Belum Selesai'* yang dibaca oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi tenggelam timbul dari mulutnya yang telah dikuasai oleh hati nuraninya yang sedih.

*Sesungguhnya tiada yang lebih menyayat dari melihat  
bangsaku dijajah.*

*Tidak ada yang lebih menyedihkan dari melihat bangsaku  
dihina.*

Para hadirin yang memenuhi dewan MATIC di Jalan Ampang, Kuala Lumpur pada malam 4 (Sabtu) Mei 1996 lalu sukar memahami kata-kata yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri dari mulutnya, kerana tangisannya telah mempengaruhi dirinya.

Isterinya yang setia — kekasih dan doktor peribadinya, Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali melangkah naik ke atas pentas dan berdiri setia dan manja di belakang suaminya sambil membelai belakang pejuang bangsa itu, kerana beliau amat mengetahui kalau tidak disokong pejuang itu berdiri akan mudah tumbang, kerana tangisan mempengaruhi sukma (jantung) seseorang. Suami isteri itu berdiri dengan penuh kesetiaan sehingga sajak itu habis dibaca oleh sang pejuang bangsa itu.

Sajak *'Perjuangan Yang Belum Selesai'* telah ditulis sendiri oleh Dr Mahathir kerana untuk dilaungkan isi hatinya yang diwarnakan dalam sajak itu kepada anak bangsanya.

Menangis seorang pemimpin negara adalah 'tangisan perjuangan' dan 'tangisan politik'. Tangisan itu adalah pembakar semangat anak bangsa, api yang panah menyambar dada para pejuang dan warna keinsafan bagi setiap insan yang mencintai bangsa dan tanah airnya.

Sesungguhnya, Dr Mahathir bukan pejuang baru. Beliau telah memulakan perjuangan untuk tanah air semasa menuntut di Universiti Malaya di Singapura lagi, iaitu dalam tahun 1950 bersama mahasiswi Siti Hasmah binti Mohd Ali menyertai 35 orang mahasiswa-mahasiswi universiti tersebut membantah usaha menghapuskan hak istimewa bangsa Melayu.

Di antara mahasiswa-mahasiswi tersebut ialah Allahyarham Aminuddin Baki, Abdullah bin Ayub, Kamaruddin Arif, Raja Ahmad Nordin, Zaharah binti Mokhtar dan Ariffin bin Marzuki.

Dr Mahathir meneruskan perjuangannya seperti seorang 'nelayan yang menongkah ombak'. Kerana keyakinan, kegigihan, keberanian dan tawakal, maka beliau telah menjadi pemimpin negara dan melaungkan kepada dunia, "... bangsa Melayu tidak mati, bangsa Melayu sudah bangun..."

Malam itu Dr Mahathir menangis dan malam itu menjadi suatu kesimpulan tanya dan jawab, apakah ahli-ahli UMNO dan bangsa Melayu sanggup meneruskan perjuangan yang belum selesai itu.

Saya mengemukakan bingkisan itu adalah untuk merakamkan peristiwa yang menjadi catitan sejarah tanahair itu. Penyuh menangis kerana matanya ditiup angin pantai, tetapi Dr. Mahathir menangis kerana sedih dan insaf akan bangsanya sendiri.

*Oh, air mata,  
kilaumu ada maknanya,  
titikmu ada hikmatnya,  
cinta yang putus,  
perjuangan yang kudus,  
mati bernama syahid,  
air mata pengiringnya.*

Pada masa Dr. Mahathir Mohamad menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia, saya telah menulis surat kepadanya dengan merakamkan ucapan tahniah dan menghulurkan sedikit pandangan kepada beliau, maka beliau telah membalas surat saya itu pada 28 Mei 1981.

Saya melihat, bahawa pandangan yang saya telah kemukakan kepada Dr Mahathir Mohamad dan kandungan buku saya yang berjudul DR MAHATHIR DAN MASA DEPAN NEGARA adalah tepat dan beliau telah melaksanakannya.

Perjuangan dan usahanya adalah menjadi penyambung kata-kata falsafah 'Tak Melayu hilang di dunia'.

Doa dari saya "Allah sentiasa menganugerahkan taufiq dan hidayat-Nya kepada hamba-Nya, Dr. Mahathir Mohamad."

*Mokhtar Petah  
Bukit Rimba Zoo Negara*





*Dr Mahathir Mohamad menahan tangisannya kerana mengingat nasib bangsa.*



*Dr Mahathir Mohamad*



*Betapa sedihnya Dr Mahathir Mohamad ketika berucap.*



*Dr Mahathir Mohamad sedang membaca surah Yasin dalam satu majlis ibadat.*



*Dr Mahathir Mohamad dan keluarganya pada masa beliau masih memegang jawatan Menteri Pelajaran.*



*Dr Mahathir Mohamad sedang diraikan oleh orang ramai.*



*Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Kelantan, Dato' Haji Nik Abdul Aziz dalam satu Majlis menandatangani Perjanjian Usahasama antara KUB Berhad dengan syarikat minyak negeri Kelantan -Keloil Sdn Bhd*



*Dr Mahathir Mohamad bersalaman dengan para perajurit Malaysia di Bosnia-Herzegovina.*





*Dr Mahathir Mohamad bersama isterinya, Datin Seri Siti Hasmah sedang beramah mesra dengan para perajurit Malaysia yang cedera di Bosnia-Herzegovina.*

Tel. No. K.L. 201198



KUALA LUMPUR,  
MALAYSIA

TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DEPUTY PRIME MINISTER

28hb Mei, 1981

Encik Mokhtar Petah,  
162 Jalan Sultan Idris Shah,  
Ipoh,  
PERAK.

Saudara,

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana ucapan  
tahniah yang agak terawal dan juga pandangan yang  
diberi.

*Dr. Mahathir bin Mohamad*

(DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD)

# Perjuangan Yang Belum Selesai

*Sesungguhnya tidak ada yang lebih menyayat  
dari melihat bangsaku dijajah,  
tidak ada yang lebih menyedihkan  
dari membiarkan bangsaku dihina.*

*Air mata tiada ertinya,  
sejarah silam tiada maknanya,  
sekiranya bangsa tercinta terpinggir,  
dipersenda dan dilupakan.*

*Bukan kecil langkah wira bangsa  
para pejuang kemerdekaan*

*bagi menegakkan kemuliaan  
dan darjat bangsa.  
Selangkah bererti mara  
mengharung sejuta dugaan.*

*Biarkan bertatih  
asalkan langkah itu yakin dan cermat  
bagi memastikan negara merdeka  
dan bangsa terpelihara.  
Air mata sengsara  
mengiringi setiap langkah bapa-bapa kita.*

*Tugas kita bukan kecil  
kerana mengisi kemerdekaan,  
rupanya lebih sukar dari bermandi  
keringat dan darah menuntutnya.*

*Lagi pula apalah ertinya kemerdekaan  
kalau bangsaku asyik mengia dan menidakkan,  
mengangguk dan membenarkan,  
kerana sekalipun bangganya negara  
kerana makmur dan mewahnya,  
bangsaku masih melata  
dan meminta-minta di negaranya sendiri.*

*Bukan kecil tugas kita  
meneruskan perjuangan kemerdekaan kita  
kerana rupanya selain memerdekakan,  
mengisi kemerdekaan itu jauh lebih sengsara.*

*Bangsaku bukan kecil hati dan jiwanya  
bukankah sejak zaman berzaman  
mereka menjadi pelaut, pengembara  
malah penakluk terkemuka?*

*Bukankah mereka sudah mengembangkan sayap,  
menjadi pedagang dan peniaga  
selain menjadi ulama dan ilmuan terbilang?*

*Bukankah bangsaku pernah  
mengharung samudera  
menjajah dunia yang tak dikenal.  
Bukankah mereka pernah menjadi  
wira serantau  
yang tidak mengenal erti takut  
dan kematian?*

*Di manakah silapnya  
hingga bangsaku berasa begitu  
kecil dan rendah diri?  
Apakah angkara penjajahan?*

*Lalu bangsaku mulai melupakan  
kegemilangan silam  
dan sejarah gemilang membina empayar?*

*Tugas kita belum selesai rupanya  
bagi memertabat dan memuliakan bangsa  
kerana hanya bangsa yang berjaya  
akan sentiasa dihormati.*

*Rupanya masih jauh dan berliku  
jalan kita  
bukan sekadar memerdeka  
dan mengisinya  
tetapi mengangkat darjah*

*dan kemuliaan  
buat selama-lamanya.*

*Hari ini, jalan ini pasti semakin berliku  
kerana masa depan  
belum menjanjikan syurga  
bagi mereka yang lemah  
dan mudah kecewa*

DR. MAHATHIR MENANGIS DEMI BANGSANYA

*Perjuangan kita belum selesai  
kerana hanya yang cekal dan tabah  
dapat membina mercu tanda  
bangsanya yang berjaya.*

Dr Mahathir Mohamad  
Seri Perdana  
Kuala Lumpur

# Sajak dan Tangis

Malam tanpa hujan. Perut dewan Pusat Penerangan Pelancongan (MATIC) di Jalan Ampang dipenuhi oleh manusia yang datang untuk melihat Dr. Mahathir membaca sajak dan sekali gus hendak menghayati sajak beliau. Di antara mereka yang hadir itu terdiri dari ahli politik, budayawan, pengarang, penulis, wartawan, seniman lelaki dan perempuan dan berbagai-bagai kedudukan insan lagi.

Negarawan – Dr. Mahathir melangkah naik ke atas pentas dengan teratur dan diikuti oleh ribuan biji mata. Mereka amat gembira kerana inilah pertama kali pemimpin mereka membaca sajak. Sajak itu pula ditulis olehnya sendiri.

Para hadirin dan hadirat bertepuk. Gemuruh bunyinya dan hilang.

Dr Mahathir mula menangis dan bersuara dengan mendatar yang dipengaruhi oleh jiwanya yang sedih. Beliau bersajak:

*Sesungguhnya  
tidak ada yang lebih menyayat (menangis)  
dari melihat bangsaku ... (dalam kesebakan)  
dijajah.*

*... Tidak ada yang lebih menyedihkan (suara  
menggeletar) dari membiarkan bangsaku dihina.*

(Dr Mahathir berhenti seketika, air matanya mulai melimpah dari dua telaga matanya. Beliau mengesat kedua-dua matanya dengan tangan kirinya).

*Air mataku tiada ertinya  
sejarah silam tiada maknanya  
sekiranya bangsa tercinta terpinggir  
di persada dan (terhenti menahan sebak) dilupakan.*

(Isteri Dr Mahathir, Dr Siti Hasmah berjalan ke atas pentas lalu berdiri rapat di belakang suaminya. Waktu dua biji mata milik lebih 2,000 mereka yang hadir tertumpu kepada dua kekasih dan suami isteri yang setia itu, Dr Siti Hasmah mengurut belakang Dr Mahathir dan sebentar kemudian beliau ikut menangis).

Dr Mahathir tidak dapat menahan tangisannya. Ketika itu beliau dan isterinya menangis. Para penonton terpulau tidak ikut menangis).

*Bukan kecil langkah wira bangsa  
para pejuang kemerdekaan  
bagi menegakkan kemuliaan  
dan darjat bangsa  
Selangkah bererti mara  
mengharung sejuta (menahan tangisan) dugaan*



(Dr Mahathir mencari-cari kalimat sajaknya atas kertas yang terletak di hadapannya, kerana air matanya menghalang pandangannya sebelum melanjutkan membaca sajak).

*Biar bertatih asalkan langkah itu yakin dan cermat  
bagi memastikan negara merdeka  
dan bangsa (tangisan menguasai diri Dr Mahathir dan  
beliau berusaha mengatasinya) sengsara mengiring  
setiap langkah bapa-bapa kita.*

(Kerana menahan tangisan dan air mata menabiri kedua-dua biji matanya, maka Dr Mahathir tertinggal dari membaca baris sajaknya dan membaca sajak yang lain dari yang ditulisnya)

*Bu... bukan kecil langkah perwira bangsa  
para pejuang kemerdekaan bagi menegakkan  
kemuliaan  
dan darjat bangsa.*

*Selangkah bererti maut  
(Kata-kata tidak terang kerana tangisannya)*

.....  
.....  
*bagi memastikan negara merdeka  
daulat bangsaku*

*Air mata sengsara (air mata masih mengalir)  
mengiringi setiap langkah  
bapa-bapa kita*

*Bukan kecil tugasku  
meneruskan perjuangan kemerdekaan  
kerana rupanya selain kemerdekaan  
mengisi kemerdekaan itu yang lebih penting  
(Dr Mahathir meninggalkan tiga rumpun sajaknya  
kerana tidak terdaya menahan tangisannya)  
Bangsaku bukan kecil hati dan jiwanya  
bukankah sejak zaman berzaman*

*mereka menjadi pelaut, pengembara  
malah penakluk terkemuka.*

*Bukankah mereka sudah mengembangkan sayap  
menjadi pedagang dan peniaga  
selain menjadi utama  
dan ilmuwan terbilang?*

(Air mata masih mengalir di atas dua pipi Dr  
Mahathir dan beliau meneruskan membaca  
sajaknya)

*Bukankah bangsaku pernah  
mengharung samudera  
menjajah dunia yang tak dikenal.*

*Bukankah mereka pernah  
menjadi wira serantau  
yang tidak mengenal erti takut  
dan kematian?*

*Di manakah silapnya  
hingga bangsaku berasa begitu  
kecil (semua mata merenung ombak dada Dr  
Mahathir dan beliau kelihatan payah menahan  
tangisannya)  
dan rendah diri?  
Apakah angkara penjajahan?*

*Lalu bangsaku mulai melupakan  
kegemilangan silam (Dr Mahathir membaca dengan  
tertahan-tahan sambil isterinya mengusap-usap  
belakangnya dan turut mengalirkan air mata)  
dan sejarah gemilang membina empayar?*

*Tugas kita belum (menahan tangisan dan sebak  
dada)  
rupanya bagi memartabat dan*

*kemuliaan bangsa  
kerana hanya bangsa yang berjaya  
akan sentiasa dihormati*

*Rupanya masih jauh dan berliku  
jalan kita  
bukan sekadar memerdekakan dan  
mengisinya  
tetapi mengangkat darjat dan  
kemuliaan (tangisan Dr Mahathir masih belum reda)  
buat selama-lamanya.*

*(Masih menahan tangisan) hari ini,  
jalan ini pasti semakin berliku  
kerana masa depan  
belum tentu menjanjikan syurga  
bagi mereka yang lemah  
dan mudah kecewa*

*(Tangisan mulai reda). Perjuangan kita  
belum selesai  
kerana hanya yang cekal dan tabah  
dapat membina mercu tanda  
bangsanya yang berjaya.*

(Dr Siti Hasmah memegang tubuh Dr Mahathir sebaik-baik suaminya habis membaca sajak).

Para hadirin bertepuk. Wajah masing-masing ada yang pusing dan muram. Ada yang air mata masih membasahinya. Mereka terharu.

Walaupun ada orang berkata dan telah menjadi peribahasa bangsa kita, bahawa "ketawa kita berdua (beramai-ramai) menangis kita seorang, tetapi lain pula yang dialami oleh negarawan kita pada malam itu, beliau dan isterinya menangis dan diikuti ramai para hadirin menangis atau sekurang-kurangnya tidak menyedari air mata mengalir atas pipi serta yang terpegun kerana diragut oleh kesedihan. Dan mereka

DR. MAHATHIR MENANGIS DEMI BANGSANYA

sama-sama berkongsi kesedihan pemimpin mereka yang menyambung kepimpinan Allahyarham Dato' Onn bin Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein dan Tun Hussein Onn.

# Anak Lelaki

Sebuah sajak yang telah ditulis dan dibaca sendiri oleh Dr Mahathir adalah sebuah nasihat dan amanat dari pemimpin kepada orang ramai yang dipimpin. Sajak itu memanggil seluruh bangsa Melayu mengamati sejarah, mengenang para pejuang bangsa dan sekali gus menilai dan menyanjung maruah bangsa Melayu.

Apabila membaca seluruh sajak 'Perjuangan Yang Belum Selesai', ingatan saya menjangkau ke tahun 1956, iaitu tahun seluruh bangsa Melayu di kemuncak perjuangan menuntut kemerdekaan tanah air. Dalam tahun itu setiap orang Melayu menjadi berani dan tidak takut mati.

*Petani dengan tajak dan cangkul melaung 'merdeka'  
nelayan berperahu dayung jerkahkan 'merdeka'  
ulama dan guru Melayu dakwah dan ajar 'merdeka'  
peniaga kecil derma sabun sebuku untuk 'merdeka'  
pesakit atas katil hospital merungut 'merdeka'  
Wira dan perajurit Melayu gagah berani,  
belulang dan tulang benteng diri,  
kematian dinanti kemenangan dihajati,  
lalu semua anak Melayu melakukan 'merdeka'  
Ketua UMNO berbasikal buruk,  
ahli UMNO berkaki ayam,  
berjalan jauh,  
menumpang bas atau lori.*

*Tiada 'Coffee House' hanya kedai cangkung,  
ahli politik berseluar dan baju tampung,  
lepas sidang kunyah nasi lemak bersambal  
dan ulam kangkong.*

Dalam tahun itu jugalah, seorang ulama ahli politik dan sasterawan Melayu, Allahyarham Zulkifli Mohamad<sup>1</sup> dari Kuala Kangsar Perak telah menulis sebuah sajak berjudul 'Nusaku' dan telah disiarkan dalam majalah 'Medan Masyarakat' yang terbit di Perak<sup>2</sup>. Sajak itu seperti di bawah ini:

*Berkurun-kurun penjajah memijak nusa  
merampas merebut kekayaan negara  
kehormatan bangsa  
kita tertindas jatuh gugur terlentang  
tertiarap kucar kacir hina dia terayap  
kemegahan dipuja hilang lenyap hapus  
pupus*

1. *Mokhtar Petah*, 'ZULKIFLI MOHAMAD DALAM KENANGAN' Kota Bharu, Kelantan, Pustaka Aman Press, 1965 dan 1966.
2. *Ibid*, muka 101.

darah diminum tulang dihisap hingga  
 kurus  
 nusa luas riang ria kaya makmur  
 rosak terhempas susah pecah hancur  
 lebur  
 bercerai berai rakyat murba  
 merata ceruk  
 'Pecahkan kemudian perintah' cita-cita busuk  
 asa penjajah menipu rakyat mendaya  
 murba  
 menjadikan bangsa gah mulia  
 budak hamba  
 pekik jerit ke sana sini  
 menderita sengsara  
 mulia hina sama terlantar  
 terkatung-katung  
 dimain penjajah keji terlambung-lambung  
 berbagai rupa ragam penanggungan kita  
 lemah pena menggubah madah  
 melukis kata  
 kini walau di mana kita berdiri  
 biar berjauhan berlainan daerah  
 dan rantau negeri

bersama berjuang bersungguh hati  
 beramai-ramai  
 berteguh setia bersatu padu  
 berikat sampai  
 menuju cita-cita kemuliaan bangsa  
 dan tanahair  
 persada pusaka  
 turun temurun tempat terzahir  
 bangunlah putera puteri serentak  
 memalu tambur  
 menyedarkan bangsa  
 melaksanakan cinta mumi luhur  
 membela agama bangsa nusa

*kampung halaman  
sedarah daging senasib untung  
handai dan teman  
bersatu daya berpadu tenaga  
memutuskan ikatan  
mengubah nasib 'azab penderitaan'*

Dr Mahathir menulis sajaknya dalam bentuk quatrains iaitu bentuk sajak yang sering digunakan oleh penyair-penyair Islam, seperti, Omar Khayyam (1048-1122) – penyair Iran. Kebanyakan sajak Omar Khayyam dalam bentuk ruba'is (quatrains<sup>3</sup>).

Pada umumnya sajak-sajak yang ditulis bentuk ini ialah yang bercorak keTuhanan, perjuangan, tanahair dan kemanusiaan.

Dr Mahathir yang seperti kita ketahui, selain daripada seorang negarawan, beliau telah mengarang buku 'THE MALAY DILEMMA'<sup>4</sup> dan buku 'MENGHADAPI CABARAN'<sup>5</sup>. Kedua-dua bukunya bersifat politik dan kemasyarakatan. Beliau juga boleh diterima sebagai seorang penyair. Walaupun sajaknya hanya sebuah 'Perjuangan Yang Belum Selesai'.

Dr Mahathir menangis dengan mengeluarkan air mata seorang lelaki, seorang pejuang, seorang pembela bangsanya dan seorang pejuang yang telah berjuang seperti nelayan dengan perahu kecilnya 'menongkah ombak'. Beliau menangis kerana mengenangkan nasib bangsanya yang telah lama tertindas sebelum tanahair merdeka. Bangsanya diperhamba oleh penjajah, dan menangis kerana perjuangannya belum selesai.

3. *The Macmillan Encyclopedia*, London, Guild Publishing, Book Club Associates, 1988.
4. *Mahathir bin Mohamad*, 'THE MALAY DILEMMA' Singapura, Times Editions Pte Ltd, 1970.
5. *Mahathir bin Mohamad*, 'MENGHADAPI CABARAN', Kuala Lumpur, Pustaka Antara, 1976.



Beliau tidak menangis seperti orang yang kecewa, putus asa dan tidak berjuang, maka tangisannya itu tidak sama dengan syair Arab, yang ertinya:

*(Dijadikan) lembaga anak lelaki  
Sabar teguh menanggung sakit  
Jika jenis perempuan  
hanya meratap dengan menangis.*

Dr Mahathir anak lelaki. Beliau telah terjun berjuang, ibarat pendekar menghunus keris di tengah gelanggang. Tetapi beliau sedar dan ramai orang mengetahui, bahawa kini ada tangan-tangan yang mencuba untuk melemahkan perjuangannya. Mereka mahu perjuangannya yang belum selesai terus gagal. Tangan-tangan itu adalah yang dipercayainya sejak lama. Tetapi kerana telah menjadi adat dunia, bahawa rakan politik tidak selama-lama seiring jalan, kalau tidak sanggup menghunus di hadapan, di belakang dicuba juga.

Dalam perjuangannya dalam dunia 'warisan', ramai orang menyokong, bertepuk dan ketawa, konon menyokongnya, tetapi Dr Mahathir sedar siapa kawan sebenar dan siapa musuh mencari alpa.

*Bila kini orang-orang berkata ya  
Belum tentu aku bisa berkata ya  
kerana mereka tak pernah merasakan  
Luka tajam pisau yang dibenamkan.<sup>6</sup>*

Tangisan Dr Mahathir waktu membaca sajak 'Perjuangan Yang Belum Selesai' boleh kita sifatkan tangisan seorang pemimpin kepada rakyatnya, supaya mereka insaf dan menyambungkan perjuangannya yang belum selesai.

6. *Suhairni Haji Muhammad, KELAHIRAN SEORANG ANAK, Ipoh, Toko Buku M. Haliza, 1969.*

Dalam meneruskan perjuangan dan tanggungjawab kepada bangsa dan negaranya, Dr Mahathir terpaksa menghadapi:

Orang yang berani menyatakan kebenaran, kalau beroleh kawan, adalah kawan yang setia dan yakin akan pendiriannya, yang tidak ditakuti akan mungkirnya. Dan kalau dia beroleh lawan, ialah yang meskipun dia tidak tunduk, tetapi tetap menghormatinya. Dan kalau ada juga yang memusuhinya, bukan kerana tidak mengakui kebesarannya. Tetapi rasa pemusuhan itu timbul ialah lantaran telah mengakui lebih dahulu akan kebesarannya.<sup>7</sup>

Sesuai dengan erti sajak 'Perjuangan Yang Belum Selesai' elok kita meneliti ucapan Dr Mahathir di Dataran Merdeka, pada malam 10 Mei 1996:

"Tumpukan segala usaha untuk membangunkan negara, tidak tamak kuasa, tetapi hanya ingin kepada kuasa untuk berbakti kepada rakyat dan negara".

"Ingat, perjuangan kita belum selesai dan harus kita membaharui tekad kita pada hari ini."

"Kita akan teruskan perjuangan ini ... saya tidak berpeluang, saya serahlah kepada generasi muda untuk mewakili saya dan saya harap kita tidak akan abaikan tanggungjawab kita sebagai satu bangsa yang ingin menjadi bangsa yang dihormati."

Sajak beliau 'Perjuangan Yang Belum Selesai' dengan upacara pada malam tersebut mempunyai rantaian yang kukuh dan menyedarkan golongan generasi muda kita.

---

7. *HAMKA. FALSAFAH HIDUP*. Pustaka Antara, 1964.

# Manusia Tawakal

*Hidup ini adalah tujuan:  
kerana tujuan itu loceng  
kafilahnya berbunyi.  
Hidup ini terbenam dalam carian  
asalnya tersembunyi dalam  
kehendak.  
Hidupkan kehendak dalam  
sukmamumu  
jika tidak pasirmu akan jadi  
pusara<sup>8</sup>*

---

8. *Muhammad Iqbal: ASRAR-I-KHUDI - 'THE SECRETS OF THE SELF'*  
Parsi (Iran), 1908.

Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad yang berdiri sebagai negarawan di hadapan kita adalah penyambung perjuangan negarawan-negarawan kita yang lalu. Kini Dr Mahathir berada di puncak. Beliau telah mendaki ke puncak bukanlah seperti cinta lampu ajaib, tetapi beliau telah mengalami duri dan dura, tersingkir dan terbuang, tetapi seperti sajak Muhammad Iqbal di atas, maka beliau menjadi manusia tawakal dan akhirnya pasirmu tidak menjadi pusara.

Pada masa Dr Mahathir menjadi mahasiswa di Universiti Malaya, Singapura, Dr Mahathir, pada 16 Mei 1950, beliau menyertai para mahasiswa Melayu dalam Malay Graduates Association universiti tersebut telah menghantar memorandum kepada Raja-raja Melayu dan UMNO membantah Jawatankuasa Perhubungan Kaum anjuran Persatuan Orang-orang Cina Malaya (MCA) yang didapati memujuk orang-orang Melayu dalam jawatankuasa itu supaya bersetuju dengan syor-syor kerakyatan jawatankuasa tersebut.

Malay Graduates Association - MGA (Persatuan Pelajar-pelajar Tinggi Melayu mendapati MCA tidak jujur dan cuba untuk menghapuskan 'Hak Istimewa' orang Melayu.

Di antara kandungan memorandum itu adalah seperti berikut:

Lebih jauh kami suka hendak melahirkan bangkangan kami terhadap pergerakan baharu itu yang sedang dibuat oleh Persatuan Orang-orang Cina Malaya (MCA) sekarang untuk memudahkan orang-orang bukan Melayu mendapat taraf kerakyatan itu. Penentangan kami terhadap perkara ini adalah juga berasaskan alasan-alasan yang dikemukakan terhadap cadangan-cadangan J.K.P.K. itu.

Kami, yang bertanda tangan di dalam memorandum ini, adalah penuntut-penuntut dan dengan keadaan demikian fikiran dan pandangan kami mestilah bersifat maju dan luas. Tetapi setelah menimbang dengan sehalus-halusnya tentang betapa buruknya keadaan sekarang kami merasa bahawa kami tidak dapat mengorbankan apa juga "hak istimewa" yang sedikit yang kita dijangka memperolehi bagi faedah "kemajuan".

Berhubung dengan kenyataan-kenyataan di atas kami merayu kepada orang-orang Melayu amnya, Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu, UMNO dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Melayu, khasnya supaya memberi perhatian berat kepada memorandum ini.

Bagi sementara ini biar bidalan ini menjadi panduan kita. "Biar lambat asalkan selamat".

**Universiti of Malaya**  
**Singapura**  
**16hb Mei 1950**

Saudara Abdul Khalid bin Jabil  
 Saudara Abdul Rahman Yatim  
 Saudara Mohd Radzi  
 Saudara Md. Hashim bin Sam Abdul Latif  
 Saudara Abdullah bin Ayub  
 Saudara Yusof bin Zainal  
 Saudara Aminuddin bin Baki  
 Saudara Nasaruddin bin Mohamad  
 Saudara Azizul Rahman  
 Saudara Saad bin Marzuki  
 Saudara Abdul Shukor  
 Saudara Hussain bin Mohd Osman  
 Saudara Mohd Rasli bin Nawli  
 Saudara Kamaruddin bin Ariff  
 Saudara Abdul Ghani  
 Saudara Hamzah bin Sindut  
 Saudara Abdul Rahman Jalal  
 Saudara Abdullah bin Majid  
 Saudara Mahathir bin Mohamad  
 Saudara Hussain bin Abdul Ghani  
 Saudara Mohd Noor bin Marahakim  
 Saudara Mohammed bin Abdul Rahman  
 Saudara Raja Abdullah  
 Saudara Shamsuddin bin Abdul Rahman  
 Saudara Mohd Mustafa bin Haji Zain

Saudara Ariffin Marzuki  
Saudara Mahfudz bin Mohd Ali  
Saudara Abdul Majid bin Ismail  
Saudara Ahmad bin Yassin  
Saudara Ahmad bin Haji Othman  
Saudari Siti Hasmah binti Mohd Ali  
Saudari Zaharah binti Mokhtar  
Saudara Hassan bin Othman  
Saudara Raja Ahmad Nordin

Setelah menyertai UMNO dan berjuang dalam UMNO, beliau telah menulis surat kepada Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra. Surat itu dikirim kepada Tunku secara peribadi dari peribadi kepada peribadi, ertinya bukan surat terbuka dan surat layang. Malangnya di pejabat Perdana Menteri masa itu ada orang yang iri hati kepada Dr Mahathir, maka surat beliau yang telah tiba di pejabat Perdana Menteri tidak disampaikan terus kepada Tunku, sebaliknya surat itu disalin (fotokopi) dan disebarkan kepada orang ramai.<sup>9</sup>

Akibat dari perbuatan iri hati itu, Dr Mahathir telah dipecat dari UMNO dengan kehendak Tunku Abdul Rahman sendiri sebagai presiden UMNO. Kemudian dengan usaha Datuk Harun Idris (Selangor) dan Haji Sulaiman Palestin (Pulau Pinang), Dr Mahathir telah diterima semula menyertai UMNO.

Dr Mahathir tidak seperti orang lain yang mencerca, mengutuk dan melaknat UMNO, beliau hanya menegur kepimpinan Tunku Abdul Rahman. Beliau tetap menyanjung UMNO. Maka Dr Mahathir tidak berada dalam golongan 'orang-orang yang mengutuk UMNO' yang kemudiannya menjilat ludah sendiri.

Sesungguhnya perjuangan belum selesai. Kemerdekaan bukan titik akhir perjuangan. Lebuhraya perjuangan masih luas di hadapan kita dan untuk meneruskan perjuangan itu,

---

9. Allahyarham Datuk Senu Abdul Rahman memberitahu penulis.

# Kelemahan Sistem Demokrasi

ALHAMDULILLAH, segala puji bagi Tuhan yang menguasai sekalian alam, selawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w.

Kita bersyukur kerana hari ini kita menyambut ulang tahun yang ke-50 parti kita, UMNO. Kita sambut hari ini dengan gembira, gembira bukan secara keterlaluan dengan membakar mercun atau bunga api atau menari-nari di tengah jalan. Gembira kita ialah gembira yang sederhana kerana tidak akan bermakna kita bersyukur dengan sesuatu yang tidak mengembirakan. Lima puluh tahun bagi sesebuah parti politik di Malaysia adalah satu usia yang panjang. Dalam 50 tahun ini sudah banyak parti politik yang muncul, bergerak

buat beberapa tahun dan kemudian luput, hilang dari bumi Malaysia kita. Tetapi UMNO masih berada dan bukan sahaja berada, tetapi masih sihat dan masih dapat menghasilkan perjuangan kita. Sekali lagi kita bersyukur. Alhamdulillah.

**Pada hari lahir ini, sebagai tanda kesyukuran selain daripada bergembira, kita harus menoleh ke belakang untuk meneliti sejarah kita, sejarah perjuangan kita, sejarah pencapaian kita, liku-liku dan jalan-jalan yang telah kita lalui, sama ada yang beranjau atau yang tidak, semua ini harus kita ingat dan kita renung semula, mudah-mudahan akan menjadi pengajaran dan panduan kepada kita. Kita perlu renung kerana mereka yang lupa akan sejarah akan didera dengan mengulangi segala kesalahan berkali-kali. Dan sudah tentu kita tidak ingin mengulangi sejarah yang buruk, yang hitam.**

Banyak perkara dalam sejarah kita yang harus kita teliti. Antaranya ialah sistem politik yang kita telah pilih. UMNO tidak diasaskan kepada "*palace coup*" atau rebutan kuasa dalam istana. Ia bukan gerakan elitis yang diterajui oleh golongan intelek yang sedikit atau revolusi tentera atau oleh puak revolusioner yang berideologi tertentu. UMNO sejak mulanya lagi ialah gerakan massa, "*mass movement*" yang mendapat kedudukan dan "*legitimacy*" kerana sokongan rakyat, sokongan massa yang tidak bersenjata apa-apa, hanya bergantung kepada jumlah bilangan mereka. Dengan perkataan lain, **UMNO sejak mula lagi diasaskan kepada demokrasi dan memilih demokrasi bukan sebagai ideologi yang ketat, tetapi sebagai pendekatan yang terbaik bagi perjuangan UMNO.** Sebagai gerakan massa, siapa juga daripada kaum Melayu berhak menganggotainya. Hanya yang dikehendaki daripada ahli ialah penerimaan secara ikhlas perjuangan dan matlamat UMNO dan segala peraturan pentadbirannya yang terdapat dalam Perlembagaan UMNO.

Benar Perlembagaan UMNO bukan ideologi atau manifesto politik. Ia boleh dipinda dan memang pun telah



dipinda berkali-kali. Tetapi pindaan mestilah dibuat mengikut peruntukan Perlembagaan yang berkuatkuasa semasa pindaan disyorkan. **Oleh kerana UMNO berpegang kepada demokrasi, amatlah penting kita sebagai ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin UMNO memahami kekuatan dan kelemahan sistem demokrasi. Mudah-mudahan dengan itu kita tidak sesat dan membinasakan diri kita. Ramai yang kononnya menerima demokrasi sebagai sistem politik, tetapi kerana tidak faham apa dianya demokrasi, mereka telah menjadi mangsa demokrasi tanpa sedikit pun memperoleh manfaat.** Harus diingat juga bahawa demokrasi bukan agama Tuhan. Demokrasi adalah ciptaan manusia dan sudah tentu ia jauh daripada sempurna. Bangsa-bangsa Barat cuba mendakwa bahawa demokrasi tidak cacat dan menganggapnya sebagai satu sistem yang tidak siapa boleh mempertikai atau mengubahnya. Mereka menciptakan slogan "*Vox Populi, Vox Dei*" iaitu suara ramai adalah suara Tuhan. **Tetapi percayalah demokrasi bukan suara Tuhan dan jauh daripada sempurna, bahkan ia penuh dengan kecacatan yang boleh membinasakan pengamalannya dan menjadikan mereka mangsa kezaliman demokrasi yang tidak kurang buruknya daripada kezaliman sistem feodal atau diktator.**

Demikian kerana inginkan demokrasi, orang Afghan menjatuhkan kerajaan beraja mereka. Tetapi hari ini, Kabul hancur dan beratus ribu rakyat Afghan terbunuh dan dibunuh. Negara-negara demokratik Barat yang berdakwah berkenaan dengan demokrasi hanya membekalkan senjata untuk orang Afghan membunuh orang Afghan.

Di sebuah negara Asia, kerajaan ketenteraan dijatuhkan untuk menegakkan demokrasi. Tetapi sejak itu negara tersebut tidak pernah tenteram. Kerajaan yang dipilih tidak dapat memerintah kerana parti lawan mengadakan tunjuk perasaan dan mogok sepanjang masa. Ramai juga yang terbunuh dalam usaha meleraikan puak-puak yang berkonfrontasi. Dan sudah tentu jika parti lawan pula menang dan mendirikan kerajaan, parti kerajaan yang lama pula akan mengadakan tunjuk perasaan dan mogok umum untuk menjatuhkan kerajaan.

Dengan itu, negara tidak mungkin stabil sampai bila-bila.

Di sebuah negara demokratik Barat, puak minoriti Yahudi yang kaya dan amat berpengaruh dapat menguasai pemerintahan secara tidak langsung melalui kekayaan dan kedudukan mereka. Kerana takut minoriti ini mengalahkan mereka dalam pemilihan Presiden, kepimpinan negara menyokong keganasan dan tindakan yang tidak demokratik yang dilakukan oleh Israel.

Di sebuah lagi negara Barat yang demokratik terdapat 55 kerajaan dalam jangka masa 50 tahun. Buat berbulan-bulan tidak ada kerajaan sama sekali. Kerajaan sementara pula memerintah lebih lama daripada kerajaan yang dipilih. Dengan itu pilihan raya membazir dan tidak bermakna.

Demikian juga di Bosnia yang telah menuntut kemerdekaan kerana percaya kepada demokrasi dan sokongan oleh negara-negara demokrasi yang kononnya tidak akan membenarkan sesiapa mencabul demokrasi dan hak asasi manusia. Kemudian apabila pengganas Serb menyeksa dan membunuh ratusan ribu orang Islam Bosnia, pemimpin negara-negara Barat kerana takut jika askar mereka terkorban sedikit kerana melindungi rakyat Bosnia maka pengundi mereka akan menyalahkan parti mereka, telah membiarkan Serb membunuh ratusan ribu orang Bosnia dan mengganas dengan bebas terhadap orang Islam.

**Negara-negara demokrasi yang sama juga sanggup mengepung dan mengawal bekalan makanan dan ubat kepada rakyat yang lemah dan tidak terdaya kerana mahu memaksa mereka menjatuhkan pemerintahan negara mereka. Kerana mereka gagal, anak mereka, pesakit dan orang tua menderita dan menjadi mangsa sekatan makanan dan ubat-ubatan oleh negara demokratik.**

Baru-baru ini, Israel membedil Lebanon dan menyebabkan beratus orang awam di Lebanon terbunuh dan cedera semata-mata kerana Perdana Menteri Israel, Shimon Peres, dikatakan mahu mendapat undi daripada rakyat Israel dalam pilihan raya yang akan diadakan. Nyawa manusia dikorbankan kerana kepentingan demokrasi Israel.

Demikian suara ramai dan amalan demokratik di satu negara boleh menjadi penindasan dan penyeksaan di negara lain. Dan di negara demokrasi sendiri rakyat tidak dapat hidup aman, stabil dan tenteram kerana demokrasi melumpuhkan siapa sahaja yang dipilih untuk memerintah. Pada waktu yang sama apabila dalam demokrasi rakyat berbelah bahagi, bukan suara ramai yang menentukan siapa pemerintah, tetapi puak minoriti yang menentukan siapa yang sebenarnya berkuasa dengan memihak kepada satu pihak atau pihak lain asalkan tuntutan mereka, iaitu puak minoriti ini diutamakan.

Contoh-contoh ini perlu diambil kira supaya kepercayaan kepada demokrasi tidak keterlaluan dan fanatik. Tetapi contoh-contoh ini tidak harus menyebabkan kita menolak sistem demokrasi secara total. **Kebaikan sistem demokrasi yang dibawa oleh Revolusi Perancis bukan kerana ia dapat menjamin pemerintahan yang baik tetapi ia lebih mungkin menjamin pemerintahan yang menghargai pandangan dan pendapat rakyat. Dalam sistem demokrasi yang penting dan utama ialah rakyat berhak memilih siapa yang akan menerajui kerajaan. Jika rakyat sudah tidak suka, cara menukar kerajaan atau pemimpin tidak membabitkan perang saudara atau revolusi atau keganasan. Hanya dengan mengundi segala pertukaran boleh dibuat. Dengan perkataan lain, rakyat boleh menaikkan sesiapa sahaja sebagai pemimpin dan boleh menurunkannya jika ia dianggap gagal memerintah dengan baik.**

Prinsip ini menjadi teras kepada falsafah demokrasi. Tetapi untuk mengamalkannya berbagai-bagai cara dibentuk. Ada sistem yang membolehkan banyak parti politik ditubuh dan ada yang secara tidak langsung membolehkan hanya dua parti sahaja bergerak. Ada yang memilih presiden berasingan daripada ahli dewan-dewan perundangan dan presiden diberi kuasa eksekutif dengan hak memilih jemaah menteri daripada siapa sahaja yang ia suka, termasuk keluarga dan kawan, tanpa menghirau sama ada menteri anggota dewan undangan atau tidak.

Ada pula yang mengasingkan kepala negara daripada pemerintahan dengan kuasa diberi kepada perdana menteri dan jemaah menteri, yang semuanya mesti terdiri daripada anggota badan perundangan yang telah dipilih oleh pengundi. Ada yang memberi kuasa membentuk kerajaan berbas kepada parti yang memenangi kerusi yang terbanyak dan ada yang mengagihkan kerusi mengikut jumlah undi yang didapati oleh parti-parti yang bertanding. Sistem yang memberi hak membentuk kerajaan kepada parti yang memenangi kerusi terbanyak lebih mungkin menghasilkan kerajaan bermajoriti yang cukup untuk memerintah dengan stabil dan berkesan. Sebaliknya, sistem yang mengagihkan kerusi mengikut jumlah undi yang diperolehi oleh parti-parti, biasanya sukar menghasilkan kerajaan bermajoriti. Yang sering berlaku ialah kerajaan minoriti atau kerajaan campuran yang dibentuk dengan tergesa-gesa selepas pilihan raya. Kedua-dua jenis kerajaan ini tidak mungkin stabil.

Namun sistem memberi kuasa kepada parti yang memenangi kerusi terbanyak juga mungkin tidak dapat melahirkan kerajaan yang bermajoriti jika berpuluh parti bertanding dan tidak ada satu parti pun mendapat cukup bilangan kerusi untuk membentuk kerajaan majoriti. Dengan itu, kerajaan minoriti atau kerajaan campuran terpaksa ditubuhkan juga. Dan, kedua-dua ini seperti disebut tadi tidak berwibawa dan pemerintah secara berkesan mungkin tidak dapat diadakan.

Dalam sistem dua parti, kadang-kadang parti yang menang mempunyai majoriti yang terlalu kecil. **Jika penyokong kerajaan tidak mahu menyokong kerajaan atau lompat ke parti lawan, maka jatuhlah kerajaan. Tindakan melompat ini boleh dibuat berkali-kali dan kerajaan akan bertukar sekejap-sekejap. Kerajaan yang berkesan tidak akan wujud.**

Sekarang ini pula ada pendapat yang kerajaan tidak boleh diberi apa-apa kuasa mutlak. Pihak orang ramai, badan-badan bukan kerajaan dan media massa akan menentukan pendirian yang harus diambil oleh kerajaan yang telah

dibentuk. Proses menjatuh atau melumpuhkan kerajaan dimulakan sejurus selepas ia ditubuhkan.

Dalam pada itu, pihak kehakiman boleh menyoal dan mengharamkan segala keputusan kerajaan melalui proses "*judicial review*" yang boleh diadakan atas pilihan hakim sendiri. Akibatnya ialah proses pemilihan oleh rakyat hilang maknanya kerana kerajaan yang dipilih oleh rakyat diletak di bawah berbagai-bagai badan yang tidak dipilih atau mewakili rakyat. Badan penghakiman pun tidak bertanggungjawab secara langsung kepada rakyat atau sesiapa. Konsep pemerintahan oleh majoriti rakyat dalam demokrasi sudah tidak wujud lagi, sebaliknya "*autocracy*" atau "*oligarchy*" menggantikan "*democracy*" dengan sebilangan kecil orang tertentu berkuasa menentukan dasar pemerintahan oleh kerajaan pilihan rakyat. Yang jelas ialah demokrasi atau pemerintahan oleh majoriti rakyat, terdedah kepada pelbagai tafsiran dan boleh dilaksanakan melalui pelbagai cara. Sekarang ini cara yang meniadakan hak majoriti rakyat pun boleh ditafsir dan diterima sebagai demokratik dan diamalkan. Demikian juga pegangan kepada cara yang lebih mengutamakan pendapat individu sehingga suara majoriti boleh dibelakangkan pun dikatakan demokratik. **Inilah keadaan di Barat sekarang, yang begitu bangga dengan demokrasi mereka sahajalah yang tepat dan patut diterima pakai oleh seluruh dunia. Taksud dengan pegangan mereka, maka mereka lupa akan erti demokrasi. Dengan itu mereka mengguna kekerasan untuk memaksa negara-negara lain menerima demokrasi jenis mereka.**

Mereka sudah pun lupa bagaimana mereka dahulu menentang kekerasan kerana ia adalah bertentangan dengan prinsip demokrasi. Apa bezanya penggunaan kekerasan dalam penyebaran ideologi Komunis atau "*fascist*" dengan kekerasan dalam penyebaran demokrasi?

Dalam keadaan yang mana amalan yang terang-terangan meniadakan hak majoriti dianggap sebagai demokratik, seperti kata orang Inggeris, "*a contradiction in terms*" atau pertentangan dari segi makna, sudah tentu banyak kekeliruan berlaku. **Keadaannya adalah sama dengan dakwaan bahawa**

**orang Islam adalah bersaudara dan dengan kerana itu puak ekstremis Islam menyerang dan membunuh orang Islam lain untuk mewujudkan persaudaraan dalam Islam atau mereka memulaukan orang Islam lain kerana ingin mencapai perpaduan dalam Islam.**

Kita di Malaysia telah memilih demokrasi kerana kita percaya rakyat lebih tahu bagaimana mereka harus diperintah. Bahawa mereka berasal daripada masyarakat feudal terbukti dengan pengekalan perkataan "Kerajaan", iaitu pemerintahan oleh raja, sebagai nama untuk institusi pemerintahan. Walaupun di Malaysia kita masih kekalkan sistem beraja, tetapi raja tidak lagi memerintah atau mempunyai kuasa mutlak. Bahawa kita mengamalkan demokrasi menjadi jelas kerana badan yang memerintah, iaitu jemaah menteri, dianggotai oleh wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat. Raja diletak sebagai kepala negara. Sistem ini yang diambil daripada sistem Raja Berperlembagaan atau "*Constitutional Monarchy*" British, memberi tempat kepada raja tanpa meniadakan hak rakyat.

Namun demikian, bukan sistem yang penting tetapi kesanggupan semua pihak rakyat mengamalkan demokrasi mengikut semangatnya dan tidak semata-mata mengikut konsep dan peraturan-peraturannya yang menentukan sama ada demokrasi diamalkan atau tidak. Rakyat sepatutnya memilih wakil yang akan membentuk kerajaan mengikut keupayaan dasar dan program yang secara ikhlas dijanjikan oleh parti-parti bertanding. Sudah tentu jika rakyat menggunakan kuasa pemilihan mereka dengan bijak, wakil dan kerajaan akan terdiri daripada mereka yang betul-betul berkeupayaan, cekap, jujur dan bertanggungjawab.

Tetapi rakyat jarang mengutamakan penubuhan kerajaan yang baik. Sebaliknya, pengundi mengutamakan apa yang mereka atau kawasan mereka akan dapat daripada kerajaan. Bahkan kadang-kadang rakyat mengugut tidak akan mengundi sesuatu calon jika ia tidak berjanji akan membekalkan sesuatu, sama ada jalan, masjid atau sekolah. Soal sama ada kerajaan mampu membekal atau projek-projek ini betul-betul diperlukan tidak diambil kira.

Tetapi ugutan ini tidak terhad kepada projek yang mungkin berguna. Kadang-kadang individu atau kumpulan meminta sesuatu bagi diri sendiri. Bahkan ada kalanya mereka membayangkan keperluan bantuan kewangan dan "material" bagi diri sendiri. Demikian juga pekerja parti pun tidak semuanya bekerja kerana perjuangan, tetapi kerana upah.

Dalam keadaan ini, masing-masing yang bertanding tidak mempunyai banyak pilihan. Benar kadang-kadang yang menawar ialah calon sendiri. Pengundi boleh menolak. Tetapi pengundi sebagai manusia biasa sukar mempertahankan kehormatan diri. Lagipun ada perasaan bahawa jika tawaran tidak diterima maka orang lain akan menerimanya. Oleh itu apa salahnya jika diterima. Oleh sebab ini juga calon menawar sesuatu untuk mendapat sokongan.

Proses memperniagakan undi menjadi semakin buruk dengan berlalunya masa. Akhirnya, bukan pembentukan kerajaan yang baik yang menjadi tujuan. Pemilihan menjadi temasya dan peluang untuk mendapat sesuatu daripada orang yang menawar diri untuk dipilih. Sudah tentu yang dipilih tidak lagi terdiri daripada orang yang layak dipilih dan menganggotai kerajaan. Sebaliknya yang dipilih ialah mereka yang begitu tidak berprinsip sehingga sanggup menghulur rasuah. **Apakah kerajaan yang dianggotai oleh orang yang terpalit dengan korupsi boleh jadi kerajaan yang baik?**

Sementara demokrasi sering menggalak korupsi di kalangan rakyat dan pemimpin, ia juga kerap menyebabkan ahli politik menyalahgunakan sentimen dan kejahilan pengundi dalam bidang-bidang tertentu. Demikian oleh kerana orang Melayu memegang begitu kuat kepada agama Islam, **ada ahli-ahli politik dalam demokrasi menggunakan kebebasan politik dan kebebasan bersuara untuk memperalatkan agama dalam usaha mereka mendapat sokongan.**

Pada zaman kolonial British, tidak ada demokrasi. Ramai orang Melayu melanggar hukum-hukum Islam. Masjid biasanya kosong. Tok-tok guru dan orang agama tidak mengecam perbuatan melanggar hukum-hukum agama. Sudah tentu mereka tidak berusaha untuk memisahkan orang

Melayu yang berani mengenenpikan hukum Allah daripada orang Melayu lain. Dengan itu perpecahan tidak berlaku di kalangan orang Melayu.

Demikian juga majoriti tokoh-tokoh agama tidak menentang British kerana menyebabkan kelemahan agama di kalangan orang Melayu. Yang menentang British ialah guru-guru sekolah Melayu dan golongan intelek yang kebanyakannya berpendidikan bukan agama. Sebaliknya, sejak negara merdeka, pegangan kepada agama Islam oleh semua orang Melayu lebih kuat. Kerajaan Malaysia yang merdeka memberi penekanan kepada didikan agama secara menyeluruh di sekolah. Pada masa yang sama, masjid dan surau dibiayai oleh kerajaan, yang mana pada zaman British keadaan adalah sebaliknya. Sudah tentu sembahyang berjemaah di masjid-masjid lebih ramai sehingga masjid diperbesar dan ditambah sepanjang masa. Sepatutnya golongan ulama menyokong penuh Kerajaan Malaysia yang merdeka.

Tetapi apabila sahaja pilihan raya ala demokrasi diperkenalkan maka sebahagian daripada tokoh agama telah memisahkan diri daripada gerakan nasionalisme untuk meraih peluang daripada sistem demokrasi. Mereka berpendapat bahawa agama boleh diperalatkan untuk mendapat sokongan bagi diri mereka. Pada mulanya mereka berpegang kepada landasan agama yang benar. Tetapi mereka kalah dengan teruknya pada 1955. Menjelang pilihan raya 1959, mereka mula membuat tafsiran-tafsiran dan mengguna pendekatan-pendekatan yang salah di sisi agama Islam demi menakut dan mempengaruhi pengundi supaya menyokong mereka. Sejak itu larangan-larangan agama diketepikan dan apa sahaja yang boleh mempengaruhi pengundi, walaupun menyebabkan kehilangan akidah dan kesesatan, telah digunakan.

Akibatnya ialah perpecahan yang ketara di kalangan orang Melayu, satu-satunya bangsa yang mengaitkan anutan agama Islam bagi menentukan bangsanya. **Hari ini orang Melayu yang semuanya dahulu daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah, mazhab Shafie, berpecah dua kerana demokrasi disalah-**



**gunakan.** Perpecahan ini begitu buruk sehingga ahli-ahli parti politik tertentu memulaukan kenduri, perkahwinan dan jenazah. Mayat penyokong parti lain tidak dibenar dikebumikan dikubur parti tertentu. Sembahyang berjamaah dibuat berasingan dengan imam-imam yang berlainan. Dalam pada itu pula bermacam-macam ajaran disebar dengan bebas yang menyebabkan lebih banyak perpecahan, kesesatan dan kehilangan akidah. Pembendungan kegiatan ini tidak boleh dibuat kerana bertentangan dengan amalan demokrasi. Demikianlah kesan demokrasi terhadap agama dan bangsa, khususnya bangsa Melayu.

Di sesetengah negara Barat ideologi memainkan peranan. **Ideologi Barat berasas kepada kelas, iaitu sama ada miskin atau kaya, pekerja atau majikan. Pada zaman dahulu memanglah majikan, terutama pengusaha, menindas dengan kejam kaum pekerja. Ideologi yang dibentuk mengumpulkan puak majikan dalam satu golongan dan pekerja dalam golongan lain.** Maka terbentuklah parti Konservatif dan Parti Buruh di Britain untuk mengekalkan permusuhan di antara golongan atasan dengan golongan bawahan, kaya dengan miskin, majikan dengan pekerja. Di negara-negara Barat yang lain parti komunis dan sosialis ditubuh untuk merebut kuasa daripada puak-puak kanan, iaitu yang ingin mengekalkan kuasa raja, hartawan dan orang atasan.

Perjuangan politik golongan-golongan ini bukan berasaskan kepada kebaikan atau kelayakan memerintah. **Kepercayaan masing-masing ialah jika mereka memerintah mereka akan dapat mengutamakan kepentingan mereka. Sama ada kepentingan ini secocok dengan kepentingan negara tidak diberi pertimbangan.**

Sementara perjuangan menghapuskan penindasan terhadap puak pekerja adalah baik dan adil, tetapi ketidakadilan yang dilakukan oleh pemerintahan pekerja ke atas majikan dan hartawan juga tidak baik dan secocok dengan demokrasi dan kepentingan negara.

**Ringkasnya apabila politik demokrasi diasaskan kepada ideologi, akhirnya bukan demokrasi, keadilan dan kebaikan**

**negara yang diutamakan tetapi keterlaluan ideologi yang dijunjung oleh pengamal ideologi.**

Sebab itu walaupun pekerja di Barat mendapat upahan yang tinggi sehingga taraf hidup mereka sama dengan orang kaya di negara membangun, angka pengangguran juga meningkat dan prestasi ekonomi mereka merosot sehingga dagangan mereka tidak lagi dapat bersaing dengan negara-negara Timur. Benar penganggur di negara maju mendapat elaun yang lebih besar daripada pekerja di negara membangun, tetapi dalam keadaan ekonomi merosot, kerajaan tidak mempunyai wang yang cukup untuk membiayai bilangan penganggur yang kian meningkat. Dengan itu, hutang kerajaan meningkat tinggi sehingga melemahkan lagi ekonomi negara. Apabila sampai di tahap ini pemulihan ekonomi sukar dilakukan.

Hari ini semua negara demokrasi mirip sosialis di Barat mengalami kemerosotan ekonomi dengan bilangan pekerja yang menganggur mencapai angka yang amat tinggi. Sudah tentu apa yang didakwa sebagai *Socialist Republics*, iaitu negara komunis yang dikatakan dikuasai sepenuhnya oleh pekerja, mengalami kemerosotan ekonomi yang lebih teruk, dengan nasib pekerja menjadi lebih buruk daripada pekerja di negara-negara kapitalis. Daripada menjadi hamba majikan persendirian, pekerja menjadi hamba pemerintah yang kerap kali lebih menindas dan lebih kejam.

Masyarakat manusia perlu bertimbang rasa terhadap pihak-pihak di kalangan anggotanya yang tidak bernasib baik. Usaha perlu dibuat untuk memperbaiki nasib mereka supaya mereka juga dapat mengecapi pada tahap berpatutan nikmat yang terdapat dalam masyarakat. Tetapi manusia bermasyarakat, iaitu manusia yang tidak dapat hidup tunggal keseorangan, perlu menerima sedikit sebanyak perbezaan antara yang memimpin dan yang mengikut, yang kaya dengan yang miskin. **Tidak mungkin dalam suatu masyarakat, semua anggota menjadi pemimpin atau menjadi kaya. Dan tidak mungkin juga semua anggota menjadi pengikut, kerana mustahil boleh ada pengikut tanpa pemimpin.**

Demikian pemerintahan oleh pekerja yang merupakan majoriti daripada rakyat, walaupun boleh ditafsirkan sebagai demokratik, tidak juga mendatangkan kebaikan dan keadilan walaupun kepada pekerja.

Memang benar di zaman dahulu pemimpin sering menindas dengan kejamnya rakyat biasa. Tetapi melalui pegangan kepada agama dan penguatkuasaan undang-undang, penindasan secara langsung tidak lagi dihalalkan. Satu prinsip yang terbaik ialah undang-undang tidak membezakan antara pemimpin dan pengikut, tidak menghiraukan pangkat, darjat, kaya dan miskin, lelaki dan perempuan dan asas-asas lain yang membeza dan mengasingkan di antara golongan yang terdapat dalam masyarakat.

Dengan penerimaan prinsip persamaan ini, undang-undang yang sebenarnya memerintah dan bukannya individu tertentu yang memerintah. Di zaman feudal ada kalanya yang raja dikatakan berada lebih tinggi daripada undang-undang atau *above the law*. Tetapi baik undang-undang agama, baik undang-undang ciptaan manusia, tidak lagi membeza di antara rakyat dan raja, miskin dan kaya.

Sungguhpun mengagungkan prinsip *rule of law* atau pemerintahan berasaskan undang-undang amatlah adil dalam pandangan masyarakat manusia, *law* atau undang-undang boleh dipengaruhi oleh budaya dan tamadun masyarakat masing-masing. Demikian di zaman dahulu undang-undang sengaja membezakan antara anggota masyarakat mengikut budaya dan pendapat di zaman berkenaan.

Dahulu anggota masyarakat yang berhak mengundi hanyalah lelaki yang memiliki harta sahaja. Kemudian setelah beberapa lama, syarat memiliki harta digugur tetapi wanita masih tidak berhak mengundi. **Hanya selepas Perang Dunia Pertama baharulah negara-negara Barat, yang begitu sombong dengan demokrasi mereka, memberi hak kepada wanita mengundi. Tetapi perbezaan masih ada antara umur pengundi, ada yang ditetapkan umur 21 tahun, ada 18 tahun.** Walau apa juga sebabnya perbezaan hak ini dihalalkan oleh undang-undang, hakikatnya ialah undang-undang boleh

dipengaruhi oleh pendapat dan budaya masyarakat berkenaan.

Dapatlah kita lihat bahawa *the rule of law* tidak semestinya adil sepanjang masa. Apa yang dianggap adil pada satu zaman boleh dianggap tidak adil pada zaman yang lain. Apa yang dianggap adil oleh sesuatu masyarakat boleh dianggap zalim oleh masyarakat lain. Walaupun konsep keadilan dikatakan "*universal*", iaitu sama bagi semua manusia tetapi tafsiran dan taksiran tentang sesuatu perkara boleh berbeza.

Tamadun manusia tidak beku. Jika ia tidak berubah dengan zaman yang berlalu, ia tetap akan jadi lapuk. Tamadun manusia mempunyai kaitan yang rapat dengan budaya, iaitu dengan jumlah nilai-nilai hidup yang diterima oleh masyarakat berkenaan. Pencapaian dan kemajuan masyarakat manusia bergantung kepada sistem nilai yang diterima pakai oleh sesuatu masyarakat. Dengan pengalaman dan pengetahuan yang dikumpul sepanjang sejarah, maka biasanya tamadun manusia menjadi lebih baik dengan pengaliran zaman.

Masyarakat yang bertamadun tinggi ialah masyarakat yang lebih tersusun dan tertib. Susunan dan ketertiban ini ditentukan oleh penerimaan adat pada mulanya. Adat sebenarnya adalah undang-undang yang tidak tertulis. Apabila kebolehan menulis dicipta maka sebahagian daripada adat dicatat dan menjadi undang-undang yang tertulis. Dengan ini hukum-hakam menjadi lebih tepat dan tidak lagi banyak bergantung kepada ingatan, pegangan, perasaan dan tafsiran adat oleh mereka yang menghukum.

Tetapi undang-undang yang tertulis tertakluk kepada tamadun, iaitu nilai hidup masyarakat pada sesuatu masa. Seperti yang disebutkan tadi tamadun dan nilai hidup tidak statis. Oleh itu undang-undang untuk satu zaman bagi sesuatu masyarakat berbeza daripada undang-undang bagi masyarakat yang sama di zaman yang lain. Demikian berbezanya undang-undang sesuatu masyarakat sehingga apa yang dianggap adil bagi satu zaman boleh dianggap amat zalim di zaman yang lain.

Di Britain, umpamanya, dua ratus tahun dahulu pekerja

lombong dianggap lebih kurang sama dengan hamba abdi. Mereka dipaksa bekerja sehingga 15 jam sehari mengorek arang batu daripada dalam perut bumi sambil baring dalam air yang kotor dan sejuk bagai ais kerana terowong di bawah tanah begitu sempit. Pekerja wanita dan kanak-kanak terpaksa merangkak, mengheret dan menjunjung bakul yang penuh sarat dengan arang batu sepanjang terowong dan naik tangga yang tinggi ke permukaan bumi

Mereka menghidu habuk arang batu sehingga paru-paru mereka menjadi hitam menyebabkan mereka mudah mendapat penyakit paru-paru. Hayat mereka amat pendek.

Namun upahan mereka begitu rendah sehingga mereka tidak dapat membeli makanan yang cukup ataupun tempat kediaman yang berpatutan bagi manusia. Majikan berhak mendera mereka dengan deraan yang amat berat jika mereka didapati membuat sesuatu yang dianggap salah. Dan mereka tidak boleh membebaskan diri mereka daripada majikan mereka kerana undang-undang tidak membenarkan mereka meninggalkan kerja sesuka hati mereka.

Keadaan rakyat yang miskin yang lain tidak lebih baik daripada pekerja lombong. Petani terpaksa bekerja untuk tuan tanah yang terdiri daripada golongan bangsawan dan hartawan. Semua hasil kerja mereka dianggap sebagai hak tuan punya tanah. Demikian juga mereka yang bekerja sebagai buruh kasar.

Undang-undang yang dikuatkuasakan amat berat. **Hukum bunuh dikenakan ke atas pencuri hanya kerana mencuri seekor kambing. Kanak-kanak belasan tahun pun dihukum gantung. Kesalahan yang kecil pun dikenakan hukuman penjara dan penjara masa itu buruk seperti kandang babi.** Kerap kali setelah dipenjara pihak yang berkuasa melupakan sahaja akan nasib banduan.

Demikianlah kezaliman yang terdapat dalam masyarakat Eropah hanya dua abad dahulu. Dan kezaliman ini dihalalkan oleh undang-undang zaman itu. *The rule of law* jelas sekali zalim. Tidak hairanlah jika akhirnya mereka memberontak, membunuh raja dan pembesar-pembesar

mereka dan mendirikan republik. Pekerja menubuh kesatuan-kesatuan sekerja yang mengugut majikan dan masyarakat melalui mogok dan tindakan-tindakan perusahaan lain. Ideologi seperti komunisme dan sosialisme dicipta yang diasaskan kononnya kepada perjuangan untuk keadilan bagi pekerja dan golongan yang miskin.

Di bawah pemerintahan parti pekerja seperti Parti Buruh atau Parti Sosialis/Komunis pemikiran masyarakat berubah sehingga tidak ada apa-apa yang dilakukan oleh golongan pekerja atau miskin yang boleh dianggap salah. Daripada budaya yang membenar penindasan yang amat kejam ke atas golongan pekerja, budaya masyarakat di Barat terbalik sehingga yang miskin dan pekerja mesti dimaafkan dan yang kaya mesti dianggap bersalah sepanjang masa.

Keterlaluan dalam apa juga perkara tidak pernah membawa keadilan atau kebaikan. Keterlaluan menghapuskan nilai-nilai yang mulia. Demikian dalam proses pengambilalihan kuasa oleh kaum buruh di Rusia, bukan sahaja raja dan semua keluarganya dibunuh, tetapi semua pembesar, peniaga dan hartawan dibunuh. Beratus ribu dibunuh dengan kejam tanpa pembunuh menerima apa-apa hukum balas. Harta semuanya diambil alih oleh kerajaan pekerja yang berideologi komunis, kononnya untuk kepentingan kaum yang miskin dan pekerja. Akhirnya apa yang berlaku ialah semua rakyat dipaksa bekerja untuk negara, iaitu pemerintah, dan mereka beralih sebenarnya daripada menjadi hamba majikan kepada hamba kerajaan. Hanya beberapa orang sahaja daripada mereka yang menguasai pemerintahan dan hidup mewah. Keadilan bagi pekerja tidak juga tercapai.

**Kadaan di negara sosialis lebih baik sedikit tetapi pemerintahan secara sosialis menyebabkan ekonomi negara merosot, kerana kerajaan tidak pandai menjayakan perniagaan yang dimilik-negarakan, sementara perbelanjaan untuk kebajikan rakyat meningkat sepanjang masa.** Oleh kerana tidak ada siapa yang kaya, banyak barangan hilang pasarannya. Umpamanya di negara sosialis tidak ada ramai yang mampu memiliki kereta dan industri ini serta peluang kerja tidak

bangsa Melayu amat memerlukan individu yang jujur dan amanah.

Kita rasa bertuah kerana dalam detik-detik Dr Mahathir menangis ada yang turut menangis. Mereka terdiri dari ahli politik, budayawan, sasterawan, penulis, wartawan, seniman, seniwati dan anak-anak muda serta orang-orang lain yang menyaksikan peristiwa itu.

Sajak 'Perjuangan Yang Belum Selesai', walaupun bukanlah sebuah sajak yang mempunyai nilai sastera yang boleh dibanggakan, tetapi maksud dan tujuan sajak itu yang dapat menguatkan azam dan semangat kita semua.

dapat diadakan. Dengan ini pemerintah tidak mendapat keuntungan dan tidak dapat menuntut cukai kenderaan dan pendapatan. Jika ada negara sosialis yang penduduknya hidup mewah, sebabnya ialah kerana dapat menjual barangan mereka kepada negara bukan sosialis yang mewah.

Pendapat bahawa jika semua punca kekayaan dimiliki oleh negara maka semua keuntungan akan diperolehi oleh negara, dan dengan itu boleh diagih secara sama rata kepada semua rakyat, sepintas lalu mempunyai unsur keadilan. Tetapi sebenarnya kekayaan bukan datang semata-mata kerana pemilikan. Kekayaan datang daripada kecekapan mengurus dan memperdagangkan barangan yang dimiliki.

Demikian memiliki tanah yang kaya dengan logam emas tidak bermakna apa-apa sehinggalah emas itu dapat dikeluarkan dan dijual. Untuk tujuan ini pembeli yang mampu perlu ada. Jika tidak ada pembeli maka emas yang dikeluarkan tidak mempunyai nilai. Dalam negara yang rakyat semuanya pekerja bergaji rendah, tidak akan ada pembeli yang mampu membayar harga yang tinggi. Jika pemerintah menjadi pembeli tunggal maka tidak akan ada saingan antara pembeli yang boleh menentukan harga. Sudah tentu harga tidak akan meningkat. Jika pemerintah memiliki semua punca kekayaan, tidak akan ada pasaran di mana persaingan dan penentuan harga dapat dibuat. Hanya yang akan berlaku ialah pemindahan apa yang dimiliki oleh satu agensi pemerintah kepada agensi yang lain. Oleh kerana semua agensi adalah milik pemerintahan, keuntungan tidak perlu kerana akhirnya keuntungan oleh agensi yang menjual adalah sama dengan kerugian agensi yang membeli. Daripada segi pemerintahan tidak ada untung dan rugi daripada transaksi antara agensi-agensinya. Dengan itu lebih baik barangan dipindah dari satu agensi ke agensi yang lain tanpa sebarang bayaran.

Bagi negara komunis yang mengamalkan sistem ini, pemindahan seperti ini tidak menjadi masalah. Tetapi harga sesuatu dalam bentuk wang tidak dapat ditentukan.

Oleh kerana mekanisme pasaran untuk menentukan harga tidak ada, penilaian tentang mahal murah sesuatu



barangan atau khidmat tidak dapat dibuat dengan tepat. Demikian negara komunis tidak dapat menentukan harga barangan keluarannya untuk dipasarkan ke dunia luar. Bagi barangan asli seperti minyak petrol harga di pasaran dunia boleh digunakan. Tetapi bagi barangan canggih seperti pesawat terbang nilainya tidak dapat ditentukan dengan tepat, kerana tidak ada pesawat buatan negara asing yang 100 peratus serupa.

Oleh sebab inilah maka sistem ekonomi komunis gagal dan akhirnya terpaksa diganti dengan sistem ekonomi pasaran. Malangnya sistem ekonomi pasaran tidak mungkin dijayakan semata-mata kerana ia adalah satu sistem yang mampu berjaya. Untuk menjayakan sistem ini kefahaman, kecekapan mengurus, kehadiran pengusaha bebas dan modal persendirian perlu ada. Bekas negara komunis tidak ada pengurus, pemodal atau pengusaha bebas. Oleh sebab itu kebanyakan negara komunis yang cuba sistem ekonomi pasaran bebas gagal.

Jika ada negara komunis dahulu yang maju dan kaya sebabnya ialah kerana adanya pasaran di luar sistem komunis. **Jika seluruh dunia menjadi komunis, maka eksport barangan untuk mendapat tukaran asing tidak mungkin dibuat. Hanya yang dapat dibuat ialah pertukaran barangan.** Inilah yang berlaku dalam blok komunis yang menyebabkan semua penduduk negara komunis miskin berterusan.

**Adanya orang miskin dan orang kaya dalam sesuatu masyarakat tidak bermakna ketidakadilan berlaku. Ketidakadilan berlaku hanya jika yang kaya terlalu kaya dan yang miskin terlalu miskin sehingga tidak dapat hidup sempurna.** Dalam demokrasi biasanya yang kaya dikenakan cukai yang tinggi yang digunakan untuk membantu yang miskin. Dengan itu ketidakseimbangan dalam masyarakat dapat dikurangkan. Tanpa ada yang kaya yang membayar cukai, yang miskin tidak dapat ditolong. Demikian apabila yang miskin merampas harta yang kaya dan mereka tidak tahu menggunakan harta itu untuk menambah kekayaan, mereka akan rugi akhirnya.

**Tetapi masyarakat manusia biasanya berpendapat bahawa yang miskin tidak mungkin bersalah walaupun jelas tindakan mereka tidak adil dan merosakkan keadaan masyarakat.** Demikian jika orang yang miskin memasuki tanah milik pemerintah atau milik orang yang berada, perbuatan ini dipertahankan oleh masyarakat sebagai tidak salah. Tindakan untuk mengeluarkan mereka dan mengambil balik tanah dianggap tidak adil. Jika pampasan dibayar sekalipun dan mereka masih enggan keluar daripada tanah berkenaan, simpati masyarakat terhadap mereka masih kekal. Pejuang-pejuang keadilan akan mempertahankan golongan yang miskin atau yang dianggap miskin ini tanpa mengambil kira adil tidak adil, baik tidak baik perbuatan mereka.

Akibat daripada ini bukan sahaja banyak perniagaan mengalami kerugian dan terpaksa ditutup tetapi ekonomi negara juga turut merosot. Barangan keluaran negara-negara ini tidak lagi dapat bersaing di pasaran, baik dalam negara mahupun antarabangsa.

Apabila ini berlaku pemerintah terpaksa melindungi pasaran negara melalui cukai dan sekatan-sekatan bukan cukai, iaitu memaksa pengguna tempatan memikul kos yang tinggi. Tetapi di pasaran dunia lindungan sukar dibuat. Maka kesatuan sekerja negara maju ini cuba mengurangkan daya saing barangan daripada negara asing, terutama negara membangun, dengan menghasut kesatuan-kesatuan sekerja di negara berkenaan supaya mengambil tindakan perusaha-an untuk menaikkan upahan mereka. Jika upahan dan kemudahan-kemudahan lain untuk pekerja negara membangun dinaikkan, maka kos keluaran akan meningkat sehinggalah harga jualan tidak lagi berbeza dengan harga jualan barangan daripada negara maju. Industri negara membangun akan rugi dan pekerjaanya akan menganggur. Dengan itu penganggur negara maju akan bekerja semula dan menikmati hidup mewah seperti dahulu.

**Pendapat bahawa yang miskin juga boleh berlaku tidak adil tidak mudah disuarakan. Masyarakat umum masih**

**ingin menyamakan kemiskinan dengan penganiayaan dan kekayaan dengan penindasan atau penipuan.**

Keadilan tidak akan tercapai selagi ada anggapan bahawa kesalahan yang sama oleh dua pihak yang berlainan tidak boleh diberi hukuman yang sama. Dahulu majikan dan orang yang berada diberi hukuman yang ringan sementara yang miskin hukuman yang berat walaupun jenayah yang dilakukan adalah sama. Sekarang keadaan terbalik. Kesalahan si miskin dimaafkan tetapi jika yang kaya membuat kesalahan yang sama hukuman yang berat dikenakan.

Memanglah perkara-perkara tertentu yang mempengaruhi sesuatu tindakan jenayah perlu diambil kira semasa menjatuhkan hukuman, tetapi hukuman yang berat sebelah semata-mata kerana kekayaan atau kemiskinan tidak boleh dianggap sebagai adil.

**Pemerintahan demokrasi lebih terancam semasa pelaksanaan keadilan kerana dalam mana-mana juga masyarakat manusia, bilangan yang miskin lebih ramai daripada yang kaya. Jika suara ramai semata-mata yang menentukan siapa memerintah, maka sudah tentu keadilan sukar dicapai oleh demokrasi.**

Tetapi masalahnya bukan sahaja berkenaan pentadbiran keadilan, pemerintahan yang hanya mengutamakan sokongan ramai iaitu kerajaan *Populist*, tetap akan merosakkan negara. Inilah yang berlaku di Eropah semasa kerajaan-kerajaan Buruh memerintah. Kerajaan memiliknegerakan semua perusahaan besar yang dianggap untung. Tetapi setelah dimiliknegerakan, pengurusan yang tidak cekap dan keengganan pekerja bekerja kuat menyebabkan perusahaan gagal dan rugi. Akhirnya ramai yang menganggur. Tetapi negara *welfare* ala sosialis menjamin yang tidak bekerja pun akan dibayar gaji. Ini boleh dibuat semasa bilangan yang menganggur tidak ramai dan cukai korporat dan cukai pendapatan tinggi jumlahnya. **Tetapi apabila yang menganggur terlalu ramai, kebanyakan perniagaan rugi dan cukai merosot, bagaimanakah dapat kerajaan membayar *unemployment benefit*?**

Dalam sesebuah masyarakat semua anggota memainkan

kan peranan. Kaya atau miskin, majikan atau pekerja, semua ada peranan masing-masing. Tidak ada sesiapa yang boleh mendakwa bahawa segala-galanya adalah hasil usaha mereka sahaja.

Demikian tanpa pelaburan oleh peniaga atau pengusaha, pekerja tidak boleh menghasilkan apa-apa barangan atau khidmat. Sebaliknya tanpa pekerja, pelaburan oleh peniaga atau pengusaha tidak mungkin mendatangkan apa-apa hasil. Dalam pada itu tanpa pemerintahan yang cekap, perniagaan dan perusahaan tidak dapat diadakan dengan sempurna dan pelabur dan pekerja tidak boleh menghasilkan apa-apa.

Jika hakikat ini diakui maka apa juga hasil kegiatan ekonomi dalam sesebuah negara hendaklah dibahagikan antara ketiga-tiga pihak ini. Tidak ada satu pihak yang begitu utama sehingga berhak menidakkan bahagian pihak yang lain. Tetapi agihan mestilah saksama dan adil.

Demikian pada satu zaman di Britain umpamanya, pemerintahan berpendapat keuntungan yang berlebihan adalah hak kerajaan. Dengan itu cukai 95 peratus dikenakan ke atas keuntungan yang ditakrif sebagai berlebihan. Ini telah menghapuskan keinginan pengusaha melabur lebih daripada paras yang membawa keuntungan yang tidak terkena cukai yang tinggi. Dengan itu pelaburan merosot dan ekonomi negara terjejas.

Keuntungan yang besar perlu dikenakan cukai, tetapi ia hendaklah tidak keterlaluan. Orang yang kaya perlu membayar cukai yang lebih untuk membiayai keperluan negara. Tetapi **jika cukai ke atas mereka terlalu tinggi sehingga hampir tidak ada lagi keuntungan bagi mereka, maka kemampuan dan minat mereka untuk menambah kekayaan akan terhapus. Dengan itu kerajaan tidak akan mendapat tambahan cukai.**

Upah untuk pekerja juga perlu meningkat sejajar dengan kemajuan ekonomi negara. Tetapi peningkatan hendaklah diiringi dengan peningkatan hasil kerja. Mungkin hasil kerja meningkat kerana pelaburan oleh majikan ditambah untuk teknologi baru atau penggunaan cara pengeluaran yang lebih

efisien. Tetapi seperti mana sumbangan pekerja kepada pertambahan keuntungan akan dinikmati juga oleh majikan, sumbangan majikan kepada peningkatan daya keluaran dan keuntungan harus dinikmati juga oleh pekerja.

Kerajaan juga berhak ke atas keuntungan yang diperolehi kerana kerajaan yang menentukan iklim ekonomi dan kerajaan juga dipertanggungjawabkan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan awam untuk semua, miskin dan kaya.

Pemerintahan demokratik tidak bertentangan dengan Islam. Pemimpin memang pun dipilih dalam Islam. Demikian Nabi wafat tanpa menamakan gantinya. Sayidina Abu Bakar kemudian dipilih oleh para sahabat sebagai khalifah. Sekembalinya Sayidina Abu Bakar, Sayidina Umar dipilih mengikut proses yang sama. Demikian jugalah dengan Sayidina Othman dan Sayidina Ali.

Selepas dipilih, Sayidina Abu Bakar terang-terang mengakui bahawa ia tidak lebih daripada sahabat-sahabat yang lain, dan jika ia melakukan sesuatu yang salah, ia boleh ditegur atau dipisah daripada jawatannya. Sudah tentu pemisahannya akan dibuat melalui proses yang sama, iaitu musyawarah antara para sahabat, iaitu cara yang cukup demokratik.

Amalan menurunkan kuasa memerintah kepada keluarga bermula dalam pemerintahan Muawiyah. Yang jelas ialah dalam Islam hanya Nabi sahaja yang ditunjuk oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Khalifah-khalifah al-Rasyidin yang lainnya dipilih secara demokratik.

**Sistem demokrasi sesuai dengan sistem pemerintahan Islam. Tetapi manusia lemah dan tidak patuh kepada sistem, baik Islam baik demokrasi. Sebab itu apa juga sistem yang dipilih tentu ada kelemahan dan kegagalan.**

Demokrasi yang kita amalkan di Malaysia tidak sama dengan demokrasi ala Barat. Demokrasi Barat juga tidak sempurna, bahkan mempunyai unsur kezaliman dan gagal mendatangkan hasil yang terbaik. Tetapi seperti yang disebut awal tadi, Barat sudah menjadikan demokrasi sebagai suatu agama, sama seperti ideologi komunis dijadikan oleh mereka

sebagai agama. Kerana taksud dengan demokrasi, apa sahaja yang dibuat atas nama demokrasi tidak boleh dianggap cacat walaupun jelas hasilnya buruk.

Demokrasi Malaysia bukanlah agama. Kita sedar akan kebaikan sistem demokrasi tetapi tidak terlalu taksud dengannya sehingga menerima tanpa soal semua yang dibuat dengan nama demokrasi. Kita sanggup menegur dan menerima teguran terhadap demokrasi yang kita amalkan.

**Kita tidak akan lupa bahawa yang penting ialah kebaikan rakyat dan negara. Demokrasi bukan untuk demokrasi tetapi untuk rakyat dan negara. Jika rakyat dan negara memperolehi kebaikan maka kita akan terima amalan-amalan yang dikatakan demokratik. Jika rakyat dan negara memperolehi keburukan daripada satu-satu amalan yang dikatakan demokratik kita akan utamakan kebaikan untuk negara dan rakyat dan mengenyepikan soal demokratik atau tidak.**

Demikian tunjuk perasaan yang keterlaluan dan mogok sepanjang masa yang dianggap demokratik oleh puak liberal tetapi boleh membinasakan ekonomi dan kestabilan politik sehingga rakyat merana dan kerajaan ditumbang dan disusuli dengan nasib yang sama bagi kerajaan yang mengganti, maka tunjuk perasaan yang keterlaluan dan mogok umum perlu dihentikan melalui kuasa yang ada pada kerajaan. Jika rakyat tidak puas hati dengan ketegasan kerajaan maka rakyat berhak menjatuhkan kerajaan melalui pilihan raya apabila ia diadakan. **Senjata mogok seluruh negara dan tunjuk perasaan yang tidak berhenti-henti bukanlah senjata untuk memelihara hak sesiapa. Ia adalah senjata politik puak minoriti dan ia harus diguna hanya jika kerajaan jelas amat zalim dan tidak mahu mengadakan pilihan raya setelah masanya tiba. Pada ketika itu bukan sahaja cara-cara yang demokratik yang patut digerak, rakyat perlu memberontak untuk menjatuhkan kerajaan.**

Demokrasi tidak sempurna seratus peratus. Terdapat banyak kecacatan dalam demokrasi. Tetapi berbanding dengan sistem-sistem pemerintahan yang lain, ia adalah yang terbaik sekali yang pernah dicipta oleh manusia, terutama untuk

negara berbilang kaum dan agama seperti Malaysia.

Justeru itu, kita perlu kekalkan sistem demokrasi di negara kita. Jika majoriti rakyat faham akan hak dan kelemahan-kelemahan tertentu yang terdapat dalam demokrasi, Insya-Allah, amalannya tidak akan membawa kerosakan. Sebaliknya amalan cara demokrasi yang pragmatik boleh membawa kebaikan, seperti mana kita telah memperlihatkannya di negara ini.

Saya mengulas sistem demokrasi kerana setelah sekian lama kita mengamalkannya kita menjadi lebih arif akan makna dan hikmat demokrasi. Setelah 50 tahun UMNO mengamalkan demokrasi dalam parti dan dalam kerajaan, masanya sudah tiba untuk kita menganalisa sistem ini dan mengenali baik buruknya. **Konvensyen ini tidak kerugian jika demokrasi dibahas dan dibincangkan kerana mudah-mudahan kita akan menjadi lebih matang dan kita akan kenal yang mana intan dan yang mana kaca yang terdapat dalam sistem pemerintahan ini.**

- 
10. Ucapan Dr. Mahathir Mohammad dalam Konvensyen menyambut ulang tahun yang ke-50 UMNO di Bahagian UMNO, Kuala Lumpur 11 Mei, 1996

# Titik Peluh Kita

"Malaysia hari ini stabil, maju, makmur dan berjaya kerana kematangan politiknya, kerana kerajaan yang stabil dan berkesan, jentera pentadbiran yang efisien dan yang paling utama rakyat yang rajin, tekun, sanggup bekerja keras dan sentiasa mementingkan perpaduan dan keharmonian kaum. Tanpa faktor-faktor ini, negara kita tidak mungkin dapat membangun dan maju dengan begitu pesat."

TAHUN ini genaplah 40 tahun negara kita merdeka. Syukur Alhamdulillah kerana sekali lagi kita dapat menyambut Hari Kebangsaan negara kita dalam keadaan aman dan makmur. Enam puluh tahun dalam sejarah kenegaraan bukanlah satu jangka waktu yang panjang. Namun dalam



tempoh yang singkat ini, negara kita sudah mencapai banyak kejayaan. **Kita boleh berbangga bahawa kejayaan-kejayaan itu adalah hasil usaha dan titik peluh kita sendiri.**

Jika tidak kerana kita merdeka dan bertanggungjawab terhadap pembangunan kita, sudah tentu kita akan terus ketinggalan zaman. Tetapi kemerdekaan tidak menjamin kemajuan tetap akan dicapai. Kita maju kerana kita dapat menstabilkan politik kita, merancang dan melaksanakan pembangunan kita secara teratur. **Alhamdulillah.**

Kita bukan sahaja berjaya meningkatkan taraf hidup kita, bahkan kita berjaya mengagihkan kekayaan negara dengan lebih adil kepada semua rakyat. Ini bukanlah mudah memandangkan perbezaan kebolehan yang ketara yang terdapat pada mulanya antara kaum-kaum di Malaysia. Kita pula syaratkan agihan kekayaan tidak dibuat dengan mengambil daripada yang kaya untuk diberi kepada yang miskin. Sebaliknya, kita membuat agihan daripada ekonomi yang tumbuh. Syarat ini sedikit sebanyak menghalang pertumbuhan ekonomi. Tetapi kita masih berjaya membangunkan ekonomi mengikut perancangan kita.

## **ANAK WATAN**

Empat puluh tahun dahulu, kita tidak menduga yang kita berkemampuan untuk maju dan menempuh kejayaan seperti sekarang. Apakah kita menduga yang negara kita boleh mengeluarkan kenderaan bermotor kita sendiri, memiliki satelit kita sendiri, berdiri bangunan berkembar yang tertinggi di dunia? Apakah kita menjangka seorang anak watan kita menyandang jawatan Presiden Persidangan Agung Bangsa-bangsa Bersatu, rakyat Malaysia mendaki puncak Gunung Everest dan kita menjadi tuan rumah Sukan Komanwel pada tahun depan? Tentulah tidak. Tetapi pada hari ini kita membuktikan bahawa kita juga mempunyai kemampuan untuk berjaya dalam pelbagai bidang kalau kita betul-betul berusaha. Jelaslah dengan dasar-dasar yang baik, dengan rakyat yang sentiasa berusaha gigih dan bekerjasama

antara semua pihak di semua peringkat, iaitu pekerja, kerajaan dan swasta, kita dapat mengisikan kemerdekaan kita secara bermakna.

Kejayaan kita bukanlah disenangi oleh semua pihak. Ramai yang mengkritik dasar ekonomi kita termasuk pertumbuhan yang tinggi yang kita usahakan. Sejak 1988 pertumbuhan negara kita ialah pada paras lapan peratus setahun, dan inflasi dibendung pada tahap yang rendah, iaitu tiga peratus.

Pada 1985 dan 1986 ekonomi negara menghadapi kemelesetan dan ramai yang menyalahkan kerajaan. Apabila ekonomi negara dipulihkan pada 1987 dan seterusnya, pengkritik ini tidak pula memberi kredit kepada kerajaan. Sebaliknya, tahun demi tahun mereka membuat ramalan bahawa pertumbuhan negara yang tinggi ini tidak mungkin diteruskan. Tetapi ramalan mereka tidak menjadi kenyataan.

Sejak dua tiga tahun ini masalah '*over heating*' pula ditimbulkan dan kerajaan disuruh memperdalamkan pertumbuhan ekonomi. Tetapi kerajaan tidak menerima pandangan pakar-pakar ini. Dan ekonomi kita terus tumbuh pada kadar lapan peratus setahun dengan inflasi tiga peratus.

## **BANYAK NIKMAT**

Pada 1977 ini, kita meramalkan kita akan terus tumbuh pada kadar peratusan yang sama. Tetapi seperti kita semua maklum, spekulasi oleh orang asing menyebabkan ringgit dan saham jatuh harga. Ada kemungkinan kita tidak dapat tumbuh seperti yang diramalkan dan defisit perdagangan kita akan meningkat kerana lebih banyak ringgit diperlukan untuk membeli barangan dari luar negara, sementara barangan eksport kita menjadi lebih murah dalam mata wang asing.

**Amatlah menyedihkan apabila ada pihak yang mendakwa dasar kerajaan adalah salah dan kita hari ini sedang menerima padahnya. Mereka ini tidak mengambil kira bahawa kejatuhan nilai mata wang dan saham juga berlaku di negara-negara Asia Tenggara lain, di Hong Kong**

**dan Korea Selatan. Beberapa negara ini lebih teruk daripada Malaysia.** Ekonomi mereka tidak tumbuh tinggi seperti kita, defisit mereka lebih besar daripada kita dan inflasi mereka lebih tinggi daripada kita, namun ekonomi mereka menghadapi masalah yang sama. Bantuan Bank Dunia dengan syarat-syarat yang ketat tidak juga berjaya menghentikan masalah kejatuhan nilai mata wang dan saham negara tertentu.

**Kita faham kenapa orang asing suka memburuk-burukkan negara kita. Tetapi kita amat kecewa apabila orang kita, yang mendapat nikmat daripada pertumbuhan ekonomi yang diusahakan kerajaan, begitu senang hati melihat orang asing membelasah ekonomi kita.**

Rencana berkenaan dengan mekanisma dagangan mata wang disiarkan seolah-olah kita salah apabila menyalahkan spekulasi. Kita tidaklah begitu jahil. Kerajaan berjaya juga membangunkan negara ini. Justeru, sedikit kepercayaan harus diberikan kepada kerajaan.

Apa yang perlu dibuat oleh rakyat sekarang ialah membeli saham dan menyimpannya dan jangan jual beli ringgit. Jika semua kita berbuat demikian, percayalah lambat laun spekulasi akan berhenti. Ingatlah penyangak yang melakukan spekulasi ini telah menjadikan bilangan orang miskin di negara kita bertambah dan 10 peratus lebih miskin.

## **MELUPAKAN SEJARAH**

Apabila rakyat miskin, mereka yang kaya juga akan menjadi miskin termasuklah peramal-peramal yang begitu gembira kerana dapat berkata: "*I told you so*" atau "Saya sudah kata."

**Walau apa pun terjadi pada kita, kita tidak harus melupakan sejarah perjuangan kemerdekaan negara kita.** Sebab itulah kita mengadakan sambutan Hari Kemerdekaan atau Hari Kebangsaan setiap tahun. Selain daripada menanam semangat cintakan negara di kalangan rakyat, Hari Kebangsaan mengingatkan kita kepada sejarah perjuangan kemerdekaan negara kita. Dengan mengetahui sejarah negara sendiri, kita boleh merancang masa depan negara kita dengan

lebih baik dan berkesan.

Umpamanya rakyat, terutama generasi muda akan faham latar belakang perkara-perkara seperti hak Bumiputera dan hak bukan Bumiputera, soal bahasa dan persekolahan, soal kerakyatan dan tanggungjawabnya. Dengan cara ini kita akan sentiasa menghormati hak kaum masing-masing dan bersikap lebih toleransi terhadap satu sama lain. Saya yakin jika kita semua sentiasa ingat dan sedar akan liku-liku dan pahit maung perjuangan menuntut kemerdekaan, betapa semangat kerjasama yang erat terjalin di antara pemimpin pelbagai kaum pada waktu itu serta pengorbanan dan tolak ansur yang dibuat oleh semua kaum, pasti kita tidak akan membangkitkan perkara-perkara yang boleh menyakiti mana-mana kaum. Memahami sejarah penjajahan dan kemerdekaan juga akan menjadikan kita lebih bersyukur dan menghargai kemerdekaan dan memeliharanya.

Malaysia pada hari ini stabil, maju, makmur dan berjaya kerana kematangan politiknya, kerana kerajaan yang stabil dan berkesan, jentera pentadbiran yang efisien dan yang paling utama rakyat yang rajin, tekun, sanggup bekerja keras dan sentiasa mementingkan perpaduan dan keharmonian kaum. Tanpa faktor-faktor ini, negara kita tidak mungkin dapat membangun dan maju dengan begitu pesat.

### SIKAP RASIONAL

Namun demikian, rakyat Malaysia hendaklah berwaspada terhadap unsur-unsur dalam negara yang boleh juga menghancurkan semua kejayaan yang kita capai dan nikmati sekarang. Adalah amat penting rakyat berbilang kaum di negara ini tidak mudah terpengaruh dengan pelbagai dakwaan dan tuduhan yang tidak berasas. Kita tidak harus mengambil pendirian yang ekstrim berkenaan dengan apa-apa perkara. Sebaliknya, hendaklah kita membendung perasaan, bersikap rasional dan sanggup mendengar penjelasan dan berunding untuk mengatasi apa juga masalah.

Asalkan kita berjaya menangani tekanan-tekanan dari

luar dan berwaspada dengan percubaan melaga-lagakan kita sesama kita oleh pihak tertentu dalam negara, insya Allah negara kita akan terus stabil, maju dan makmur.

Kita mempunyai hanya beberapa tahun sahaja lagi sebelum melangkah ke abad 21 yang pasti lebih mencabar. Dalam era globalisasi dan Teknologi Maklumat atau IT yang lebih canggih, kompetitif dan dinamis, rakyat mestilah membuat penyesuaian dan perubahan agar dapat turut serta menikmati hasil perubahan-perubahan ini. Kita tidak boleh puas hati dengan apa yang kita capai sekarang. Jiwa kita beku dengan cara kita hari ini, maka kita tetap akan ketinggalan zaman. Oleh itu, kita perlu sentiasa melengkapkan diri kita dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran terbaru dalam semua bidang. Teknologi baru, seperti juga dengan teknologi-teknologi lain boleh dikuasai jika kita sanggup berusaha bersungguh-sungguh untuk memilikinya. Pihak kerajaan melancarkan Projek Koridor Raya Multimedia atau MSC untuk menjamin negara tidak akan ketinggalan dalam era IT. Kita hendaklah sambut projek ini dengan melengkapkan diri dengan ilmu dan kecekapan yang diperlukan.

## ORANG ASING

Dalam kita melangkah ke era dunia sempadan dan IT, kita perlu menerima hakikat bahawa kita tidak dapat dilindungi oleh batas sempadan kita. **Hari ini kita sudah lihat bagaimana mudahnya orang asing boleh meruntuhkan ekonomi kita dengan sengaja menjatuhkan nilai mata wang dan pasaran saham kita.**

Apa yang kita usahakan selama 40 tahun boleh dimusnahkan oleh mereka hanya dalam beberapa minggu sahaja. Dunia tanpa sempadan boleh menjadi 'hutan liar' penuh dengan 'binatang buas' yang tidak menghirau undang-undang atau peraturan. Jika kita tidak sanggup menghadapi cabaran ini dengan bersifat lebih patriotik dan sanggup bekerja lebih kuat, nescaya kita akan kembali dijajah semula.

Janganlah kita fikir sekali merdeka maka selama-

**lamanya kita akan merdeka. Jika kita tidak berusaha untuk memelihara kemerdekaan kita, penjajah secara langsung atau tidak langsung akan kembali menjajah kita.**

Sekarang tumpuan kerajaan ialah untuk membesarkan kumpulan kaum Bumiputera yang mempunyai pendapatan yang sederhana, iaitu '*middle-income class*'. Di kebanyakan projek perumahan kos sederhana, pemaju mendapati amat sukar untuk menjual rumah kepada kaum Bumiputera. Dengan itu, kebanyakan kawasan perumahan yang baru diduduki oleh satu kaum sahaja. Keadaan ini adalah tidak sihat.

### **KITA BOLEH**

Untuk mewujudkan kelas Bumiputera sederhana, kerajaan mengadakan beberapa rancangan. Tetapi sambutan oleh Bumiputera hendaklah ditingkatkan. Mereka hendaklah sanggup, berusaha bersungguh-sungguh mempelajari kecakapan pengurusan dan perniagaan. Mereka yang berusaha secara serius dan tekun tetap akan berjaya. Sebab itu hari ini terdapat ramai pengusaha Bumiputera dalam industri kecil dan sederhana yang berjaya mengeluarkan barangan yang canggih. Adalah jelas kebolehan Bumiputera tidak kurang daripada kebolehan bukan Bumiputera. Hanya yang diperlukan ialah minat dan usaha yang tekun.

Jika kita berjaya mengimbangkan peratusan Bumiputera kelas menengah dengan bukan Bumiputera dalam kelas yang sama, maka kestabilan negara kita akan lebih terjamin. Dan sudah tentu ini akan membantu memesatkan pembangunan negara kita.

Segala pembaharuan dan perubahan yang dibawa kerajaan adalah untuk faedah dan kebaikan rakyat. Hasrat kerajaan ialah untuk melihat negara ini dan rakyatnya terus maju, makmur dan sejahtera.

Dengan komitmen yang penuh daripada semua pihak dan semangat 'Kita Boleh', saya percaya kita akan mencapai hasrat untuk menjadi negara maju dalam acuan kita sendiri, insya Allah.

Sambil mengingati diri kita akan nikmat kemerdekaan, kita ingin ucapkan terima kasih kepada pasukan keselamatan kita yang menentukan kita hidup aman dan selamat. Kita tidak akan lupa jasa mereka yang terkorban kerana mempertahankan dan menyelamatkan kita.

Saya ucapkan selamat merayakan Hari Kebangsaan kita kepada semua rakyat Malaysia.<sup>11</sup>

---

11. Perutusan Dr. Mahathir Mohammad sempena Hari Kebangsaan ke-40 pada 31hb. Ogos 1997.

# Maruah Bangsa

TAHUN Ini genap 40 tahun UMNO menerajui kerajaan yang memerintah negara Malaysia yang merdeka. Parti kita berhak berbangga dengan pemegangan kuasa pemerintahan negara ini begitu lama. Sebenarnya kebanyakan parti politik yang berjuang untuk kemerdekaan dan berjaya mendirikan kerajaan apabila merdeka tidak dapat mengekalkan kedudukan sebagai parti pemerintahan walaupun untuk satu atau dua dekad, terutama jika sistem yang diamalkan ialah demokrasi. **Rakyat mudah bosan dengan parti politik walaupun ia berjaya dan berjasa kepada rakyat dalam perjuangan kemerdekaan.**

Parti politik yang memerintah negara yang baru mencapai kemerdekaan berbeza dengan parti yang memerintah negara



yang tidak pernah dijajah. Pemerintahan negara yang baru dibebas bukan saja dikehendaki mentadbir tetapi juga mengisi kemerdekaan dan membangunkan negara supaya lebih maju daripada masa dijajah dulu.

## SISTEM POLITIK

Untuk mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan saja pun adalah tidak mudah bagi pemerintah yang baru mengambil alih. Pentadbir biasanya tidak berpengalaman, mungkin tidak cekap, tidak lurus, mudah disogok dan sebagainya. Jika tidak demokratik, jika feudal atau diperintah oleh satu parti atau seorang diktator, tekanan, kekejaman, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan mudah berlaku. Rakyat mungkin terpaksa menggulingkan diktator dan merosakkan segalanya dalam proses ini. Tetapi dalam negara yang demokratik, pemerintahan yang berkesan tidak dapat diwujudkan jika rebutan kuasa dan tindakan yang tidak bertanggungjawab oleh rakyat sering berlaku. Sebenarnya tidak ada sistem politik atau pemerintahan yang boleh menjamin kemajuan sesuatu negara. Banyak faktor lain diperlukan.

Alhamdulillah kita di Malaysia tidak mempunyai pemerintahan kuku besi. Kita demokratik. Kita tahu demokrasi mempunyai kelemahan tertentu. **Rakyat boleh disogok dengan wang atau pembangunan yang membazir, rakyat mungkin memilih pemimpin yang tidak waras, yang tamak, yang hanya ingin mendapat tempat, yang perasuah dan lain-lain lagi kerana pengundi terpengaruh dengan dakwah tertentu termasuk menyalahgunakan sentimen ras atau keagamaan.** Tidaklah benar majoriti daripada rakyat tetap bijak dan tahu memilih pemimpin. Kerana atau kerana taksud dengan ideologi atau perasaan kedaerahan, majoriti mungkin membuat pilihan yang tidak bijak yang boleh merugikan negara.

Sesuatu dipilih, pemimpin mungkin didapati tidak sesuai, tidak menunaikan janji, perasuah dan sebagainya. Malangnya dalam demokrasi, menurunkan mereka yang sudah dilantik

tidak mudah. Ada puak yang tetap menyokong kuat pemimpin terbabit kerana kepentingan diri, kerana disogok, kerana ingin mempertahankan ideologi parti dan bermacam-macam sebab lagi.

## NEGARA MAJU

Yang penting ialah untuk mendirikan kerajaan dan mentadbir secara biasa saja pun tidak mudah. Apatah lagi untuk membangunkan negara. Bagi negara yang demokratik atau tidak demokratik yang mudah ialah membiarkan saja keadaan berterusan sementara pemimpin berlagak dengan taraf dan kuasanya. Hari ini giliran pemimpin, ini, esok giliran pemimpin lain untuk menikmati jawatan.

Alhamdulillah, Malaysia berjaya juga menggunakan sistem demokrasi, memilih kerajaan dan mempunyai pentadbiran yang berkesan. Tetapi hanya dengan ini saja tidak menjamin kita akan maju. Untuk mencapai kemajuan kita perlu ada idea yang baik, pendekatan yang boleh menjayakan idea berkenaan dan pengurus yang berkebolehan. majunya negara kita, terlaksananya rancangan kita bermakna faktor ini ada pada kita.

Tetapi kita tidak boleh berpuas hati dengan kemajuan biasa. Di zaman ini kita perlu kekuatan untuk mengelak daripada dijajah cara baru. Kekuatan yang dimaksudkan bukanlah kekuatan ketenteraan, walaupun sedikit sebanyak itu juga perlu. **Kekuatan yang kita perlu ialah kekuatan yang datang daripada kestabilan politik, kesihatan, ekonomi, keadilan sosial, kecekapan pentadbiran dan penguasaan ilmu dan teknologi yang canggih yang tidak kurang daripada yang dimiliki oleh negara maju yang lain.**

## ANGGUR MASAM

Soalnya apakah mampu kita mengejar kekuatan yang menyeluruh ini? Harus kita ingat bahawa mereka yang

**mengejar mestilah lebih pantas daripada mereka yang dikejar.** Jika tidak tentulah kita tidak akan mendapat sasaran kita. Sasaran kita bergerak dan tidak akan menunggu kita. Mampukan kita, orang Melayu dan Bumiputera, bergerak dengan begitu pantas sehingga dapat mengejar objektif kita?

**Memikir mengenai besarnya cabaran yang kita hadapi boleh mengecewakan kita awal lagi. Mereka yang kecewa kerap kali menolak keperluan mengejar sasaran dan menipu diri dengan dakwaan bahawa tidak benar sasaran itu lebih daripada keadaan mereka.** Ini adalah psikologi 'anggur masam' kerana mereka tidak dapat memetikanya.

Orang seperti ini cuba menidakkan keburukan keadaan mereka dengan berkata kekayaan, kekuatan, kecekapan dan ilmu yang ada pada orang lain itu tidak membawa apa-apa kebaikan. Mereka yang dikatakan maju sebenarnya tidak maju kerana kemajuan tidak boleh diukur dengan kejayaan kebendaan. Kejayaan kata mereka mempunyai makna lain. Sebenarnya mereka yang dikatakan mundur lebih berjaya walaupun ternampak tidak berjaya. Dan bermacam-macam lagi cara penipuan diri yang dicipta untuk menutup kekecewaan mereka.

## **CARA NEGATIF**

**Ada pula yang kecewa kerana kegagalan, lalu mengganas secara membuta-tuli. Kanak-kanak apabila marah dan kecewa merosakkan apa yang ada pada mereka sebagai cara melepaskan geram. Orang yang gagal dan tidak nampak bagaimana mereka dapat mengatasi kegagalan juga melepaskan geram dengan cara yang sama. Mereka mengganas, membunuh, meletupkan bom dan menjatuhkan pesawat dengan penumpang yang tidak berdosa. Mereka melepaskan geram ke atas yang lemah, kerap kali ke atas kaum bangsa sendiri dan negara sendiri.**

Dengan cara negatif ini mereka hanya akan terus mundur, dihina dan ditindas. Tetapi mereka tidak tahu cara lain selain

cara yang negatif itu. Mereka tidak akan tukar taktik, tidak cuba mengejar kemajuan, tidak beralih kepada cara yang rasional kerana awal lagi mereka percaya mereka tidak berkebolehan, tidak akan berjaya atau tidak sanggup bersabar dengan masa yang panjang yang diperlukan untuk mengejar kejayaan. Mereka tidak percaya dengan diri sendiri. Dengan itu mereka akan teruskan cara negatif mereka dan kekal dengan kemunduran buat selama-lamanya. Inilah yang kita lihat di beberapa negara, terutamanya di negara Islam yang menghadapi masalah keganasan oleh puak ekstrimis agama.

### **MELEPAS GERAM**

Apakah kita juga termasuk dalam golongan ini, kita juga sudah kecewa, kita juga percaya bahawa kita tidak mungkin berjaya, kita juga menipu diri dan melepas geram? Ada antara kita yang berfikiran seperti ini, sama ada secara sedar atau tidak sedar. Dengan itu mereka mahu supaya kita jangan cuba untuk menjayakan diri kita. Mereka hendak kita dengan sombong mendakwa kita sudah pun lebih baik, lebih berjaya dan lebih besar daripada orang lain walau apapun bukti yang menidakkan dakwaan ini. Dalam hati kecil mereka, mereka tahu dakwaan mereka adalah tidak benar. Mereka tahu mereka bukan 'tuan' tetapi sebenarnya 'hamba'. Tetapi oleh kerana mereka tidak yakin mereka boleh jadi 'tuan' mereka tipu diri dengan membuat dakwaan berkali-kali bahawa mereka adalah 'tuan'.

**Alhamdulillah, sekarang kian ramai yang percaya kita boleh. Dan memang pun kita boleh. Kita belum boleh dalam segala-gala yang kita cuba, tetapi insya Allah, kita akan boleh. Kita akan boleh dengan percubaan yang berulang kali; kita akan boleh dengan kesanggupan bertekun, berusaha mempelajari, mencuba dan mencuba lagi sehinggalah kita boleh.**

Apakah yang kurang pada kita? Dari segi fizikal, mental dan semangat, kita tidak berbeza daripada bangsa yang maju. Yang berbeza ialah budaya kita, sistem nilai hidup

**kita dan tamadun yang sudah kita bina.** Apakah kita akan hilang jati diri atau identiti kita, identiti bangsa kita jika kita baiki nilai hidup kita sehingga dapat membentuk budaya dan tamadun yang baru untuk kita; budaya dan tamadun yang lebih sesuai untuk kemajuan, yang boleh menebus dan menegak maruah bangsa kita?

## **KURANG TAHAN**

Umpamanya, kita sanjung kerajinan. Tetapi kita tahu kurang rajin. Jika kita buat sesuatu kita tidak bersungguh-sungguh sehingga betul-betul berjaya, sehingga hasil kerja kita bermutu amat tinggi. Kita mudah puas hati dengan hasil kerja kita. Kurang baik, kurang tahan, kurang kekal, kurang cantik dan kurang bersih sedikit, tidak mengapa. Dengan itu hasil kerja kita kurang baik, kurang tahan dan kurang serba-serbi, iaitu kurang berkualiti. Sebaliknya bangsa yang maju begitu bersungguh-sungguh, begitu kritikal terhadap hasil kerja mereka, begitu menitik beratkan kualiti serta kefahaman dan sebagainya.

Umpamanya, tidak banyak terdapat peninggalan nenek-moyang kita. Di negara maju bangunan lama masih kukuh tersergam indah walaupun dibina seribu tahun dahulu. Kota mereka tegak dengan kukuh dan masih boleh diguna. Kecantikan asal masih ada.

Bangunan nenek-moyang kita sudah tidak ada. Mereka tidak mendirikan bangunan yang kekal. Mereka tidak mendirikan bangunan dengan bahan yang tahan lama atau yang kukuh. Asal dapat digunakan ketika itu, ia mencukupi. Apa perlunya tahan lama? Kita tidak akan menggunakannya selepas kita meninggal. Memadailah jika untuk sementara saja - satu hari, satu bulan, satu tahun, 10 tahun. Apa perlu 100 tahun?

Di Eropah, kita dapati kampung dan bandar dalam kota yang berusia lebih 1000 tahun masih berdiri tegak, masih diduduki orang dan masih digunakan untuk perniagaan dan pertahanan. Lebih daripada itu bandar ini mempunyai bentuk

yang unik dan begitu menarik kepada pelancong; dan menjadi punca pendapatan kepada keturunan bangsa negara itu sehingga sekarang.

### TIDAK TENGGELAM

Kita membuat perahu umpamanya secara kasar. Asalkan boleh digunakan dan tidak tenggelam, sudah mencukupi. Walaupun untuk kegunaan raja atau pembesar atau negara, ianya tidak perlu lebih dari sementara. Ia dibuat secara kasar, dengan papan dua paku tanpa mengira ukuran, ada yang lebar, ada yang tidak. Lantai diletak begitu saja, tidak berbumbung, tidak ada bilik, tidak dilengkapi dengan alatan yang cukup dan tidak dihias. Kualiti kerja tidak penting. Asalkan boleh diguna, memadai. Sementara di Barat, makin lama semakin besar perahu yang dibuat hingga menjadi kapal, hingga diperbuat daripada besi, dilengkapi dengan bilik yang dihias seperti istana; perahu kita tidak membesar, masih dibuat daripada kayu, tidak dilengkapi dengan alatan pelayaran dan tinggal begitu sahaja.

Kita guna dayung atau kita guna layar tanpa mengambil kira besar atau kecil bentuk atau 'efficiency'nya. Kita tidak jadikan pelayaran sebagai satu ilmu yang dikaji, diselidiki dan dicatat untuk dipelajari dan digunakan oleh sesiapa saja yang ingin belayar. Kita tidak sediakan peta pelayaran secara terperinci. **Kita agak-agak saja.** Kita tanya kepada mereka yang mungkin tahu-tahu yang sudah biasa dan kita buat panduan secara kasar, kita gunakan sekali itu sahaja, kita tidak mencatatnya untuk memperingati kita kemudian atau untuk menjadi panduan kepada orang lain. Jika kita ingat, baik. Jika tidak, tidak mengapa. Sekali sesat, sekali bertanya.

### KAJI SELIDIK

**Kata orang, jika seorang Jerman disuruh menulis berkenaan nyamuk, kita akan dapat beberapa jilid buku yang tebal yang mengandungi segala-galanya berkenaan serangga itu;**

**daripada bentuknya, kasar dan halus, secara terperinci sehingga kepada tabiatnya, makanannya, cara ia membiak, tempat tinggalnya dan seribu satu perkara berkenaannya.** Bagi kita mungkin dua-tiga ayat sudah memadai berkenaan serangga yang tidak berguna ini. Apa gunanya menghabiskan masa berkenaan dengan sejenis serangga yang hanya tahu ketip saja. Oleh kerana kita mempunyai pandangan sebeginilah maka kita tidak mengaitkan nyamuk dengan demam malaria yang membunuh ratusan ribu manusia. Sudah tentu jika kita tahu pun ketip nyamuk itu bahaya, kita akan menganggap semua nyamuk membawa penyakit malaria, dan tidak mengambil tahu bahawa hanya nyamuk jenis aedes, yang mempunyai bentuk tertentu dan tabiat tertentu yang membawa denggi.

Dan kerana kita tidak tahu maka kita tidak dapat menyelamatkan diri kita daripada penyakit yang boleh membawa maut ini. Jika tidak kerana orang lain yang berlainan budaya mengkaji selidik, kita mungkin menerima penyakit malaria di negara kita sebagai sesuatu yang semula jadi atau lebih buruk lagi kita salahkan Tuhan. Bahawa Tuhan membekalkan kita dengan akal fikiran tetapi kita yang tidak menggunakannya, tidak sedikit pun menimbul perasaan ter- salah oleh kita.

## **TULUS IKHLAS**

Contoh ini menunjukkan betapa berbezanya budaya kita dengan budaya bangsa yang maju. **Mungkin kita fikir perbezaan budaya tidak penting. Tetapi sebenarnya perbezaan inilah yang menentukan siapa yang maju dan siapa yang tidak.** Soalnya apakah dapat kita menerima dan mengamal budaya yang boleh memajukan kita? Apakah kita akan menjadi kurang Melayu atau kurang Iban atau Kadazan atau kurang bangsa Malaysia kerana kita menerima aspek-aspek tertentu dalam budaya asing? Saya tidak fikir kita akan menjadi kurang Melayu, atau kurang Iban atau kurang Kadazan atau kurang bangsa Malaysia semata-mata kerana kita lebih berminat untuk

mendalami sesuatu, kita lebih berilmu, kita lebih berminat untuk mendalami sesuatu, kita lebih tertib dan tersusun dari segi cara dan pendekatan serta lebih mengambil berat akan jumlah pengetahuan yang kita kumpul yang mungkin dapat diguna bukan saja oleh kita tetapi juga orang lain dan generasi lain. Kita tidak jadi orang Eropah kerana kita memakai kot dan tali leher, kita bercakap bahasa Inggeris dan kita mengamalkan demokrasi dan bukan feudalisme.

Bandingkan penyelidikan terbuka dalam budaya Barat dengan sifat bomoh dan dukun kita. Jika bomoh dan dukun kita menjumpai atau mencipta ubat yang mustajab, mereka akan menyembunyikan ramuan ubat ini daripada orang lain. Mereka tidak akan menulis dalam jurnal berkenaannya. Mereka tidak akan membuat kajian secara tulus ikhlas iaitu tanpa dipengaruhi kepentingan diri. Sama ada mustajab atau tidak, dakwaan tentang berkesannya ubat mereka diteruskan dan resipinya disembunyi. Apabila mereka meninggal dunia hilanglah resipi berkenaan, hilanglah ubat yang mustajab itu, teraniayalah pesakit yang sakit selepas si bomoh atau dukun itu sudah tidak ada lagi.

## ILMU DUKUN

Hari ini ilmu perubatan berkembang pesat, kerana bangsa yang maju tidak menyembunyi ilmu mereka. Kita pun dapat menumpang ilmu itu. Tetapi apakah kita dapat menumpang ilmu dukun dan bomoh yang dahulu dan yang sekarang? Tidakkah kita rugi apabila kita disembunyikan kerana penciptanya ingin mengawal untuk dirinya sendiri hasil yang boleh didapati daripada ilmu berkenaan? Namun kita tahu bahawa tidak ada dukun atau bomoh yang berilmiah, dihormati dan berharta. Sebaliknya, walaupun ahli perubatan bangsa yang maju mendedahkan ilmu pengetahuan mereka, mereka tidak rugi kerananya. **Dunia menghormati mereka dan nama mereka ditulis dengan tinta emas dan diingati selama-lamanya.** Ramai yang dianugerah Hadiah Nobel.



Sudah tentu mereka menjadi lebih kaya daripada bomoh dan dukun yang memiliki ramuan ubat yang mustajab.

Demikian bezanya budaya kita dengan budaya bangsa yang maju. Apakah mereka maju kerana budaya mereka ini ataupun kerana mereka maju maka mereka dapat mengamalkan budaya ini? Apakah dapat kita katakan bahawa budaya ini tidak mempengaruhi kemajuan yang mereka capai? Sama-samalah kita renungkan.

Banyak lagi perbezaan budaya dan nilai hidup di antara mereka yang kurang maju dengan mereka yang maju. **Kita adalah bangsa yang separuh maju dan memang ada budaya kita yang berbeza dengan bangsanya yang kurang maju daripada kita. Kita lihat bagaimana mereka yang kurang maju ini sering berebut-rebut kuasa, mengamalkan rasuah secara terbuka,** tidak suka hidup berperaturan dan berundang-undang, tidak berdisiplin, lebih malas daripada kita, tidak langsung cuba untuk menyerap sistem dan pendekatan yang lebih baik dan bermacam-macam lagi perbezaan. Sebab itu mereka kurang maju daripada kita. Dan kerap juga kita menyatakan sesuatu yang tidak baik berkenaan mereka, kenapa mereka tidak membuat itu dan ini seperti yang kita buat.

## MEROSOT PRESTASI

Yang kurang maju ini pun mungkin lebih maju daripada bangsa primitif yang hidup lebih baik sedikit daripada makhluk Allah yang tidak berakal fikiran. Jika kita kaji perbezaan kecapaian bangsa-bangsa ini tidak dapat tidak kita akan lihat kaitan budaya dengan prestasi bangsa.

Kita boleh berbangga dengan taraf kemajuan kita, setakat ini. **Malangnya apabila kita mula mudah puas hati dengan sedikit yang ada pada kita, itu adalah alamat kita akan merosot prestasi kemajuan kita.** Ini ialah kerana yang sudah maju tidak berdiam diri. Mereka terus maju dan akan meninggalkan kita yang tidak bergerak; semakin lama semakin jauh, sehingga

kita dianggap oleh mereka sebagai bangsa yang primitif.

Dan bukan itu saja, mereka akan menindas kita, akan memperhambakan kita. Mungkin kita terima saja dihina dan diperhambakan. Apa salahnya? Tetapi kita ingin mendakwa kita 'tuan'. Kita hendak orang menghormati kita. Kita hendak. Tetapi orang tidak akan memberi kepada kita hanya kerana kita hendak. Mereka hanya akan memberi kepada kita jika ada sesuatu kepada kita yang memaksa mereka menghormati kita, memaksa kita dipertuankan mereka.

### **TAHAN LASAK**

Kata pepatah Inggeris, "tidak perlu kita mencipta roda semula." Roda sudah diciptakan, tiru sajalah. Yang perlu ialah roda, hendaklah diperbaiki lagi supaya lebih laju. Perdu pokok yang bulat boleh dipotong untuk dibuat roda, tetapi roda ini berat, mudah pecah dan tidak laju. Jika lubang ditebuk di tengah kayu tipis yang bulat ini, ia menjadi lebih ringan, lebih laju tetapi mudah patah. Tetapi jika roda diikat dengan besi di sekeliling, roda akan menjadi lebih kuat dan tahan lasak. Dan jika roda dipasang pula dengan tayar getah tumpat, atau pasang tayar berangin, roda akan menjadi semakin efisien. Bagi budaya yang mengutamakan kemajuan sepanjang masa, kajian dibuat sepanjang masa untuk mencipta yang lebih baik.

Walaupun kita tidak perlu mencipta roda, tetapi kita harus tingkatkan kecanggihan roda yang kita guna. Demikian juga jika kita ingin maju, cara dan budaya untuk maju sudah ada. Tidak perlu kita mencipta cara budaya baru. Kita hanya perlu gugurkan yang dianggap kurang baik dan perbaiki lagi budaya tiruan yang lebih membawa kebaikan.

Kita orang Melayu beragama Islam. Lebih daripada Arab atau bangsa lain yang beragama Islam, nasionalisme atau kebangsaan Melayu dikaitkan secara langsung dengan agama Islam. Seseorang itu tidak Melayu melainkan ia beragama Islam. Demikian pegangan kita kepada agama Islam. **Jika**

**Arab Jahiliah selepas menerima Islam boleh menjadi begitu maju dan kuat sehingga berjaya mendirikan Empayar Islam, tidakkah mungkin orang Melayu yang begitu kuat berpegang kepada Islam juga mencapai kemajuan dan kejayaan seperti Arab Jahiliah yang memeluk agama Islam? Tidakkah mungkin budaya orang Melayu berubah supaya sesuai dengan kemajuan dan kejayaan yang pada satu masa dahulu terdapat di kalangan orang Islam?**

### **ORANG ISLAM**

Kita orang Melayu tidak berniat untuk mendirikan sebuah empayar. Cita-cita kita sederhana saja. Kita ingin menjadi sama maju dengan bangsa lain yang sudah maju. Dengan itu dapatlah kita menebus balik maruah bangsa kita, sedikit sebanyak maruah agama kita bahkan maruah orang Bumiputera di negara ini.

Selama lebih 50 tahun UMNO berjuang untuk menebus maruah orang Melayu. **Perjuangan UMNO tidak boleh dipisahkan daripada perjuangan orang Islam, kerana nyata sekali apabila UMNO berjaya, apabila Malaysia berjaya, dunia mengiktiraf bahawa Islam berjaya.** Walaupun ramai orang bukan Islam di Malaysia, ini tidak menidakkan bahawa Malaysia adalah negara yang dipimpin oleh orang Islam. Sebenarnya belum ada negara Islam yang dipimpin oleh orang Islam sudah dianggap berjaya. Inikah pula negara kita yang orang Islam adalah majoriti perlu memimpin orang bukan Islam tanpa menjejaskan keislaman negara dan menjayakannya. Namun tanpa menggunakan apa-apa kekerasan, UMNO sudah berjaya.

### **MENEBUS MARUAH**

Kita tidak melaungkan yang kita jaguh Islam. Tetapi nasionalisme Melayu dengan Islam tidak dapat dipisahkan. Apabila orang Melayu berjaya orang Islam berjaya, kerana orang Islam berjaya kerana orang Melayu semuanya Islam.

Tidaklah perlu kita memekik-mekik, menepuk dada dan menjerit 'kami adalah pejuang Islam'.

Tetapi kita tentu tahu kita belum cukup berjaya. Untuk betul-betul menebus maruah bangsa dan agama, kemajuan kita hendaklah sekurang-kurangnya sama dengan kemajuan bangsa yang dikatakan maju di dunia ini, bangsa yang disegani, bahkan ditakuti oleh semua, termasuk oleh umat Islam dan negara Islam. Jelaslah perjuangan kita belum lagi selesai dalam masa yang singkat kerana kita mengejar sasaran yang bergerak, sasaran yang tidak menunggu kita.

Daripada apa yang telah sebutkan mengenai peranan budaya, berkenaan kejayaan bangsa-bangsa yang maju, berkenaan dengan kesan Islam ke atas Arab Jahiliah dan perkembangan dalam sejarah Islam di masa yang gemilang dan di masa yang mundur, jelaslah bahawa kita boleh mencapai kemajuan jika kita sanggup dan berusaha menukar dan membentuk budaya yang sesuai dengan kejayaan. Keupayaan kita tidak kurang daripada keupayaan orang yang sekarang ini maju. Bukan warna kulit atau iklim atau bangsa yang menentukan kecapaian. **Sudah tentu bukan agama Islam yang menjadi penghalang kepada kemajuan. Yang menghalang kemajuan ialah budaya yang kita telah bentuk untuk kita, yang kita anggap sebagai secocok dengan Islam dan memberi identiti kepada kita orang Melayu, budaya inilah yang telah menghalang kemajuan kita ke tahap yang menjadi cita-cita kita.**

### **MENCAPAI MATLAMAT**

Bukanlah budaya ini semuanya tidak sesuai. Jika ia 100 peratus tidak sesuai sudah tentu kita tidak sampai ke tahap sekarang. Tetapi untuk mengimbangkan bangsa kita dengan bangsa yang maju di dunia dan supaya kita tidak lagi dihina dan ditindas oleh bangsa-bangsa lain, kita mesti secara sedar dan bijak membentuk budaya yang dapat menentukan kita akan mencapai matlamat untuk menjadi bangsa yang maju.

Dalam usaha ini, **UMNO perlu menjadi peneroka dan**

**pelopor. Jika UMNO tidak berani menunjukkan teladan yang baik, jika UMNO tidak sanggup menjadi contoh yang baik, percayalah bangsa kita akan menjadi mundur, ditinggal zaman, diketawakan orang dan dihina.** Kita bukan angkuh tetapi sebenarnya tidak ada parti lain atau pertubuhan lain yang boleh dan berpeluang membentuk budaya baru bagi orang Melayu supaya mereka dapat menghadapi cabaran dunia moden, terutama di zaman teknologi maklumat yang tidak mengenal sempadan antara negara-negara.

Banyak yang sudah diusahakan oleh UMNO sehingga kini. Budaya orang Melayu di zaman ini tidak sama dengan budaya orang Melayu ketika Malaysia dijajah, bahkan tidak sama dengan budaya Melayu ketika kita berjuang untuk kemerdekaan dan pada tahun awal kita merdeka. Sebahagian besar daripada budaya Melayu baru dibentuk secara sedar dan kerap juga secara tidak sedar oleh UMNO dan perubahan iklim sosial, politik dan ekonomi negara yang dibawa oleh pemerintahan kepemimpinan UMNO.

## **ARUS EKONOMI**

Umumnya perubahan budaya di kalangan Melayu baru menolong menjayakan mereka. Hari ini mereka tidak tercicir; tidak lagi terasing daripada arus ekonomi, mahupun politik dan sosial negara. Dalam bidang perniagaan dan perusahaan mereka memperlihatkan kebolehan yang tidak pun kita sangka ada pada mereka. Mereka berjaya menguasai ilmu dan kecekapan yang dahulu mereka sendiri percaya adalah milik orang lain. Mereka tidak lagi berasa rendah diri dan malu kerana kekayaan negara hampir seratus peratus adalah milik orang lain. Umumnya mereka sudah sedikit sebanyak berjaya menebus maruah bangsa mereka.

Tetapi mereka juga perlu mengakui bukan semua budaya baru ini baik. **Banyak unsur yang tidak baik dalam budaya Melayu baru. Jika dulu orang Melayu tidak terbabit dengan kegiatan buruk seperti penagihan dadah, hari ini majoriti penagih dadah daripada anak muda Melayu. Demikian**

**juga dengan Aids, dengan jenayah sosial seperti merogol, membuang anak, mendera anak dan isteri, memfitnah dan bermacam-macam lagi.** Kita khuatir dengan wujudnya gejala-gejala ini, usaha membentuk budaya baru di kalangan orang Melayu mungkin tidak berjaya atau akan berjaya separuh saja, tidak cukup untuk kita menjayakan mereka sepenuhnya dan menjadikan mereka bangsa yang maju.

### **DISOKONG RAKYAT**

Sebab itulah kita begitu serius dengan masalah rasuah di dalam pentadbiran dan dalam parti setelah masalah politik wang. **Rasuah akan menyebabkan orang yang tamak, yang tidak bermaruah dan tidak layak, dipilih menjadi pemimpin parti dan kerajaan. Orang seperti ini tetap akan menyalahgunakan kuasa untuk memperkayakan diri semasa memegang jawatan dan untuk menentukan ianya terus disokong.** Rakyat akan disogok dengan duit kerajaan yang sepatutnya diguna untuk pembangunan negara, untuk kesejahteraan rakyat dan kebahagiaan hidup kita semua.

Rasuah hanya akan menguntungkan orang tertentu sahaja, orang yang dapat menggunakan kuasa pemimpin untuk kepentingan diri. Tidak mungkin semua rakyat mendapat manfaat. Majoriti rakyat akan kecewa. Segala-galanya akan menjadi lebih mahal kerana elemen rasuah perlu dimasukkan. Jika tidak dibendung rasuah akan berkembang dan menjadi amalan biasa oleh mereka yang memegang apa juga jawatan. Budak pejabat pun boleh memaksa ianya disogok untuk pelanggan mendapat sesuatu. Dan mereka yang di atas tidak akan melarang budak pejabat menerima rasuah kerana mereka juga ingin bahagian mereka. Dan seterusnya hingga ke menteri dan Perdana Menteri. **Orang atas ini yang menerima sogokan yang diketahui oleh semua pegawai dan kakitangan tidak mungkin melarang dan mendisiplinkan sesiapa di bawah mereka.**

Segala kos urusan dengan kerajaan akan naik kerana sogokan kepada semua peringkat-pegawai, kakitangan dan

menteri. Kemudian bank pula akan terlibat dan kos modal dan segala pinjaman akan menjadi lebih daripada hanya kos faedah. Sogokan kepada pegawai-pegawai bank yang dikenal sebagai *football money* amat berleluasa tidak berapa lama dahulu. Apabila sesuatu barang berkurangan dan sukar didapati, sogokan diperlukan untuk mendapatkannya walaupun daripada peniaga. Demikian juga dengan semua khidmat penting, baik kerajaan atau swasta.

### **TIDAK EFISIEN**

Pendek kata apabila rasuah menjadi sebahagian daripada budaya bangsa, kos segala-galanya daripada urusan kerajaan kepada pengeluaran barangan atau khidmat dan harga jualan, akan naik. Segala kerja akan mengambil masa yang panjang. Tidak ada ketentuan dalam apa juga urusan baik daripada segi kos atau masa. *Efficiency* tidak mungkin tercapai dan semua pembangunan akan tergendala.

Dagangan dalam dan luar negeri akan menjadi sukar dan tidak kompetitif kerana kos tinggi dan khidmat tidak efisien. Akhirnya prestasi pembangunan negara akan merosot. Semua akan menjadi miskin walaupun memiliki pendapatan yang tinggi kerana segala-galanya mahal. Mereka yang terlibat dengan rasuah juga akan menerima akibatnya, kerana mereka akan hidup dalam negara yang mundur dan miskin dan mereka akan dipandang hina oleh rakyat dan bangsa-bangsa lain.

**Rasuah bukan hanya satu sahaja daripada amalan budaya yang boleh menghancurkan kita. Terdapat banyak lagi amalan dan nilai yang buruk yang boleh menghancurkan kita. Dan kita mestilah hapuskan nilai-nilai buruk ini.**

Tetapi kita tidak boleh pasif, hanya melindungi diri daripada yang negatif. Jika kita ingin maju kita perlu merancang dan melaksanakan strategi yang boleh memajukan kita.

Di sini kita perlu tentukan matlamat dan strategi kita. Apakah benar kita ingin menjadi bangsa yang maju atau apakah ianya tidak penting atau tidak perlu dikejar kerana kemajuan tidak memberi apa-apa kelebihan. Ramai juga yang

berkata kita sepatutnya puas hati dengan apa yang ada pada kita. Bahkan ada yang mendakwa keadaan kita sudah ditakdirkan dan kita bersyukur sahajalah. **Rezeki secupak tidak akan menjadi segantang. Kemiskinan di dunia akan dibalas dengan kekayaan di akhirat. Kehinaan di dunia akan dibalas dengan kemuliaan di akhirat.**

### MELAYAN NAFSU

Kita akan menyangkal dakwaan ini. Tetapi sikap kita yang tidak mahu berusaha bersungguh-sungguh, mudah puas hati, cepat membazir apabila kita berada sedikit, cepat beralih daripada mengejar kejayaan kepada mengejar keseronokan, kadang-kadang keseronokan yang ditegah, menunjukkan bahawa kita belum menerap nilai yang mulia yang mengutamakan maruah lebih daripada melayan nafsu. Kemewahan sedikit yang kita nikmati sudah pun meruntuh akhlak kita dan generasi muda kita. Mereka melepak, terlibat dengan bohsia, mengguna dadah dan sebagainya. Apakah kita yakin yang kemajuan yang telah kita capai kini boleh diteruskan oleh mereka yang mewarisi kita?

Jika kita betul-betul ingin maju kerana kemajuan di dunia sama penting dengan kebahagiaan di akhirat; jika kita ingin maju kerana kita menghargai maruah kita; **jika kita ingin maju kerana kita ingin dipertuankan secara sebenar, maka hendaklah kita menentukan bahawa kita berkeupayaan dan mempunyai kedudukan untuk menjadi 'tuan'.** Tidak ada gunanya kita mendakwa diri sebagai 'tuan' sedangkan kita dan bangsa kita mudah ditindas dan dihina.

Untuk menjadi 'tuan' kita perlu memiliki kelebihan-kelebihan tertentu. Kita perlu memiliki ilmu dan kecekapan tertentu. Kita tidak akan menguasai ilmu dan kecekapan jika kita tidak sanggup mengejanya melalui cara dan pendekatan yang betul.

Dari sejarah Islam kita tahu orang Islam dapat menguasai ilmu yang diterokai oleh ahli falsafah dan pendita Yunani. Oleh kerana orang Yunani tidak menulis dalam bahasa Arab, maka untuk mempelajari dan menguasai ilmu orang Yunani,



orang Arab tentulah mempelajari bahasa Yunani.

## **BAHASA SENDIRI**

Demikian juga dengan kita. Jika kita ingin menguasai ilmu dan kecekapan orang asing maka kita mesti bersedia mempelajari bahasa asing. Lebih tinggi penguasaan bahasa berkenaan, lebih mudahlah kita mempelajari ilmu yang diterokai dalam bahasa itu.

**Pendapat bahawa kita hanya menjadi nasionalis jika kita faham hanya bahasa kita sahaja adalah salah.** Sama ada kita sanggup mengakuinya atau tidak, hakikatnya ialah kebanyakan ilmu yang diperlukan untuk kemajuan tidak diterokai dan dibukukan oleh kita. Kita tidak pun terdaya untuk mengalih bahasa ilmu-ilmu yang penting kerana untuk membuat terjemahan kita perlu orang yang pakar dalam bahasa asing dan terpelajar dalam ilmu berkenaan. Kita tidak mempunyai orang ini. Jika ada pun, mereka sedang menjalankan tugas-tugas lain yang mana dalam keadaan kita sekarang, kita anggap tugas-tugas ini lebih penting.

Kita tidak boleh tunggu sehingga kita dapat mengadakan pakar-pakar ini dengan secukupnya. Ilmu dan kecanggihan teknologi tidak statik. Lebih daripada di masa-masa dahulu, ilmu dan teknologi baru dicipta dengan begitu cepat. Dalam zaman 'micro-chip' yang melipatganda kekuatannya setiap 18 bulan, teknologi akan berkembang dengan lebih pesat lagi. Tidak mungkin kita mengadakan pakar yang mencukupi untuk menguasai dan menterjemah kepada bahasa kita segala ilmu yang datang mencurah-curah hasil penyelidikan dan penerokaan orang lain. Jika kita tunggu, kita akan ketinggalan, kita akan menjadi mundur dan tidak faham tentang perkembangan ilmu dan teknologi yang sudah, sedang dan akan dicipta. Bangsa kita akan menjadi bangsa yang primitif, dipermainkan-mainkan, dihina dan ditindas orang. **Kita mungkin lebih nasionalis pada pendapat kita. Tetapi nasionalis yang menerima dirinya dihina bukanlah nasionalis.**

**Nasionalis yang sebenar ialah mereka yang berusaha supaya bangsa mereka maju dan mampu bersaing dengan**

jayanya dengan orang yang maju. Nasionalis yang sebenar ialah orang yang dihormati kerana ia daripada bangsa yang berjaya, yang boleh mengalahkan orang lain dalam apa bidang sekalipun. Nasionalis yang sebenar ialah orang yang dapat menentukan melalui kecemerlangan bangsanya dihormati dan disanjung tinggi.

## MENGUASAI ILMU

Penguasaan bahasa lain tidak akan menjadi kita kurang nasionalis atau kurang patriotik daripada nasionalis yang hanya menguasai bahasa sendiri. Jika kerana berjuang untuk menebus maruah bangsa, kita menguasai bahasa lain dan kita menguasai ilmu yang diterokai dalam bahasa itu, kita tidak akan menjadi kurang nasionalis dan kurang patriotik daripada nasionalis yang hanya boleh bertutur dalam bahasa sendiri dan tidak mempunyai ilmu yang boleh menyumbang kepada penebusan maruah bangsa. **Sebenarnya mereka yang menguasai bahasa lain dan ilmu-ilmu tertentu jauh lebih nasionalis daripada mereka yang hanya mampu memekik-mekik kebangsaan mereka.**

Dalam usaha kita menebus maruah bangsa, amatlah penting kita mengejar ilmu dalam apa juga bahasa. Jika kita perlu menyediakan masa yang cukup untuk maksud ini, maka hendaklah kita sanggup menyediakannya. Kerajinan, ketekunan dan kesabaran atau masa adalah perlu untuk menuntut sesuatu. Jika kita berbuat demikian, insya-Allah, kita akan berjaya, kita akan dapat membangunkan bangsa kita, kita akan menjadi 'tuan' yang sebenar, kalau itulah idaman kita.

Penguasaan ilmu perlu dibuat di masa kecil lagi. Kerajaan pimpinan UMNO sudah pun menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk mempelajari ilmu dan bahasa-bahasa ilmuan. Tetapi ramai ibu bapa mempunyai pandangan lain. Mereka tidak berminat melihat anak mereka belajar ilmu yang penting untuk memajukan bangsa dan negara. Sebaliknya mereka ingin supaya anak mereka kononnya menghayati semangat kebangsaan Melayu. Mereka

tidak memberi galakan kepada anak mereka untuk mengejar bahasa Inggeris umpamanya secara serius. Mereka juga tidak memberi perhatian kepada usaha dan prestasi anak mereka dalam sekolah. Demikianlah ramai pelajar dan penuntut sekolah daripada kaum kita yang berkeliaran di pusat-pusat membeli-belah semasa balik dari sekolah dan kadang-kadang di masa sekolah.

## NEGARA ISLAM

Malaysia dianggap oleh negara-negara Islam lain sebagai negara contoh. Ini bukan dakwaan kita. Dalam akhbar-akhbar di negara Islam, dalam ucapan-ucapan oleh pemimpin-pemimpin mereka dan dalam cakapan-cakapan mereka kepada kita dan kepada orang lain, **mereka bukan sahaja menyatakan Malaysia adalah contoh bagi negara Islam lain, tetapi mereka amat berbangga dan kagum dengan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang maju.** Dan mereka bertanya akan formula kejayaan sebuah negara Islam yang mempunyai ramai penduduk bukan Islam.

Sebabnya Malaysia dikagumi dan membanggakan mereka bukanlah kerana kita mempamerkan jenis Islam yang *extreme* atau rupa bentuk Islam, tetapi kerana kita mengamalkan kesederhanaan dalam Islam. Orang Islam Malaysia berjaya menangani masalah memerintah penduduk berbagai-bagai kaum dan agama. Mereka, orang Islam lain ini, percaya cara kita melaksanakan hukum-hukum Islam amatlah baik kerana jelas sekali bahawa ia membawa keamanan dan kemajuan kepada negara kita yang mereka akui dan anggap sebagai negara Islam seperti yang kita maktubkan secara rasmi.<sup>12</sup>

12. Sedutan dari ucapan Dr Mahathir Mohammad dalam Perhimpunan Agung UMNO yang ke-51, di Kuala Lumpur pada 5 September 1997.

# Kekuatan Negara

Dalam beberapa hari lagi genaplah 12 bulan negara kita berada dalam kegawatan ekonomi. Tahun lepas semasa kita mengadakan mesyuarat agung tahunan kesan tekanan kegawatan ekonomi belum dirasakan oleh kita. Sekarang ini pun ramai yang belum merasai bahang kegawatan ekonomi. Pekebun kelapa sawit umpamanya tidak merasai apa-apa sama sekali bahkan mereka gembira kerana harga kelapa sawit melambung naik.

Bagaimanapun ramai daripada penduduk di luar bandar telah mula merasai tekanan ekonomi kerana beberapa barang keperluan seperti gula telah naik harga.

Jika kita perhatikan kesibukan di bandar-bandar termasuk di Kuala Lumpur adalah sukar bagi kita dan bagi pelawat asing untuk mempercayai bahawa wujud kemerosotan ekonomi di negara kita. Kereta sesak di jalan-jalan seperti dahulu, gedung membeli-belah dibanjiri oleh pembeli, restoran dan hotel tidak kurang pelanggan dan kren-kren bergerak cergas mengangkut bahan binaan sehingga ke larut malam.

Jadi di manakah buktinya ekonomi gawat? Di manakah buktinya ekonomi merosot? Di manakah bukti kononnya orang asing menganiayai kita dengan menurunkan nilai mata wang dan harga saham? Mata wang dan saham adalah urusan orang kaya. Biarkanlah mereka rasa sedikit pedih pahitnya hidup dengan kejatuhan nilai mata wang dan saham mereka. Mereka terlalu mewah, memiliki kereta Mercedes, ada kapal terbang sendiri bahkan ada kapal laut sendiri. Biarkanlah mereka rasa sedikit penderitaan seperti yang dirasakan orang miskin, mudah-mudahan mereka akan insaf.

Bukankah 'Mat Salleh' sudah berkata, dan tokoh-tokoh parti lawan kita pula menyahut, mereka yang menghadapi masalah ekonomi adalah *crony* pemimpin-pemimpin kerajaan, *crony* menteri-menteri dan Perdana Menteri. Mereka menyamun duit negara, duit rakyat melalui pelbagai cara termasuk penswastan projek kerajaan. Nah, hari ini mereka sudah kehilangan duit bahkan diburu oleh bank kerana tidak dapat membayar hutang. Syarikat mereka mungkin bankrap. Mereka mungkin juga dipenjara. Ini amatlah adil. Inilah balasan kepada mereka dan kerajaan yang tidak telus, korup dan sebagainya. Kejatuhan mata wang adalah kerana mereka dan elok sekali mereka merasainya. 'Mat Salleh' tahu kerana mereka 'Mat Salleh' dan mereka lebih pandai daripada kita.

**Manusia biasanya amat gemar melihat yang tinggi jatuh merudum. Perasan iri hati dan benci memang kuat dalam hati manusia.** Tetapi manusia juga dikurniakan Tuhan dengan akal fikiran, tahu apa dianya keadilan, tahu menimbang di antara sesuatu dengan yang lain walaupun dengan perkara yang tidak boleh ditimbang atau diukur secara fizikal. Manusia tidak seperti haiwan yang tidak ada akal fikiran dan tidak tahu

memandang dan menimbang di antara sesuatu dengan yang lain. Haiwan hanya mempunyai nafsu. **Masyarakat manusia yang membenarkan diri mereka dikuasai oleh nafsu semata-mata tidak mungkin dapat mendirikan tamadun yang tinggi, tamadun yang mampu berjaya, yang boleh membawa kebahagiaan hidup kepadanya.**

Dalam masalah kegawatan ekonomi yang kita hadapi ini, kita, terutama UMNO, ahli-ahlinya, pemimpin-pemimpinnya di semua peringkat, tidak boleh membenarkan nafsu menguasai pemikiran kita. Sebaliknya pemikir-pemikir hendaklah menguasai atau sekurang-kurangnya membendung nafsu. Biarlah orang lain dikuasai perasaan iri hati, benci, dendam, dan sebagainya. Apa juga yang kita lakukan hendaklah diasaskan kepada pemikiran dan perhitungan sesuai dengan tamadun-tamadun yang tinggi, insya Allah.

Apakah benar kegawatan dan kemerosotan ekonomi disebabkan oleh kerajaan-kerajaan negara Asia Tenggara dan Asia Timur tidak cekap, tidak telus, korup, mengamalkan *crony-capitalism* dan sebagainya?

### **TIDAK CEKAP**

Jika benar, sejak bila? Apakah ia bermula pada bulan Julai 1997? Atau mungkin dalam beberapa bulan atau tahun sebelum 1997 keburukan pemerintahan negara-negara ini telah sama-sama menjadi begitu ketara? Mungkin. Tetapi sehingga bulan Julai 1997 negara-negara ini dipuji kerana kecekapan pemerintah mereka. Negara mereka digelar 'Harimau' dan 'Naga Asia' dengan ekonomi yang berkembang pesat, dengan industri yang bertaraf dunia, yang mampu mengeluarkan barangan yang canggih yang boleh bersaing dengan jayanya di pasaran dunia. Rakyat mereka mewah, mempunyai pekerjaan, tidak merusuh dan pecah kedai untuk mencuri barang.

Tiada siapa menafikan adanya korupsi, ketidaktelusan dan sebagainya dalam kerajaan-kerajaan di Asia Timur ini. Negara maju di Barat pun tidak bebas daripada gejala ini.

Tetapi negara yang terlalu buruk pemerintahannya tidak mungkin dapat dibangunkan dengan pesat.

Banyak negara membangun yang tidak dapat dimajukan sama sekali kerana pemerintahan yang korup, tidak telus, tidak cekap dan lain-lain. Kenapakah negara yang jelas mempunyai pemerintahan yang terang-terang korup dan tidak telus tidak mengalami kejatuhan nilai mata wang seteruk negara-negara Asia Timur? Kita hairan mengapa ada negara-negara membangun yang dahulu tidak dapat dibangunkan walaupun di tahap yang sederhana tetapi hari ini nilai mata wang mereka lebih tinggi daripada mata wang kita. Sebaliknya negara-negara Asia Tenggara yang sekarang dikatakan mempunyai pemerintahan yang buruk pernah tumbuh dengan pesat dan tinggi dahulu, sehingga digelar 'harimau' ekonomi.

**Sebenarnya ketidaktelusan dan korupsi serta *crony-capitalism* yang dikatakan terdapat di negara-negara Asia Tenggara ini hanyalah alasan untuk menyerang kewangan dan ekonomi negara-negara ini. Kita tidak menafikan sedikit sebanyak ada kebenaran dalam perkara-perkara yang dituduh itu, tetapi penyerang juga tidak boleh menafikan bahawa serangan ke atas mata wang memberi keuntungan yang amat besar kepada mereka.** Dalam jangka masa yang pendek sahaja, hanya beberapa jam, keuntungan berjuta-juta dolar boleh didapati melalui dagangan mata wang.

Sebaliknya perniagaan biasa memerlukan pelaburan yang besar, kerja-kerja yang rumit dan memakan masa yang panjang, berisiko tinggi sebelum keuntungan yang agak kecil diperoleh. Bagi mereka yang mengurus dana atau bank, dagangan mata wang lebih menarik daripada memberi hutang untuk mendapat faedah. Sekarang ini bank-bank besar di dunia semakin banyak memberi tumpuan mereka kepada dagangan mata wang yang begitu menguntungkan, walaupun dagangan mereka merosakkan kehidupan orang lain.

Hari ini mereka perlu alasan untuk menjatuhkan nilai mata wang. Esok alasan tidak akan diperlukan lagi. Asalkan keuntungan yang besar boleh diperoleh apa sahaja akan dibuat oleh mereka.

Mereka sekarang membuat persediaan dengan membesarkan bank dari syarikat besar mereka melalui cantuman, belian dan sebagainya. Baru-baru ini cantuman dua buah bank gergasi menjadikan dana mereka berjumlah AS\$653 bilion. Bandingkan ini dengan rizab negara seperti Malaysia yang hanya berjumlah lebih kurang AS\$20 bilion. Jika bank gergasi seperti ini menjual ringgit umpamanya, kita akan kehilangan semua simpanan dolar kita jika kita cuba mempertahankan ringgit. Kerana mereka tahu kita tidak dapat mempertahankan ringgit, maka mereka bermaharajalela. **Mereka antara kita yang sering bercakap berkenaan hak asasi manusia perlu ingat bahawa bagi yang tamak, ketamakan mereka adalah sebahagian daripada hak asasi mereka.**

Jumlah dana yang dimiliki oleh bank-bank besar di negara maju adalah sebanyak AS\$28 trilion iaitu 28 ribu bilion atau 28 ribu-ribu juta. Sementara itu *hedge fund* pula memiliki AS\$180 bilion. Dengan AS\$180 bilion ini mereka dibenarkan oleh bank menggunakan 20 kali ganda nilai dana tersebut untuk dagangan mata wang, iaitu sebanyak AS\$3.6 trilion.

## MENCETUSKAN KEGELISAHAN

Penguasaan tanah jajahan melalui kekuatan ketenteraan tidak lagi dapat diterima oleh masyarakat dunia. Tetapi penjajahan fizikal seperti ini tidak perlu lagi. Penguasaan melalui dagangan mata wang tidak kurang kesannya. Negara yang berada pun boleh dijajah dengan menjadikannya negara miskin dan pengemis dalam jangka masa yang amat singkat tanpa seorang pun askar penjajah terbunuh atau tercedera. Apabila negara menjadi miskin maka politiknya akan menjadi tidak stabil dan rebutan kuasa akan berlaku. Dengan itu pemimpin akan ditukar sehingga terdapat yang sanggup mengikut kehendak kuasa dunia. Dengan perkataan lain penjajahan sudah berlaku.

Walaupun kita belum dikuasai sepenuhnya oleh kuasa asing tetapi sedikit sebanyak mereka sudah menguasai ekonomi kita. Dengan menjatuhkan nilai ringgit dan harga saham, syarikat-syarikat milik kita sudah menjadi tenat dan



tidak dapat mengaut keuntungan lagi. Apabila syarikat-syarikat kita tidak untung dan terus rugi maka cukai kerajaan akan berkurangan. **Dengan itu kerajaan mungkin tidak dapat membiayai perbelanjaan pentabdir. Ini pun boleh mencetuskan kegelisahan dan desakan supaya dijatuhkan kerajaan. Jarum yang mereka guna amat halus dan kita mungkin tidak sedar bahawa kita sudah diperalatkan oleh mereka.**

Kita telah lihat keadaan ini berlaku di beberapa negara lain yang diserang dengan lebih teruk. Mungkin ada yang percaya bahawa dengan menukar pemerintahan maka masalah ekonomi akan dapat diselesaikan. **Tetapi percayalah serangan tidak akan dihentikan sehingga kuasa terserah secara bulat-bulat kepada orang asing, iaitu sehingga negara dijajah sepenuhnya semula.** Yang penting bagi mereka bukan pemerintahan yang lebih telus atau demokratik dan lain-lain. **Yang diutamakan mereka ialah pemerintahan yang lebih sanggup menerima arahan daripada kuasa tertentu.**

Apakah boleh kita yakin apa yang berlaku kepada negara lain tidak mungkin berlaku kepada kita? Apabila Mexico diserang kita sedikit pun tidak gentar. *Fundamentals* atau asas-asas ekonomi kita kukuh. Tentu ada sesuatu yang tidak baik yang dilakukan oleh kerajaan Mexico yang menjadikan mereka lemah dan diserang oleh pedagang mata wang.

Negara-negara lain mengkaji sebab-sebab Mexico menghadapi masalah. Mereka mengambil tindakan untuk menyelamatkan diri mereka. Slovenia dan Chile tidak membenarkan pelaburan dalam pasaran saham mereka tanpa wang pertaruhan serta jaminan tidak akan menarik keluar pelaburan mereka sehinggalah genap satu masa tertentu. Tindakan mereka adalah radikal, tidak mengikut amalan dan peraturan biasa yang telah dicipta di negara maju untuk kepentingan mereka. Kita tidak akan bertindak begitu kerana kita berpegang kuat kepada apa yang dikatakan amalan biasa oleh dunia maju. Lagipun kita suka dipuji oleh orang tertentu.

Demikianlah kuatnya *orthodoxy* kita dan keyakinan kepada *fundamentals* kita sehingga kita sengaja membuka pasaran saham kita dengan luas. Ramailah rombongan yang

pergi ke Amerika Syarikat untuk membuat *road shows* untuk menarik dana asing melabur dalam industri terkemuka kita. Saham kita naik harga dengan tinggi kerana dikejar oleh pelabur asing. Walaupun kerajaan berkali-kali memberi amaran bahawa harga saham yang terlalu tinggi sehingga tidak ada kaitan dengan aset atau prestasi syarikat adalah tidak sihat, berbahaya, tetapi ramai pengurus yang cuma melihat keuntungan besar daripada kenaikan harga saham.

Dengan harga saham yang tinggi, pinjaman yang besar boleh dibuat sementara tukaran saham antara syarikat boleh mewujudkan syarikat gergasi. Bahawa syarikat tidak begitu untung tidak mengapa asalkan saham boleh dijual atau dicagar dengan harga yang tinggi. Perniagaan asal tidak penting lagi. Yang penting ialah harga saham dan perniagaan saham. Pengeluaran sahaja bukan lagi untuk mengumpul modal tetapi menjadi barang untuk dijual-beli. Kaedahnya samalah dengan menjual-beli mata wang.

### **DIBELI BALIK**

Dalam pada itu jualan singkat atau *short selling* dibenarkan atau digalakkan. Saham untuk dijual tidak perlu dibeli lagi. Memadai jika dipinjam, dijual dengan harga yang tinggi, dibeli balik dengan harga yang rendah dan dikembalikan semula kepada pihak yang memberi pinjaman. Dengan kemudahan ini maka ramai yang menumpu kepada pasaran saham dan hilang minat dengan perniagaan barangan dan khidmat.

Cara-cara ini semuanya dicipta di Barat dan kita mengikutnya kerana ramai yang ingin mengejar apa yang dikatakan kecanggihan Barat. Segala amaran supaya mengaitkan nilai saham dengan prestasi syarikat tidak diendahkan. Akhirnya apabila pelabur asing menjual saham bertalu-talu harga saham jatuh merudum. Mereka mengambil untung daripada penjualan kerana mereka telah membeli dengan harga yang rendah. Melalui *short selling* mereka mendapat lebih banyak keuntungan.

Apabila harga saham kita jatuh maka hutang kita akan

melebihi nilai saham yang dicagar. Bank mendesak supaya peminjam menambah cagaran. Tetapi syarikat dan pemilik saham tidak berupaya. Maka bank menjualkan saham yang dicagar dan dengan itu menurunkan lagi saham. Bank tidak lagi memberi pinjaman kerana hutang sudah menjadi lapuk. Perniagaan syarikat merosot, keuntungan berkurangan dan akhirnya terus rugi. Sudah tentu cukai kerajaan berkurangan dan kita sukar membiayai kos pentadbiran.

Yang harus kita ambil perhatian ialah apabila peniaga dan pengusaha yang besar menghadapi masalah, kita yang kecil juga akan mengalami masalah, bahkan seluruh negara akan menghadapi masalah. Daripada keuntungan perusahaan yang besarlah kita memperoleh cukai untuk perbelanjaan negara. Justeru itu, janganlah kita terlalu terikut-ikut dengan kegembiraan pembangkang apabila syarikat besar kita menghadapi masalah. Masalah mereka adalah masalah kita juga. Percubaan untuk menimbulkan perasaan benci dan iri hati kepada yang bermasalah adalah tidak wajar.

Kita harus faham semua ini. Kita harus faham kerana sama ada kita berjaya atau tidak dalam usaha mengatasi masalah ekonomi dan kegawatan kita bergantung kepada sejauh mana kita semua memahami masalah yang hadapi. Tidak memahami apa yang menyerang kita adalah sama dengan keadaan kita buta dan tidak tahu dari mana datangnya serangan. Orang yang tidak tahu apa yang menyerangnya akan bermusuhan dengan orang lain, orang yang tidak bersalah. Maka ketawa besarlah penyerang.

**Di negara di mana mereka sudah dapat menekan sehingga menjadi begitu teruk, kuasa mereka tidak terhad kepada ekonomi dan kewangan sahaja. Mereka berminat menguasai politiknya dan menentukan siapa yang akan memimpin negara.** Pada mulanya cara yang digunakan ialah dengan menekan teruk ekonomi dan kewangan negara. Bank, syarikat, perniagaan borong dan runcit, pengangkutan dan sebagainya semuanya ditekan sehingga bankrap atau tidak boleh berjalan dengan baik. Pekerja kehilangan pekerjaan dan pendapatan. Oleh kerana negara-negara di Asia Timur tidak

mempunyai *unemployment benefits* iaitu bayaran kepada pekerja yang mengganggur seperti di Barat maka tidak ada pekerjaan bermakna tidak ada duit untuk membeli makanan atau ubat atau susu untuk anak.

## PENGARUH

Melalui media dunia yang mereka kuasai, bersama dengan pengaruh ke atas media tempatan yang tidak ingin dituduh tidak bebas atau takut kepada kerajaan, pemerintah disalahkan kerana kemerosotan ekonomi dan kejatuhan nilai mata wang. Dengan itu gerakan anti-kerajaan dicetuskan dan demonstrasi serta rusuhan berlaku. Pendekatan ini akan memberi kuasa politik kepada mereka sehingga kepimpinan sesebuah negara dapat ditentukan oleh mereka. Sudah tentu mereka akan memilih pemimpin yang mereka percayai boleh mereka manipulasi. Jika tidak, pemimpin akan ditukar lagi. Pada masa itu kemerdekaan tidak bermakna lagi.

Percubaan menukar pemimpin juga telah dibuat di Malaysia apabila pemimpin didakwa anti-Yahudi.

Kemudian mereka mendakwa bahawa kepimpinan yang ada sekarang menjadi penghalang kepada pemulihan ekonomi, pemimpin yang ada sekarang tidak tahu selok-belok sistem kewangan dunia moden. Tujuan mereka ialah supaya politik negara menjadi keruh kerana dakwaan mereka akan menyebabkan perselisihan faham berlaku antara pemimpin. Penyokong-penokong pemimpin pun akan berusaha, yang satunya untuk mempertahankan pemimpin yang sedia ada dan menyingkir pencabarnya, sementara penyokong pencabar pula akan mendesak supaya dianya mencabar pemimpin yang sedia ada. Dengan itu kempen memburukkan masing-masing akan dilakukan sehingga suasana menjadi lebih keruh dan politik menjadi tegang. Dalam suasana ini masalah kegawatan ekonomi dan kewangan tidak dapat ditangani, keadaan ekonomi menjadi lebih buruk. Akhirnya kegawatan menjadi lebih dahsyat, pemimpin tidak dapat bekerjasama dan salah satunya akan jatuh. **Walau siapa pun yang berjaya,**

**serangan ke atas negara akan diteruskan sehingga pemimpin yang dipilih tunduk kepada kuasa asing — iaitu rela negara dijajah semula.**

Apabila ini berlaku ekonomi akan dibuka untuk dana dan syarikat-syarikat asing masuk dan mengambil alih syarikat-syarikat besar tempatan. Waktu itu mereka akan pulih semula ekonomi dan nilai mata wang. Ini mudah dilakukan kerana mereka akan mendakwa keyakinan atau *confidence* mereka sudah kembali dan oleh itu nilai ringgit boleh dinaikkan. Dengan dolar Amerika yang ada dengan banyaknya pada mereka, mereka akan beli ringgit berkali-kali. Mengikut sistem dagangan yang mereka gubal, setiap kali mana-mana mata wang dibeli dengan dolar Amerika, nilai mata wang itu akan naik. Dengan itu bukan sahaja ekonomi akan pulih tetapi ringgit yang mereka beli dengan harga murah dahulu akan naik harganya dan memberi keuntungan besar bagi mereka.

### **SYARIKAT TEMPATAN**

Demikian jika mereka membeli ringgit pada harga RM4 pada satu dolar Amerika dan mereka pulihkannya sehingga RM2.50 satu dolar Amerika maka mereka akan untung sebanyak RM1.50 bagi setiap satu dolar yang mereka gunakan untuk membeli ringgit. Dalam mata wang dolar Amerika, apabila satu dolar bernilai RM2.50, keuntungan RM1.50 samalah lebih kurang dengan 60 sen duit Amerika, iaitu keuntungan 60 peratus bagi setiap satu dolar Amerika yang mereka gunakan dahulu untuk membeli ringgit.

Yang jelas ialah mereka boleh mendapat keuntungan sama ada mereka terus menekan ringgit dengan menjualnya atau dengan menaikkan nilai ringgit dengan membelinya. Setelah mereka membeli syarikat-syarikat kita dengan harga yang murah kerana saham berkali-kali, mereka dapat pula menaikkan nilai saham kita dengan membeli berkali-kali. Jika nilai saham mencapai harga asal yang tinggi, mereka sekali lagi akan memperoleh keuntungan modal daripadanya. Me-

lalui cara ini mereka mendapat keuntungan dua kali, sekali dengan kenaikan nilai ringgit, sekali dengan kenaikan nilai saham.

Sebab itu akhbar-akhbar mereka melapor tentang ramainya pelabur mereka yang berminat untuk membeli syarikat-syarikat di negara-negara yang menghadapi kegawatan ekonomi. Mereka berkata ada *fire-sale* di Asia Timur, iaitu jual murah barangan kedai terbakar. Menurut mereka syarikat-syarikat dan bank-bank di Asia sudah seperti ikan mati yang timbul dengan perut ke atas atau *belly-up*. Mereka hanya perlu pilih dan kutip. Yang lainnya boleh dibiarkan mati. Demikianlah sikap mereka yang kononnya bertanggungjawab memelihara hak asasi manusia di seluruh dunia. Lebih buruk lagi setelah pihak asing ini merosakkan ekonomi kita mereka mendakwa bahawa pembelian syarikat kita oleh mereka adalah bertujuan menyelamatkan kita dan memulihkan ekonomi kita. Perbuatan mereka tidak banyak berbeza dengan penyamun menyamun duit kita dan kemudian memberi balik separuh daripadanya sambil mendakwa mereka menolong kita.

Sedikit sebanyak Malaysia masih dapat mempertahankan diri. Kita masih mensyaratkan bahawa orang asing hanya boleh memiliki peratusan yang terhad dalam syarikat dan bank Malaysia, iaitu 30 peratus. Dalam bidang insurans kita terpaksa membenarkan pelabur asing memiliki hingga 51 peratus kerana tekanan ke atas kita dalam rundingan World Trade Organisation (WTO). Mereka masih tidak puas hati kerana mereka hendak 100 peratus. Apa perlunya kita memiliki syarikat, kata mereka. Memadailah jika kita bekerja dalam syarikat milik asing. Mereka akan membayar gaji yang lebih kerana mereka lebih besar dan lebih berkemampuan. Ini kata mereka. Tetapi setelah mencapai tujuan mereka apakah mereka akan tunai janji mereka?

Di rundingan WTO kita masih mempunyai suara untuk mempertahankan diri kita walaupun kita sudah tinggal keseorangan. Tetapi jika kita terpaksa meminta pertolongan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) kerana ekonomi kita terlalu merosot maka syarat yang akan dikenakan oleh IMF

ialah kita hendaklah membuka ekonomi kita seratus peratus kepada orang asing. Dengan itu orang asing bukan sahaja boleh memiliki 100 peratus syarikat dan bank kita tetapi mereka boleh masuk berniaga dalam negara kita tanpa perlu apa-apa penyertaan daripada kita.

Mungkin jawatan rendah akan diberi kepada kita tetapi kerana kita dikatakan oleh mereka tidak pandai dan tidak cekap maka jawatan tinggi akan dipegang oleh mereka selamalamanya. Sudah tentu tidak akan ada kuota Bumiputera kerana Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah suatu ketidakadilan, kononnya tidak boleh diterima oleh demokrasi liberal mereka. Sudah tentu mereka tidak akan ada syarikat gergasi milik Bumiputera. Dan kita akan gembira kerana tidak akan ada lagi *billionaire* dan *millionaire* Bumiputera dengan kereta Mercedes mereka, dengan pesawat jet mereka dan kapal mewah mereka. Semua yang dituduh *crony* pemimpin politik akan hapus. Yang tinggal hanyalah pekerja biasa dengan gaji yang setimpal dengan kebolehan mereka yang terhad. Orang asing yang akan bergaji besar.

Merekalah yang menjadi *millionaire* dan *billionaire* yang memiliki Mercedes, kapal terbang dan kapal laut. Tentulah mereka akan mendakwa bahawa mereka terdiri daripada orang yang betul-betul layak dan bukan *crony* pemimpin politik kita. Keadaan ini tentulah lebih adil. Pengkritik yang terdiri daripada orang asing dan orang kita juga akan gembira dan puas hati kerana amalan-amalan yang tidak diinginkan sudah dapat dihapuskan. **Yang sedihnya ialah kita semua akan menjadi hamba orang asing yang bermaharajalela di negara kita.**

Senario ini bukan suatu ciptaan saya untuk menakutkan rakyat Malaysia, khususnya Bumiputera. Senario ini memang dikehendaki oleh pengkritik kita, pengkritik DEB, pengkritik pemerintah Malaysia yang ada sekarang. Jika kita cuba bayangkan keadaan di Malaysia, tanpa DEB, inilah senario yang akan kita dapati.

Mungkin ada mereka yang berkata bahawa mereka bersetuju dengan DEB tetapi DEB disalahgunakan untuk memperkayakan beberapa *crony* pemimpin UMNO khu-

susnya. Tetapi jika orang lain daripada yang kita kenal sekarang dapat menjadi *billionaire* melalui DEB, apakah mereka tidak akan dicap sebagai *crony* pemimpin juga? **Sebenarnya kebanyakan mereka yang menjadi kaya raya kerana DEB tidak pun dikenali oleh pemimpin-pemimpin parti dan kerajaan dahulu.** Yang pemimpin-pemimpin kerajaan Barisan Nasional kenal ialah ahli-ahli politik yang menyokong mereka — ketua-ketua bahagian, cawangan, ahli exco dan lain-lain. Pemimpin kerajaan pusat lebih kenal mereka ini. Mereka benar-benar *crony*. Jika ada *crony* yang hendak diperkayakan maka mereka inilah yang patut diperkayakan dijadikan *millionaire* dan *billionaire*. Sudah tentu bila *crony* politik menjadi *crony* perniagaan maka sokongan politik kepada pemimpin kerajaan. Tetapi hakikatnya ialah hampir semua yang menjadi kaya-raya kerana dibantu oleh kerajaan ialah orang yang memang pun peniaga yang berjaya sebelum mereka mendapat apa-apa pertolongan. Mereka ditolong, diberi peluang kerana mereka telah membuktikan kebolehan mereka dalam bidang perniagaan. Kemungkinannya ialah jika mereka diberi peluang lagi mereka akan berjaya.

Jika orang-orang yang tidak pernah berniaga, tidak pernah berjaya tiba-tiba diberi peluang maka mereka akan mensia-siakan peluang berkenaan, mungkin rugi, mungkin juga mereka menjual peluang mereka. Kerana pengalaman inilah maka kerajaan tidak berminat memberi peluang kepada mereka yang tidak berpengalaman dan tidak pernah berjaya walaupun mereka terdiri daripada *crony* politik yang tetap akan membalas budi dengan menyokong pemimpin.

## TERUS MATI

**Malangnya siapa juga yang diberi peluang dan sokongan akan dicap sebagai *crony*. Sebelum dia berjaya tidak ada tuduhan bahawa dia *crony*. Tetapi jika ia berjaya sehingga menjadi kaya raya maka ia akan dituduh menjadi *crony* walaupun ia tidak mendapat apa-apa pertolongan daripada kerajaan dan tidak rapat dengan mana-mana pemimpin. Dengan dituduh ia**



*crony* maka kerajaan tidak lagi boleh menolongnya terutama semasa kegawatan ini. **Sebarang pertolongan akan dicap bailout. Kononnya kerajaan yang telus dan lurus hendaklah membiar syarikat yang bermasalah, terutama syarikat Bumiputera terus mati.** Ternampak seolah-olah pihak tertentu ingin melihat Bumiputera terutamanya tidak berjaya sehingga bila-bila. Mereka melihat kegawatan ekonomi yang mereka cetuskan sebagai peluang untuk membunuh semua syarikat Bumiputera. Bagi mereka mengekalkan kemiskinan Bumiputera amatlah adil.

Apabila tuduhan ini dibuat oleh pihak asing maka orang tempatan dan Bumiputera juga akan menyambut tuduhan itu. Yang anehnya yang menyambut tuduhan itu ialah Bumiputera yang juga telah mendapat faedah daripada DEB. Mereka ini mendapat pelajaran, jawatan tinggi dan mendapat saham kerana mereka bumiputera kemungkinan ialah mereka tidak akan mendapat biasiswa atau jawatan tinggi dalam kerajaan atau saham.

**Tanyalah kepada diri sendiri sebelum menuduh orang itu dan orang ini *crony* pemimpin, apakah tanpa DEB dan diskriminasi yang mengutamakan Bumiputera, kita akan sampai ke tempat yang kita berada sekarang?**

Ada orang yang mendapat biasiswa daripada Malaysia, dengan sombongnya mengancam sistem diskriminasi positif DEB. Tanyalah diri sendiri kenapa kamu mendapat biasiswa? Apakah supaya kamu akan mendapat pendapatan besar dengan bekerja di negara asing atau apakah biasiswa itu diberi kepada kamu supaya kamu dapat menyumbangkan bakti kepada rakyat negara ini terutama rakyat yang miskin? Memang mudah bercakap berkenaan '*merit*' setelah kamu mendapat faedah daripada sistem tanpa '*merit*'. **Janganlah kerana kita percaya kita boleh bersaing secara terbuka dengan jayanya maka kita syor ditutup peluang mereka yang tidak mampu bersaing kerana mereka bukan daripada keluarga yang mewah dan berkemampuan.**

Sebenarnya tuduhan kononnya pemimpin kerajaan Malaysia mengamalkan *cronyism* dalam memperkayakan

Bumiputera tertentu disebabkan benci melihat sesuatu yang diusahakan oleh kerajaan Malaysia ini berjaya. **Di negara manakah yang *social engineering* untuk mencapai keadilan dalam masyarakat telah berjaya? Sistem sosialis atau sistem komunis tidak berjaya dan sistem kapitalis lebih buruk lagi. Hanya di Malaysia sahaja yang penyusunan semula masyarakat berjaya tanpa rusuhan, tanpa merampas hak dan harta sesiapa.**

UMNO sekarang terbuka kepada orang bukan Islam tetapi pegangan UMNO kepada Islam dan ajarannya tidak luntur. Dalam menghadapi kegawatan ekonomi sekarang Islam menjadi panduan bagi kita. Islam adalah Addin — cara hidup. Cara hidup tidak bermakna hanya *ritual* tertentu yang wajib kita buat tetapi juga kegiatan dan tindakan yang kita ambil untuk kesejahteraan hidup kita.

## DILINDUNGI

Satu daripada ajaran yang jelas dalam Islam ialah berhijrah. Berhijrah bermakna berpindah. Kenapakah Rasulullah berpindah dari Mekah ke Madinah? Sebabnya ialah kerana tekanan dan halangan yang dihadapi oleh baginda di Mekah. Puak Jahiliah di Mekah menentang ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Mereka membuat percubaan untuk membunuh Nabi. Nabi boleh menyerah kepada takdir. Bukankah nabi dilindungi Tuhan? Apa perlunya nabi bertindak untuk menyelamatkan dirinya? Tetapi kita tahu bahawa al-Quran menyuruh kita berusaha sendiri untuk menolong diri kita sebelum Allah s.w.t. menolong kita. Sebab itu nabi berpindah, iaitu berusaha menyelamatkan dirinya dan tidak hanya menyerah kepada takdir Tuhan sahaja. Ini tidak bermakna melawan takdir kerana apa yang berlaku setelah usaha dibuat juga ditentukan oleh takdir.

Berpindah bukan semata-mata melibatkan bergerak dari satu tempat ke satu tempat secara fizikal. Apabila nabi berpindah dari Mekah ke Madinah, baginda juga berpindah secara mental. Sudah tentu pemikiran dan pendekatan nabi di

Mekah tidak boleh sama dengan di Madinah. Perpindahan fikiran dan pendekatan nabi adalah untuk menjayakan perkembangan agama Islam di Madinah, di mana terdapat bukan sahaja orang yang bersimpati dengan nabi dan berminat untuk memeluk agama Islam tetapi juga orang yang masih ragu-ragu dengan ajaran Islam serta orang Yahudi.

Kita melihat kebijaksanaan nabi dalam membentuk perlembagaan Madinah yang mengambil kira kepentingan semua pihak. Tumpuan diberi kepada persaudaraan antara pendatang dari Mekah, Muhajirin dengan penduduk Madinah, Ansar. Mereka ini dahulu bermusuh tetapi nabi berjaya merapat dan menyatukan mereka supaya wujud hanya satu ummah, satu masyarakat Islam. Dan kita tahu bagaimana Madinah menjadi pangkalan untuk perkembangan Islam dan mempertahankan ummah. Akhirnya Mekah tertawan dan seluruh penduduk Semenanjung Arab memeluk agama Islam.

**UMNO sebenarnya adalah alat yang mengambil perjuangan nabi sebagai contoh, sebagai cara untuk mengubah nasib orang Melayu Islam dan Bumiputera lain di Malaysia.**

Daripada bangsa yang hanya tahu bercucuk tanam dan kerja-kerja tangan yang mudah, UMNO telah membawa orang Melayu dan Bumiputera lain berpindah kepada dunia ilmu dan industri. Daripada bangsa yang kurang disiplin dan tidak yakin akan kebolehan sendiri ditukar sedikit demi sedikit menjadi bangsa yang lebih disiplin dan lebih percaya kepada kebolehan diri sendiri. Dengan itu mereka lebih berjaya, lebih mampu bersaing, lebih sanggup menghadapi cabaran hidup dan mati.

### **CUBA MUSNAHKAN**

Sepatutnyalah proses kemajuan orang Melayu yang berhijrah daripada petani kepada pengusaha dan peniaga yang terpelajar berjalan terus. Tetapi nampaknya ada pihak yang tidak mahu mengizinkannya. Sama ada dirancang atau tidak, tekanan

ekonomi ke atas Malaysia secara langsung melibatkan tekanan ke atas orang Melayu dan Bumiputera lain. Kita disorong balik ke arah menjadi bangsa yang mundur, lemah, bangsa yang dijajah semula, yang mempertuankan orang lain.

**Segala yang telah kita bina, segala kemajuan yang telah kita capai, ramai tokoh perniagaan yang kita wujud; semua ini mereka cuba musnahkan. Hasrat mereka ialah sekali lagi bangsa Melayu dan Bumiputera Malaysia diperhambakan.**

Ada antara kita yang tidak percaya bahawa apa yang sedang berlaku sekarang boleh membawa kita balik ke zaman penjajahan. Ada yang berkata apa yang berlaku sekarang adalah sementara sahaja dan akan pulih dengan sendirinya. Ada yang berkata ini hanyalah tabii pasaran dan kuasa pasaran atau *market forces*. *Market forces* kononnya berhasrat untuk membentuk kerajaan-kerajaan yang lebih telus, selamat daripada korupsi dan *nepotisme* dan bebas daripada segala jenayah pemerintahan. Justeru itu, jika kita ikut saranan mereka dengan segera, jika kita amalkan *good governance* maka *market forces* akan menghadihkan kita dengan memulihkan ekonomi kita sehingga menjadi lebih maju dan lebih kuat dari dahulu.

**Ini adalah cerita dongeng. *Market forces* bukan kuasa untuk kebaikan, untuk memperbaiki kerajaan atau memperbaiki amalan dan urusan kewangan negara-negara yang menjadi sasaran. *Market forces* didorong semata-mata oleh keuntungan yang terbesar bagi mereka. Jika kebaikan berlaku tidak mengapa. Tetapi kebaikan, jika ia berlaku ialah perkara sampingan. Yang utama ialah keuntungan besar bagi *market forces*. Lebih tetap dan lebih besar keuntungan lebih baik bagi kuasa pasaran.**

Jika kerana mereka mengejar keuntungan yang terbesar maka mangsa mereka menemui kehancuran, ini tidak dapat dielakkan. Demikian apabila *market forces* melalui perniagaan mata wang menyebabkan nilai mata wang jatuh dengan teruk sehingga negara dan rakyat menderita, sehingga pekerja kehilangan pekerjaan, sehingga berlaku kebuluran, sehingga merebaknya penyakit kerana tidak mampu membeli ubat,

sehingga lari dari negara sendiri, sehingga berlaku rusuhan, pertumpahan darah, kematian, kejatuhan kerajaan — semua ini tidak mengapa jika keuntungan yang besar diperoleh oleh *market forces* ini.

Mengharapkan *market forces* mewujudkan kestabilan tukaran wang, kestabilan ekonomi dan kestabilan politik adalah sama dengan menunggu takdir dan tidak membuat apa-apa satu pun untuk menyelamatkan diri sendiri.

Keuntungan *market forces* datang daripada huru-hara atau kegawatan kewangan dan ekonomi. Apakah sebabnya yang *market forces* harus menstabilkan keadaan supaya keuntungan tidak lagi boleh didapat oleh mereka? Justeru itu, adalah tidak logik kononnya untuk memulihkan ekonomi dan kewangan, kita harus membuat apa yang disuruh oleh *market forces*, nabi tidak mengikut kehendak kaum Jahiliah di Mekah untuk menyelamatkan agama Islam.

Hakikatnya ialah dalam menangani kegawatan ekonomi yang dihadapi oleh negara sekarang, kita tidak boleh mengharap kepada keyakinan atau *confidence* oleh *market forces*. **Ya, kita ingin bersihkan amalan-amalan kita, tetapi bukan kerana *market forces* memaksa kita. Kita ingin berbuat demikian kerana membersihkan kita daripada amalan yang tidak baik memanglah baik.**

Hari ini oleh kerana *market forces* telah musnahkan separuh daripada kekayaan kita, maka hendaklah kita sanggup hidup dengan separuh sahaja daripada pendapatan kita. Apakah boleh kita berbuat demikian? Sudah tentu boleh, kerana dahulu, 20 tahun dahulu sahaja, pendapatan kita memang separuh daripada pendapat kita sebelum kegawatan 1997. Pada masa itu kita tidak berbelanja seperti kita berbelanja sekarang. Jika dahulu kita boleh, sekarang pun kita boleh, jika kita berdisiplin dan mengurus perbelanjaan kita dengan bijak.

Ada antara kita yang mendesak supaya kita tidak berbelanja dan kita tabungkan duit kita. Ini bukanlah tidak baik jika kita tabungkan dalam simpanan tetap atau simpanan bank. Perbuatan ini akan menambah keupayaan bank mengeluarkan pinjaman. Dan syarikat-syarikat tidak akan

kekeringan wang pinjaman untuk membiayai perniagaan. Tetapi jika kita tidak berbelanja setakat yang kita mampu maka perniagaan akan merosot, keuntungan tidak akan diperolehi oleh peniaga dan kerajaan tidak akan dapat memungut cukai untuk membiayai perbelanjaannya. Justeru itu, belanjalah secara bijak dengan membeli barangan perlu yang diimport sebanyak yang diperlukan sahaja dan barangan tempatan sebanyak yang mungkin. Kita tidak perlu memboikot barangan atau makanan yang telah naik harganya melainkan kenaikan itu disebabkan ketamakan peniaga. Jangan sesiapa cuba mengambil kesempatan daripada kegawatan ekonomi ini untuk mengaut keuntungan yang berlebihan.

Demikian juga kita boleh kurangkan perjalanan ke luar negara, kurangkan menghantar anak belajar di luar negara, bahkan membawa balik anak supaya belajar di dalam negara.

Setiap orang daripada kita mempunyai harta kekayaan yang terpendam yang tidak mendatangkan apa-apa hasil bagi diri kita. Harta ini harus kita '*mobilise*' atau gerakkan supaya ia ditukar menjadi wang yang boleh dilabur atau dimasukkan ke dalam bank untuk diberi pinjaman kepada perniagaan yang memerlukan kredit. Jumlah harta yang terpendam ini bernilai berbilion ringgit. Harta ini tidak akan hilang terus. Jika wang yang kita peroleh dilabur dalam saham amanah, bukan sahaja ia akan terus dimiliki oleh kita tetapi akan naik nilainya, insya-Allah.

Kerajaan yang UMNO terajui telah membentuk berbagai-bagai strategi dan pendekatan yang tidak perlu saya huraikan kerana masa belum tiba dan ada pihak tertentu yang akan cuba menanggalkannya. Kita yakin kita boleh menangkis serangan terhadap kita dan memajukan semula negara. Insya-Allah dengan sokongan rakyat usaha kita untuk memulihkan semula ekonomi negara kita akan berjaya akhirnya.

## **MENCETUSKAN KEGAWATAN**

Rakyat Malaysia semuanya harus berganding bahu dalam mempertahankan kedaulatan negara kita. Apa yang kita

lakukan sebenarnya ialah mempertahankan kemerdekaan kita, tidak kurang daripada itu. **Ingatlah mereka yang mencetuskan kegawatan ekonomi sehingga kita mengalami masalah besar, adalah orang yang lebih kurang sama dengan orang yang menjajah kita dahulu, orang yang dahulu menjajah dunia. Jangan kita fikir tabiat mereka sudah berubah. Harimau tetap dengan belangnya.**

Semasa mereka ditentang oleh komunis mereka menunjukkan muka yang manis. Mereka begitu sekali mengambil berat dengan hak asasi manusia, dengan penindasan yang berlaku sesama manusia, dengan keganasan komunis dan ketidakadilan lain dalam dunia. Mereka mendakwa mereka akan bertindak mencegah ketidakadilan dan sebarang penindasan di mana sahaja. Mereka akan pertahankan kedaulatan negara yang bebas dengan kekuatan ketenteraan mereka. Mereka bayangkan tindakan mereka seperti 'Rambo' dalam wayang gambar keluaran Hollywood, yang begitu berani, gagah, berjaya dan tidak pernah mati.

Tetapi ingatlah Bosnia-Herzegovina. Apabila Serb menyerang puak Islam dan Croat di Bosnia, mereka tidak membuat apa-apa. Orang Islam disembelih, dirogol, dibunuh beramai-ramai di hadapan mata askar barat yang kononnya dihantar untuk menyelamatkan orang Bosnia, tetapi mereka tidak mengangkat sebelah tangan pun untuk menolong dan menyelamatkan Muslim Bosnia.

Pesawat pejuang mereka berkeliaran di udara menunjukkan kehandalan mereka. Tapi mereka tidak menembak puak Serb atau menyerang dengan *intelligent bomb* mereka. Penyembelihan, perogolan dan pembunuhan terus berlaku. Kira-kira 300,000 orang Islam Bosnia dibunuh dengan sia-sia sebelum Barat berani bertindak terhadap puak Serb dan Serbia.

**Melihat peristiwa Bosnia-Herzegovina, Rwanda dan Burundi dan sekarang di Kosovo, apakah kita boleh percaya Barat akan mempertahankan hak asasi manusia termasuk hak untuk bekerja dan mendapat upahan yang halal? Amat malang sekali ada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di**

Malaysia yang begitu taksub dengan Barat dan sering mengecam negara-negara Timur termasuk Malaysia kerana kononnya kita mencabul hak asasi manusia. **Tetapi apabila tindakan kapitalis baru Barat menyebabkan 20 juta pekerja hilang pekerjaan dan pendapatan mereka, kita tidak dengar NGO di mana-mana mengecam pencabulan hak asasi pekerja dan manusia.** Sudah tentu Barat tidak mempedulikan nasib pekerja yang mereka sendiri cabul.

Sementara 20 juta pekerja menganggur dan yang masih bekerja susut pendapatan mereka, sementara makanan dan ubat dan susu untuk anak berkurangan, yang utama bagi mereka ialah penguatkuasaan sistem dagangan yang bebas dan bayaran hutang kepada bank mereka, bank yang kaya raya, bank gergasi yang lebih kaya daripada negara-negara yang mereka serang dan musnahkan. Perbuatan membuli negara yang lemah sudah menjadi mulia kepada mereka.

**Bagi mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan kita. Hanya yang kita boleh harapkan ialah kita sendiri, kita rakyat Malaysia, kita Barisan Nasional, kita UMNO yang menerajui kerajaan Malaysia, yang bertanggungjawab terhadap baik buruknya negara ini. Selama 40 tahun kita merdeka, Malaysia di bawah kerajaan Perikatan dan Barisan Nasional yang diterajui oleh UMNO telah berjaya menghindarkan permusuhan dan rusuhan kaum, telah berjaya membangunkan negara dengan pesat, memberi kehidupan yang lebih baik kepada semua rakyat dan lebih utama dan bermakna lagi ialah mengembalikan maruah bangsa, maruah orang Melayu dan bumiputera lain, sehingga mereka bukan sahaja tidak lagi dihina tetapi mereka dianggap sebagai contoh kepada bangsa-bangsa lain, contoh bagaimana kaum yang tertindas selama beratus tahun dapat memulihkan diri sendiri sehingga dapat menduduki tempat yang sama tinggi dengan bangsa-bangsa yang maju, yang dahulu menjajah dan menghina kita.**

Segala-galanya ini, pemulihan diri dan pengembalian maruah bangsa ini, diasaskan kepada sebuah parti politik yang ditubuhkan lebih 50 tahun dahulu. UMNO ditubuh bukan dengan cita-cita besar kerana pada masa itu fikiran kita



orang Melayu sudah begitu dikongkong oleh penjajah sehingga tidak dapat mimpi bahawa negeri-negeri Melayu yang berpecah-belah, yang taksub dengan kenegerian masing-masing boleh dicantum dan boleh memerintah diri sendiri. Selama beratus tahun kita serahkan pemerintahan negeri-negeri Melayu kepada orang asing sehingga kita tidak lagi percaya kita boleh mengambil alih teraju pemerintahan dan memerintah sendiri.

**Kita terima demokrasi sebagai satu sistem yang baik, yang lebih mungkin menghasilkan pemerintahan yang adil dan berkesan, lebih mungkin sahaja dan bukan tetap.** Di Malaysia demokrasi memang berjaya diamalkan. Kita dapat membentuk kerajaan dan memilihnya melalui proses pilihan raya umum. Negara kita dapat dibangunkan, rakyat hidup dalam keadaan aman dan makmur. Tetapi janganlah kita fikir kejayaan demokrasi di Malaysia ialah kerana demokrasi adalah satu sistem pemerintahan yang tidak ada cacat cela. Demokrasi berjaya di Malaysia dan parti politik Malaysia tahu cara-cara menggunakan sistem demokrasi.

**Jika demokrasi hanya bermakna pemerintahan oleh majoriti, orang Melayu yang menjadi majoriti warganegara Malaysia boleh menggunakan sentimen perkauman untuk mendirikan pemerintahan 100 peratus oleh orang Melayu. Dengan hak sebagai kerajaan majoriti yang dipilih melalui proses demokratik maka orang Melayu boleh mengambil semua kekayaan negara untuk diri mereka, menidak dan menindas kaum-kaum yang lain, menukar sempadan kawasan pilihan raya supaya kuasa orang Melayu akan mejadi lebih kuat dan lebih besar dan kekal. Segala-gala ini boleh dibuat tanpa membelakangkan demokrasi. Tetapi apakah demokrasi seperti ini akan membawa keamanan dan kejayaan kepada negara kita?**

Demokrasi mendatangkan hasil kepada Malaysia kerana kita tidak mengambil kesempatan daripada sistem ini untuk diri kita semata-mata. Sebaliknya kita pilih untuk bekerjasama dengan kaum-kaum lain, kita tidak mengenyepikan hak minoriti dan kita mengutamakan keadilan untuk semua. Dengan cara

ini semua kaum, bahkan pembangkang juga mendapat faedah dan manfaat daripada pengamalan demokrasi di Malaysia. Dengan ini politik menjadi stabil dan demokrasi, termasuk pilihan raya dapat diamalkan secara berterusan. Dengan ini juga kerajaan pimpinan parti yang sama telah dipilih berkali-kali untuk menjadi pemerintah negara yang tercinta ini.

**Ada pihak yang mendakwa tidak ada demokrasi di Malaysia kerana pertukaran kerajaan tidak berlaku tiap kali pilihan raya diadakan. Mereka berkata pembaharuan adalah sebahagian daripada demokrasi. Jika tidak ada pembaharuan tidak ada demokrasi. Dan ramai juga daripada kita yang berasa termalu sedikit kerana tidak ada pembaharuan. Tetap ingatlah hak mengekalkan kerajaan tidak bertentangan dengan demokrasi, bahkan menjadi sebahagian daripada demokrasi juga jika pengkalan itu adalah kehendak rakyat melalui proses yang demokratik.**

Demikian dengan negara, demikian juga dengan parti kita. Parti kita UMNO adalah parti yang demokratik, yang menerima prinsip dan cara demokrasi kerana kita percaya benar bahawa demokrasilah cara dan sistem yang terbaik bagi kita. Demokrasi memberi hak dan peluang bagi kita sebagai ahli biasa menukar, menjatuh dan menaikkan pemimpin mengikut kehendak kita. Dengan itu kita percaya bahawa pemimpin yang terbaik akan menerajui parti sepanjang masa.

Keyakinan kepada diri sendiri begitu rendah sehingga ada pembesar Melayu yang menasihatkan aktivis yang menentang Malayan Union bahawa orang Melayu tidak sepatutnya melibatkan diri dengan politik, kerana politik adalah urusan orang atasan dan British. Mereka sahaja yang berhak dan layak. Orang atasan pula hanya dikehendaki mengikut telunjuk British yang kononnya lebih mengetahui tentang segala-galanya.

Tetapi apabila persatuan-persatuan Melayu bersetuju menubuhkan UMNO, maka proses pemulihan keyakinan diri bagi orang Melayu pun bermula. Setelah berjaya menghapuskan Malayan Union, UMNO meneruskan perjuangan

dengan menuntut kemerdekaan.

Kejayaan dalam sesuatu perjuangan tidak bermakna kejayaan yang kekal. Cabaran dan bahaya terdapat sepanjang masa. Jika kita benarkan diri kita menjadi lemah kerana terlalu senang, percayalah kejayaan yang tercapai dahulu akan dipisahkan daripada kita. Justeru itu, amatlah penting UMNO bersiap sedia sepanjang masa, UMNO bersatu padu secara berterusan, dan UMNO berhati-hati akan kemungkinan percubaan dibuat lagi untuk menggagalkan kita.

Dakyah Barat amat halus. Kita tidak akan sedar bahawa kita sudah diperalatkan oleh mereka. Sepanjang masa mereka mencipta konsep-konsep yang kononnya mencerminkan tamadun yang tinggi, tamadun yang lebih bersesuaian dengan keadaan zaman.

**Antara kita akan ada, bahkan sudah ada yang tidak ingin dianggap oleh Barat sebagai ketinggalan zaman. Mereka ini selalunya menerima arus pemikiran Barat ini. Apabila kita menerimanya maka secara halus juga mereka akan memuji dan menerimanya kita sebagai anggota 'kelab' mereka.** Suntikan jarum halus ini akan diteruskan sehinggalah mereka dapat mengasingkan di antara yang menerima konsep dan pemikiran mereka dengan yang dikatakan kolot kerana tidak mahu menerimanya.

Demokrasi dicipta sebagai satu sistem pemerintahan oleh rakyat untuk menggantikan sistem feudal. Tujuannya ialah supaya pemerintahan yang baik untuk semua rakyat dapat diwujudkan. **Sekarang Barat menyarankan bahawa yang penting bukan pemerintahan yang membawa kebahagiaan kepada rakyat tetapi yang penting ialah rakyat mesti sanggup mendukung demokrasi walaupun ia menyebabkan rakyat menderita.** Kita lihat di beberapa negara, pilihan raya demi pilihan raya diadakan tetapi kerajaan yang berwibawa tidak dapat ditubuhkan. Dengan itu masalah rakyat tidak dapat diatasi, rakyat terus menderita dan mundur, negara tidak dapat dibangunkan. Tetapi pihak liberal demokrat berpendapat ini tidak mengapa asalkan demokrasi cara mereka diamalkan. **Dengan perkataan lain manusia adalah alat demokrasi dan**

**bukan demokrasi menjadi alat manusia, alat untuk kesejahteraan manusia.**

Walaupun kita percaya manusia tidak akan membuat sesuatu yang akan membinasakan dirinya, tetapi manusia kerap melakukan perkara-perkara yang tidak baik, yang akhirnya mendatangkan keburukan kepada dirinya. Kita tahu apa yang baik tetapi kita buat juga benda yang buruk mungkin kerana nafsu atau kerana keuntungan jangka pendek.

Tabiat manusia ialah apabila marah, ia lebih kuat bertindak dan bergerak berbanding dengan masa ia puas hati atau seronok kerana mendapat sesuatu. Oleh sebab itu kerana marah kepada yang baik, yang buruk disokong juga.

Demikian juga dengan keuntungan jangka pendek. Kerana taksud dengan keuntungan jangka pendek manusia sanggup melakukan sesuatu yang akhirnya merugikan dirinya. Berhadapan dengan sogokan hari ini manusia akan lupa kepada balasan buruk di masa hadapan, bahkan di akhirat.

Sebab itu walaupun kita percaya demokrasi adalah baik bagi diri kita, pengamalannya hendaklah dibuat dengan berhati-hati. Jika ternampak ada usaha untuk menggunakan demokrasi untuk tujuan yang tidak baik, maka kita perlu perketatkan peraturan-peraturan demokrasi supaya terhindar yang tidak baik tadi. **Ingatlah Barat yang mendakwa mereka demokratik tidak membenarkan Parti Komunis wujud di negara mereka. Demokrasi juga tidak menyekat mereka daripada menjajah hingga sekarang ini.**

**Demokrasi bukan agama yang diwahyukan oleh Tuhan. Sedangkan agama boleh disalah tafsir dan diputar-belitkan oleh orang yang berkepentingan, apatah lagi demokrasi.** Oleh itu bukan semua daripada apa yang didakwa oleh Liberal Demokrat Barat akan diamatkan oleh kita. Kita akan pilih yang jernih dan buang yang keruh.

Kita hidup dalam dunia yang semakin cepat berubah. Zaman teknologi maklumat sudah tiba dan dengan itu peluang baru yang boleh menjadikan kehidupan kita lebih bahagia. Tetapi peluang untuk merosak masyarakat kita juga menjelma bersama.

Seperti biasa Barat yang awal-awal lagi melihat peluang ini menggunakan peluang yang datang daripada teknologi baru ini untuk faedah mereka. Menyedari bahawa teknologi ini membolehkan mereka menembusi sempadan yang mengasing dan menyelamatkan bangsa-bangsa di dunia, mereka telah mencipta falsafah dari nilai-nilai baru yang membenar dan menyokong pencerobohan mereka.

**Globalisasi, dunia tanpa sempadan, deregulasi dan liberalisasi adalah perkataan-perkataan baru yang telah diperkenalkan oleh Barat. Tidak ada suatu pun yang dicipta oleh kita, oleh Timur, oleh Asia. Sudah tentu Barat tidak mencipta pemikiran-pemikiran baru ini untuk merugikan mereka. Globalisasi, dunia tanpa sempadan, deregulasi dan liberalisasi adalah untuk kepentingan mereka. Jangan kita sambut semua ini tanpa kajian, tanpa curiga. Jangan sekali-kali kita sambut semua ini kerana ingin dianggap canggih atau sofistikated. Jangan kita berbangga dengan puji-pujian daripada mereka apabila kita tunjuk betapa *up-to-datenya* pemikiran kita.**

**Manusia yang *survive*, manusia yang berjaya ialah manusia yang selalu berhati-hati apabila sesuatu yang baru diperkenalkan, manusia yang selalu mencari 'udang di sebalik batu'. Globalisasi, liberalisasi dan deregulasi mungkin membawa banyak manfaat kepada kita, tetapi pemikiran baru ini boleh musnahkan kita. Peristiwa serangan ke atas mata wang kita ialah telah sebahagian daripada globalisasi, liberalisasi dan deregulasi dan kita hanya memperoleh kerugian besar daripada semua ini.**

UMNO sudah *survive*, bahkan berjaya selama lebih dari 50 tahun. Tidak banyak parti politik yang berjuang untuk mencapai kemerdekaan kekal selama itu. Kebanyakannya luput dan hilang sejurus selepas kemerdekaan berjaya dicapai. Tetapi selama lebih setengah abad UMNO bukan sahaja selamat tetapi berjaya dalam arena politik, berjaya menerajui Malaysia. Sama ada kita akan terus *survive* atau tidak, bergantung kepada budaya kita, sifat-sifat yang ada pada kita,

sifat berhati-hati, sifat berjaga-jaga terutama kepada sesuatu yang baru diperkenalkan. Jangan sekali-kali membenarkan keuntungan jangka pendek menutup mata kita kepada kerugian jangka panjang.

**Tidak ada yang kekal di dunia ini, UMNO pun tidak akan kekal. Tetapi riwayatnya tidak perlu dipendekkan kerana kita tidak berhati-hati, tidak cekap dan gila dengan keuntungan yang cepat. Perjuangan UMNO masih belum selesai. Banyak lagi yang perlu dibuat oleh UMNO. Orang Melayu dan Bumi-putera lain belum lagi cukup kuat untuk dibiarkan mereka mempertahankan diri mereka tanpa pimpinan dan lindungan UMNO. Mereka belum kuat untuk bersaing dalam dunia yang kian mencabar. Kemerdekaan kita belum terjamin. Negara yang lebih gagah daripada kita sudah pun ditewaskan.**

Apakah kita dapat menyelamatkan diri kita tanpa perpaduan dan persaudaraan di kalangan kita, tanpa berganding bahu dengan kaum-kaum lain yang sependapat dengan kita untuk menyelamatkan negara bertuah ini? Jawabnya kita tidak dapat. Jawabnya kita masih belum boleh mengamalkan liberal demokrasi ala Barat jika kita ingin selamat.

**Oleh itu selamatkanlah dan peliharakanlah UMNO. Pemimpin tidak kekal, pemimpin boleh ditukar dan pemimpin boleh dicari. Tetapi UMNO boleh kekal lebih lama daripada pemimpin. Oleh itu berhati-hatilah, berjaga-jagalalah dalam menguruskan pertubuhan ini. Ia banyak berbakti kepada kita dan kita hendaklah berbakti kepadanya. Insya Allah, Yang Maha Kuasa akan memberkati perjuangan yang halal lagi mulia.<sup>13</sup>**

13. Sedutan ucapan Dr Mahathir Mohamad merasmikan Perhimpunan Agung UMNO Malaysia pada 19 Jun 1998.

# Kata-kata Amanah

Tidak semua orang pandai berpidato berupaya berucap dengan menggunakan kata-kata amanah atau yang mempunyai falsafah. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah seorang dari jumlah yang kecil pemimpin-pemimpin di dunia yang mempunyai kesanggupan mengungkapkan kata-kata amanah, berhikmah (pengajaran) dan berfalsafah sebagai ungkapan ahli politik dalam pidato-pidatonya.

**Sesungguhnya ucapan-ucapan seseorang yang ternama yang mengandungi kata-kata amanah atau falsafah akan menjadi pusaka bangsanya.** Akan dipelajari dan dikaji oleh generasi akan datang dan akan menjadi khazanah yang berharga bagi bangsanya khususnya dan umat manusia amnya.

Misalnya ungkapan peribahasa Melayu yang telah dicapai atau diungkap orang-orang bijak pandai Melayu semenjak zaman awal kewujudan bangsa Melayu telah menjadi pusaka bangsa Melayu hingga pada hari ini dan tidak akan luput selagi bangsa Melayu wujud di dunia ini.

Kata-kata amanah atau berfalsafah Dr Mahathir Mohamad ini terselit dalam ucapan-ucapannya yang saya pilih untuk buku ini, iaitu ucapan-ucapannya dalam Konvensyen UMNO di Bangunan UMNO, Kuala Lumpur pada pagi 11 Mei 1996, pada Perhimpunan Agung UMNO yang ke-51 pada 5 September 1997 dan ucapan dalam Perhimpunan Agung UMNO Malaysia yang ke 51 pada 5 September 1997 dan dalam Perhimpunan Agung UMNO yang ke-52 pada 19 Jun 1998.

Adalah diharapkan kata-kata amanah dan falsafah pemimpin negara yang tegas dan berani ini dapat dijadikan bahan kajian oleh ahli-ahli politik, para penulis dan sasterawan, para pensyarah universiti dan institusi pengajian tinggi, para mahasiswa dan pelajar di negara ini.

Untuk memudahkan pembaca meneliti kata-kata amanah Dr Mahathir Mohamad ini, maka pada tiap-tiap awal bahagian kata-kata amanah ini saya berikan tajuk dan di bawah tiap-tiap muka akhir kata-kata amanah ini dicatatkan nota kaki yang menerangkan ucapan yang dipetik kata-kata amanah tersebut.



# Gembira yang Sederhana

---

*Petikan dari ucapan Dr. Mahathir Mohamad dalam Konvensyen UMNO di bangunan UMNO, Kuala Lumpur pada 11 Mei 1996.*

- Gembira kita ialah gembira yang sederhana kerana tidak akan bermakna kita bersyukur dengan sesuatu yang tidak menggembirakan.
- Kita harus menoleh ke belakang untuk meneliti sejarah kita, sejarah perjuangan kita, sejarah pencapaian kita, liku-liku dan jalan-jalan yang telah kita lalui, sama ada yang beranjau atau yang tidak, semua ini harus kita ingat dan kita renung semula, mudah-mudahan menjadi pengajaran dan panduan kepada kita.

- Kita perlu renung, kerana mereka yang lupa akan sejarah akan didera dengan mengulangi kesalahan berkali-kali.
- UMNO tidak diasaskan kepala '*palace coup*' atau rebutan kuasa istana. Ia bukan gerakan elitis yang diteraju oleh golongan intelek yang sedikit atau revolusi tentera atau puak revolusioner yang berideologi tertentu.
- Demokrasi bukan sebagai ideologi yang ketat tetapi sebagai pendekatan yang terbaik bagi perjuangan UMNO.
- Perlembagaan UMNO bukan ideologi atau manifesto politik. Ia boleh dipindah dan memangpun telah dipinda.
- UMNO berpegang kepada demokrasi, amatlah penting kita sebagai ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin UMNO memahami kekuatan dan kelemahan sistem demokrasi, mudah-mudahan dengan itu kita tidak sesat dan membinasakan diri kita sendiri.
- Ramai yang kononnya menerima demokrasi sebagai sistem politik, tetapi kerana tidak faham apa dianya demokrasi, mereka telah menjadi mangsa demokrasi.
- Demokrasi bukan Tuhan. Demokrasi adalah ciptaan manusia dan sudah tentu jauh daripada sempurna.
- Demokrasi bukan suara Tuhan dan jauh daripada sempurna, bahkan ia penuh dengan kecacatan yang boleh membinasakan pengamalannya dan menjadikan mereka mangsa kezaliman demokrasi yang tidak kurang buruknya daripada kezaliman sistem feodal atau diktator.
- Negara-negara demokratik Barat yang berdakwah berkenaan dengan demokrasi hanya membekal senjata untuk orang Afghan membunuh orang Afghan.

- Bosnia yang telah menuntut kemerdekaan kerana percaya kepada demokrasi dan sokongan oleh negara demokrasi yang kononnya tidak akan membenarkan sesiapa mencabul demokrasi dan hak asasi manusia, kemudian apabila pengganas Serb menyeksa dan membunuh ratusan ribu orang Islam Bosnia, pemimpin-pemimpin negara Barat kerana takut jika askar mereka terkorban sedikit kerana melindungi rakyat Bosnia maka pengundi mereka akan mengalah parti mereka, telah membiarkan Serb membunuh ratusan ribu orang Bosnia dan mengganas dengan bebas terhadap orang Islam.
- Negara-negara demokrasi yang sama juga sanggup mengepung, dan mengawal bekalan makanan dan ubat kepada rakyat yang lemah dan tidak berdaya kerana mahu memaksa mereka menjatuhkan pemerintahan negara mereka.
- Kerana mereka (rakyat Iraq) gagal, anak mereka, pesakit dan orang tua menderita dan menjadi mangsa sekatan makanan dan ubat-ubatan oleh negara demokrasi.
- Israel membedil Lebanon dan menyebabkan ratusan orang awam di Labenon terbunuh dan cedera semata-mata kerana Perdana Menteri, Shimon Peres (dikatakan) mahu mendapat undi daripada rakyat Israel dalam pilihanraya yang akan datang.
- Kebaikan sistem demokrasi yang dibawa oleh Revolusi Perancis bukan kerana ia dapat menjamin pemerintahan yang baik tetapi ia lebih mungkin menjamin pemerintahan yang menghargai pandangan dan pendapat rakyat.
- Dalam sistem demokrasi yang penting dan utama ialah rakyat berhak memilih siapa yang akan menerajui kerajaan. Jika rakyat sudah tidak suka, cara menukar

kerajaan atau pemimpin tidak membabitkan perang saudara atau revolusi atau keganasan.

- Sistem yang memberi hak membentuk kerajaan kepada parti yang memenangi kerusi terbanyak lebih mungkin menghasilkan kerajaan bermajoriti yang cukup untuk memerintah dengan stabil dan berkesan.
- Dalam sistem dua parti, kadang-kadang parti yang menang mempunyai majoriti yang terlalu kecil. Jika penyokong kerajaan tidak mahu menyokong kerajaan atau lompat ke parti lawan, maka jatuhlah kerajaan.
- Sekarang ini cara yang menidakkan hak majoriti rakyat pun boleh ditafsirkan dan diterima sebagai demokrasi dan diamalkan. Demikian juga pegangan kepada cara yang lebih mengutamakan pendapat individu sehingga suara majoriti boleh dibelakangkan pun dikatakan demokratik.
- Keadaan barat sekarang yang begitu bangga dengan demokrasi mereka dan percaya yang hanya demokrasi mereka sahajalah yang tepat dan patut diterima pakai oleh seluruh dunia. Taksud dengan pegangan mereka, maka mereka lupa akan erti demokrasi. Dengan itu mereka mengguna kekerasan untuk memaksa negara-negara lain menerima demokrasi jenis mereka.
- Kita di Malaysia telah memilih demokrasi kerana kita percaya rakyat lebih tahu bagaimana mereka harus diperintah. Bahawa mereka berasal daripada masyarakat feudal terbukti dengan pengekalan perkataan 'Kerajaan', iaitu pemerintahan oleh raja, sebagai nama untuk institusi pemerintahan.

Walaupun kita masih kekalkan sistem beraja, tetapi raja tidak lagi memerintah atau mempunyai kuasa mutlak.

- Sistem ini (beraja) yang diambil oleh sistem Raja Berperlembagaan atau '*Constitutional Monarchy British*', memberi tempat kepada raja tanpa meniadakan hak rakyat.
- Bukan sistem yang penting tetapi kesanggupan semua pihak rakyat mengamalkan mengikut semangatnya dan tidak semata-mata mengikut konsep dan peraturan-peraturannya yang menentukan sama ada demokrasi diamalkan atau tidak.
- Jika rakyat menggunakan kuasa pemilihan mereka dengan bijak, wakil dan kerajaan akan terdiri daripada mereka yang betul-betul berkeupayaan, cekap, jujur dan bertanggungjawab.
- Kadang-kadang rakyat menggugut tidak akan mengundi sesuatu calon jika ia tidak berjanji akan membekalkan sesuatu, sama ada jalan, masjid atau sekolah. Soal sama ada kerajaan mampu membekal atau projek-projek ini betul-betul diperlukan tidak diambil kira.
- Pekerja parti pun tidak semuanya bekerja kerana perjuangan, tetapi kerana upah. Dalam keadaan ini, masing-masing yang bertanding tidak mempunyai pilihan. Benar, kadang-kadang yang menawar (wang) ialah calon sendiri.
- Pengundi boleh menolak. Tetapi pengundi sebagai manusia biasa sukar mempertahankan kehormatan diri. Lagipun ada perasaan, bahawa jika tawaran tidak diterima maka orang lain akan menerimanya. (Sebab itu) calon menawarkan sesuatu untuk mendapat sokongan.
- Proses memperniagakan undi menjadi semakin buruk dengan berlalunya masa. Akhirnya bukan pembentukan kerajaan yang baik yang menjadi tujuan. Pemilihan

menjadi temasya dan peluang untuk mendapatkan sesuatu daripada orang yang menawar diri untuk dipilih. Sudah tentu yang dipilih dan menggagotai kerajaan. Sebaliknya yang dipilih ialah mereka yang begitu tidak berprinsip sehingga sanggup menghulur rasuah.

- Apakah kerajaan yang dianggotai oleh orang yang terpalit dengan korupsi boleh jadi kerajaan yang baik?
- Demokrasi sering menggalakkan korupsi di kalangan rakyat dan pemimpin, ia juga kerap menyebabkan ahli politik menyalahgunakan sentimen dan kejahilan pengundi di dalam bidang-bidang tertentu.
- Masyarakat manusia perlu bertimbang rasa terhadap pihak-pihak di kalangan anggota yang tidak bernasib baik. Usaha perlu dibuat untuk memperbaiki nasib mereka supaya mereka juga dapat mencapai pada tahap berpatutan nikmat yang terdapat dalam masyarakat.
- Undang-undang untuk satu zaman bagi suatu masyarakat berbeza daripada undang-undang bagi masyarakat yang sama pada zaman yang lain.
- Ketidakadilan berlaku hanya jika yang kaya terlalu kaya dan yang miskin terlalu miskin sehingga tidak dapat hidup sempurna.
- Apabila yang miskin merampas harta yang kaya dan mereka tidak tahu menggunakan harta itu untuk menambah kekayaan, mereka akan rugi akhirnya.
- Keadilan tidak akan tercapai selagi ada tanggapan bahawa masalah yang sama oleh dua pihak yang berlainan tidak boleh diberi hukuman yang sama.
- Hukuman yang berat sebelah semata-mata kerana kekayaan atau kemiskinan tidak boleh dianggap adil.

- Pemerintah demokrasi lebih terancam semasa pelaksanaan keadilan kerana dalam mana-mana juga masyarakat manusia, bilangan yang miskin lebih ramai daripada yang kaya. Jika suara ramai semata-mata yang menentukan siapa yang memerintah, maka sudah tentu keadilan sukar dicapai oleh demokrasi.
- Demokrasi yang kita amalkan di Malaysia tidak sama dengan demokrasi ala Barat. Demokrasi Barat juga tidak sempurna, bahkan mempunyai unsur kezaliman yang gagal mendatangkan hasil yang terbaik.
- Demokrasi di Malaysia bukanlah agama. Kita sedar akan kebaikan sistem demokrasi tetapi tidak terlalu taksub dengannya menerima tanpa soal semua yang dibuat dengan nama demokrasi.
- Manusia bermasyarakat, iaitu manusia yang tidak dapat hidup keseorangan, perlu menerima sedikit sebanyak perbezaan antara yang memimpin dengan yang mengikut, yang kaya dan miskin. Tidak mungkin dalam suatu masyarakat, semua menjadi pemimpin atau menjadi kaya. Dan tak mungkin semua anggota masyarakat menjadi pengikut, kerana mustahil boleh ada pengikut tanpa pemimpin.
- Satu prinsip yang terbaik ialah undang-undang tidak membezakan antara pemimpin dan pengikut, tidak menghiraukan pangkat, darjat, kaya dan miskin, lelaki dan perempuan dan asas-asas lain yang membeza dan mengasingkan di antara golongan-golongan yang terdapat dalam masyarakat.
- Dengan penerimaan prinsip persamaan ini, undang-undang sebenarnya memerintah dan bukannya individu tertentu yang memerintah.

- Apa yang dianggap adil pada satu zaman boleh dianggap tidak adil pada satu zaman yang lain. Apa yang dianggap adil oleh sesuatu masyarakat boleh dianggap zalim oleh masyarakat lain.
- Tamadun manusia tidak beku. Jika ia berubah pada zaman yang berlalu, ia tetap akan menjadi lapuk. Tamadun manusia mempunyai kaitan yang rapat dengan budaya, iaitu dengan jumlah nilai-nilai hidup yang diterima oleh masyarakat berkenaan.
- Pencapaian dan kemajuan masyarakat manusia bergantung kepada sistem nilai yang diterima pakai oleh sesuatu masyarakat.
- Masyarakat yang bertamadun tinggi ialah masyarakat yang lebih tersusun dan tertib.
- Adat sebenarnya adalah undang-undang yang tidak tertulis. Apabila kebolehan manusia dicipta maka sebahagian daripada adat dicatat dan menjadi undang-undang bertulis.
- Demokrasi bukan untuk demokrasi tetapi untuk rakyat dan negara. Jika rakyat dan negara memperolehi kebaikan maka kita akan terima amalan-amalan demokratik. Jika rakyat dan negara memperolehi keburukan daripada satu-satu amalan yang dikatakan demokratik kita akanutamakan kebaikan untuk negara dan rakyat dan mengeneppikan soal demokratik.
- Jika rakyat tidak puas hati dengan ketegasan kerajaan maka mereka berhak menjatuhkan kerajaan melalui pilihanraya.
- Senjata mogok seluruh negara dan tunjuk perasaan yang tidak berhenti-henti bukanlah senjata untuk memelihara hak sesiapa.



- Demokrasi tidak sempurna seratus peratus. Terdapat banyak kecacatan dalam demokrasi. Tetapi berbanding dengan sistem-sistem pemerintahan yang lain, ia adalah yang terbaik sekali yang pernah dicipta oleh manusia, terutama untuk negara berbilang kaum dan agama seperti Malaysia.

# Penyalahgunaan Kuasa

---

*Petikan dari ucapan Dr Mahathir Mohamad dalam Perhimpunan Agung UMNO ke 51 pada 5 September 1997.*

- Jika tidak demokratik jika feodal atau diperintah oleh satu parti atau seorang diktator, tekanan, kekejaman, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan mudah berlaku.
- Sebenarnya tidak ada sistem politik atau pemerintahan yang boleh menjamin kemajuan sesuatu negara. Banyak faktor lain diperlukan.
- Kita tahu demokrasi mempunyai kelemahan tertentu. Rakyat boleh disogok dengan wang atau pembangunan yang membazir, rakyat mungkin memilih pemimpin

yang perasuah dan lain-lain lagi kerana pengundi terpengaruh dengan dakwah tertentu termasuk menyalahgunakan sentimen ras atau keagamaan.

- Bagi negara yang demokratik atau tidak demokratik yang mudah ialah membiarkan saja keadaan berterusan sementara pemimpin berlagak dengan taraf dan kuasanya. Hari ini giliran pemimpin ini, esok giliran pemimpin lain untuk menikmati jawatan.
- Untuk mencapai kemajuan kita perlu ada idea yang baik, pendekatan yang boleh menjayakan idea berkenaan dan pengurus yang berkebolehan.
- Kekuatan yang kita perlu ialah kekuatan yang datang dari kestabilan politik, kesihatan, ekonomi, keadilan sosial, kecekapan pentadbiran dan penguasaan ilmu dan teknologi yang canggih dan tidak kurang daripada yang dimiliki oleh negara maju yang lain.
- Mereka tahu mereka bukan 'tuan' tetapi sebenarnya 'hamba'. Tetapi oleh kerana mereka bukan 'tuan' tetapi sebenarnya 'hamba'. Tetapi oleh kerana mereka tidak yakin mereka boleh jadi 'tuan' mereka tipu diri dengan membuat dakwaan berkali-kali bahawa mereka adalah 'tuan'.
- Kita orang Melayu tidak berniat untuk mendirikan sebuah empayar. Cita-cita kita sederhana saja. Kita ingin menjadi sama maju dengan bangsa lain yang sudah maju. Dengan itu dapatlah kita menebus balik maruah agama kita bahkan maruah orang Bumiputera di negara ini.
- Perjuangan UMNO tidak boleh dipisahkan daripada perjuangan orang Islam, kerana nyata sekali apabila UMNO berjaya, apabila Malaysia berjaya, dunia meniktiraf bahawa Islam berjaya.

- Jika UMNO tidak sanggup menjadi contoh yang baik, percayalah bangsa kita akan menjadi mundur, ditinggal zaman, diketawakan orang dan dihina.
- Budaya orang Melayu di zaman ini tidak sama dengan budaya orang Melayu ketika Malaysia dijajah, bahkan tidak sama dengan budaya Melayu ketika kita berjuang untuk kemerdekaan dan pada tahun awal kita merdeka.
- Sebahagian besar daripada budaya Melayu baru dibentuk secara sedar dan kerap juga secara tidak sedar oleh UMNO dan perubahan iklim sosial, politik dan ekonomi negara yang dibawa oleh pemerintahan kepimpinan UMNO.
- Rasuah hanya akan menguntungkan orang tertentu sahaja, orang yang dapat menggunakan kuasa pemimpin untuk kepentingan diri. Tidak mungkin semua rakyat mendapat manfaat. Majoriti rakyat akan kecewa.
- Bangsa kita akan menjadi bangsa yang primitif, dipermainkan, dihina dan ditindas orang. Kita mungkin lebih nasionalis pada pendapat kita, tetapi nasionalis yang menerima dirinya dihina bukanlah nasionalis.
- Nasionalis yang sebenar ialah mereka yang berusaha supaya mereka mampu dan mampu bersaing dengan jayanya dengan orang yang maju.
- Sebenarnya mereka yang menguasai bahasa lain dan ilmu-ilmu tertentu jauh lebih nasionalis daripada mereka yang hanya mampu memekik-mekik kebangsaan mereka.

# Rasa Sedikit Penderitaan

---

*Petikan dari ucapan Dr Mahathir Mohamad dalam Perhimpunan Agung UMNO yang ke 52 pada 19 Jun 1998.*

- Biarkanlah mereka rasa sedikit penderitaan seperti yang dirasa orang miskin, mudah-mudahan mereka akan insaf.
- Manusia biasanya amat gemar melihat yang tinggi jatuh merudum.
- Perasaan iri hati dan benci memang kuat dalam hati manusia.
- Masyarakat manusia yang membenarkan diri mereka dikuasai oleh nafsu semata-mata tidak mungkin dapat mendirikan tamadun yang tinggi, tamadun yang mampu

berjaya, yang boleh membawa kebahagiaan hidup kepadanya.

- Apa juga yang kita lakukan hendaklah diasaskan kepada pemikiran dan perhitungan yang sesuai dengan tamadun yang tinggi.
- Banyak negara membangun yang tidak dapat dimajukan sama sekali kerana pemerintahan yang korup, tidak telus, tidak cekap dan lain-lain.
- Negara yang berada pun boleh dijajah dengan menjadikannya negara miskin dan pengemis dalam jangka masa yang amat singkat tanpa seorang pun askar penjajah terbunuh atau cedera.
- Apabila negara menjadi miskin maka politiknya akan menjadi tidak stabil dan rebutan kuasa akan berlaku.
- Walaupun kita belum dikuasai sepenuhnya oleh kuasa asing tetapi sedikit sebanyak mereka sudah menguasai ekonomi kita.
- Jarum yang mereka (penjajah ekonomi) guna amat halus dan kita mungkin tidak sedar bahawa kita sudah diperalatkan oleh mereka.
- Yang diutamakan mereka (penjajah) ialah pemerintahan yang lebih sanggup menerima arahan daripada kuasa tertentu.
- Apabila peniaga dan pengusaha yang besar menghadapi masalah, kita yang kecil juga akan mengalami masalah bahkan seluruh negara akan menghadapi masalah.
- Percubaan untuk menimbulkan perasaan benci dan iri hati kepada yang bermasalah adalah tidak wajar.

- Tidak memahami apa yang menyerang kita adalah sama dengan keadaan kita buta dan tidak tahu dari mana datangnya serangan.
- Orang yang tidak tahu apa yang menyerangnya akan bermusuhan dengan orang lain, orang yang tidak bersalah, maka ketawa besarlah penyerang.
- Percubaan menukar pemimpin juga telah dibuat di Malaysia apabila pemimpin didakwa anti Yahudi.
- Penyokong-penyokong pemimpin pun akan berusaha, yang satu untuk mempertahankan pemimpin yang sedia ada dan menyingkir pencabarnya, sementara penyokong pencabar pula akan mendesak supaya dianya mencabar pemimpin yang sedia ada.
- Kempen memburukkan masing-masing akan dilakukan sehingga suasana menjadi lebih keruh dan politik menjadi tegang.
- Walau siapa pun yang berjaya, serangan ke atas negara akan diteruskan sehingga pemimpin yang dipilih tunduk kepada kuasa asing — iaitu rela negara dijajah semula.
- Pengkritik yang terdiri daripada orang asing dan orang kita juga akan gembira dan puas hati, kerana amalan-amalan yang tidak diingini sudah dapat dihapuskan. Yang sedihnya kita semua akan menjadi hamba orang asing yang bermaharajalela di negara kita.
- Sudah tentu bila *crony* politik menjadi *crony* perniagaan, maka sokongan politik kepada pemimpin kerajaan akan bertambah.
- Menolong orang bukan politik tidak memberi keuntungan politik kepada pemimpin kerajaan.

- Memang mudah bercakap berkenaan 'merit' setelah kamu mendapat faedah daripada sistem tanpa 'merit'.
- Hanya Malaysia sahaja yang penyusunan semula masyarakat berjaya tanpa rusuhan, tanpa merampas hak dan harta sesiapa.
- Sama ada dirancang atau tidak, tekanan ekonomi ke atas Malaysia secara langsung melibatkan tekanan ke atas orang Melayu dan Bumiputera lain. Kita disorong balik ke arah menjadi bangsa yang mundur, lemah, bangsa yang dijajah semula, yang mempertuankan orang lain.
- Nabi tidak mengikut kehendak kaum Jahiliah di Mekah untuk menyelamatkan agama Islam.
- Jika dahulu kita boleh, sekarang pun kita boleh, jika kita berdisiplin dan menguruskan perbelanjaan kita dengan bijak.
- Ingallah mereka yang mencetuskan kegawatan ekonomi sehingga kita mengalami masalah besar, adalah orang yang lebih kurang sama dengan orang yang menjajah kita dahulu, orang yang dahulu menjajah dunia. Jangan kita fikir tabiat mereka sudah berubah. Harimau tetap dengan belangnya.
- Bagi mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan kita, hanya yang kita boleh harapkan ialah kita sendiri.
- Kita terima demokrasi sebagai sistem yang baik, yang lebih mungkin menghasilkan pemerintahan yang adil dan berkesan, lebih mungkin sahaja dan bukan tetap.
- Demokrasi berjaya di Malaysia kerana kita rakyat Malaysia, ahli politik Malaysia dan parti politik Malaysia tahu cara-cara menggunakan sistem demokrasi.



- Demokrasi mendatangkan hasil kepada Malaysia kerana kita tidak mengambil kesempatan daripada sistem ini untuk diri kita semata-mata.
- Demokrasi memberi hak dan peluang bagi kita sebagai ahli biasa menukar, menjatuh dan menaikkan pemimpin mengikut kehendak kita. Dengan itu kita percaya bahawa pemimpin yang terbaik akan menerajui parti sepanjang masa.
- Kita tahu apa yang baik tetapi kita buat juga benda yang buruk mungkin kerana nafsu atau kerana keuntungan jangka pendek.
- Tabiat manusia ialah apabila marah, ia lebih kuat bertindak dan bergerak berbanding dengan masa ia puas hati atau seronok kerana mendapat sesuatu. Oleh itu kerana marah kepada yang baik, yang buruk disokong juga.
- Kerana taksub dengan keuntungan jangka pendek manusia sanggup melakukan sesuatu yang akhirnya merugikan dirinya.
- Berhadapan dengan sogokan hari ini manusia akan lupa kepada balasan buruk di masa hadapan, bahkan di akhirat.
- Demokrasi bukan agama yang diwahyukan oleh Tuhan. Sedangkan nama boleh disalah tafsir dan diputar belitkan oleh orang yang berkepentingan, apatah lagi dengan demokrasi.
- Kita hidup dalam dunia yang semakin cepat berubah. Zaman teknologi maklumat sudah tiba dan dengan itu peluang baru yang boleh menjadikan kehidupan kita lebih bahagia. Tetapi peluang untuk merosak masyarakat kita juga menjelma bersama.

- Globalisasi, dunia tanpa sempadan, deregulasi dan leberalisasi adalah perkataan-perkataan baru yang diperkenalkan oleh Barat. Tidak ada satu pun yang dicipta oleh kita, oleh Timur, oleh Asia. Sudah tentu Barat tidak mencipta pemikir-pemikir baru ini untuk merugikan mereka.
- Jangan kita berbangga dengan puji-pujian daripada mereka (Barat) apabila kita tunduk *up to datanya* pemikiran kita.
- Manusia yang *survive*, manusia yang berjaya ialah manusia yang selalu berhati-hati apabila sesuatu yang baru diperkenalkan, manusia yang selalu mencari 'udang di sebalik batu'.
- Jangan sekali-kali membenarkan keuntungan jangka pendek menutup mata kita kepada kerugian jangka panjang.
- Tidak ada yang kekal di dunia ini. UMNO pun tidak kekal. Tetapi riwayat hidupnya tidak perlu dipendekkan kerana kita tidak berhati-hati, tidak cekap dan gila dengan keuntungan yang cepat.

# Penutup

Kita bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan *iradat* dan *qudrat-Nya* telah dianugerahkan kepada kita seorang pemimpin yang bijaksana, dedikasi, percaya kepada diri sendiri, iaitu Dr Mahathir Mohamad.

Pada masa kini dan hingga menjangkau kepada tahun 2020, tidak ada di negara kita seorang pemimpin nasionalis dalam UMNO yang setanding Dr Mahathir Mohamad untuk melaksanakan tanggungjawab besar bagi mengisikan kemerdekaan dan meninggikan martabat bangsa Melayu. Mungkin ada yang berpelajaran tinggi dan bijaksana, tetapi dedikasi dan berpandangan luas seperti beliau tidak ada. Ada yang berani tetapi tidak mencapai daya untuk menyatukan semua rakyat dalam satu kekuatan dan keutuhan seperti hari

ini. Mungkin ada yang mampu bersuara dengan lantang, tetapi daya tenaga tidak sama dengan kelantangan suaranya. Pendeknya memang belum ada seorang tokoh nasionalis untuk menyumbang perjuangan yang belum selesai seperti dalam sajak Dr Mahathir Mohamad.

Kita berkeyakinan, bahawa banyak rancangan-rancangan dan projek kebangsaan yang sedang berjalan sekarang akan terhenti serta merta kalau beliau tidak lagi memimpin UMNO dan negara ini. Semua rancangan-rancangan dan projek-projek itu akan berkeadaan pokok-pokok segar pada musim kemarau.

Oleh yang demikian, kalangan ahli-ahli UMNO khasnya dan seluruh rakyat negara ini amnya, eloknya berfikir secara terbuka, bahawa tradisi kekerapan memilih pemimpin ataupun mahukan orang lain untuk menjadi pemimpin bagi menggantikan beliau, adalah perbuatan atau tindakan yang akan merugikan negara dan rakyat seluruhnya.

Untuk mencari pemimpin baru dengan tujuan bertukar selera adalah satu perbuatan yang dipandang perkara biasa di segi semangat demokrasi, tetapi perbuatan tersebut menjadi racun berbisa kepada perjuangan rakyat dan negara seperti Malaysia ini.

Kerana Dr Mahathir Mohamad masih belum menyelesaikan perjuangannya, maka elok benarlah beliau terus di beri amanah untuk memimpin UMNO dan kerajaan untuk masa-masa yang akan datang, iaitu selagi beliau masih belum tiba ke hujung usianya. Mungkin tenaganya sudah tidak sekuat masa mudanya, tetapi fikiran dan daya kreatifnya masih segar, maka sesungguhnya kita amat memerlukannya.

Setiap ahli UMNO dan rakyat negara ini elok benarlah kalau dapat menerima Dr Mahathir Mohamad dan bekerjasama dengan beliau seperti pantun Melayu di bawah ini :

*Ditenun kain dengan kapas,  
bermacam-macam warna ragi,  
perahu lilin layar kertas,  
berani kulanggar lautan api.*

*Cik Daud berketam padi,  
sambil petik bunga pudak,  
tuan pergi ke laut api,  
biar hangus kuturut juga.*

*Kedondong batang sumpitan,  
batang padi saya lurutkan,  
tujuh gunung sembilan lautan,  
kalau tak mati saya turutkan.<sup>14</sup>*

Kita mestilah mempelajari falsafah daripada rangkaian terakhir sajak Dr Mahathir Mohamad, iaitu :

*Perjuangan kita belum selesai  
kerana hanya yang cekal dan tabah  
dapat membina mercu tanda  
bangsaku yang berjaya.*

Kita bersyukur kepada Allah Khaliqum alam, kerana dengan taufiq dan hidayat-Nya kita menerima kepimpinan Dr Mahathir Mohamad, kita menjadi pencinta dan pembela negara, bangsa dan agama Islam.

---

14. S. Takdir Ali Shahbana, *PUISI LAMA*, Jakarta, Pustaka Rakyat, N.V. 1954, Hlm. 27.